Our vision for Felda Global Ventures (FGV) dates back to 2006 with the adoption of Five Strategic Thrusts to transform FELDA and exponentially grow its business. FGV's subsequent listing as well as business model change is part of a strategy put in place in 2007 which includes systems, processes and a revamped human capital in preparation for a new evolution. Today, we are pursuing targets set out in a Global Strategic Blueprint designed to achieve FGV's vision of becoming a globally diversified integrated agri-based multi-national corporation. Proceeds unlocked through the listing will fuel our drive to grow within the blueprint time frame of eight years.

We are confident about our prospects because FGV is already a major palm oil force with operations in over ten countries. We are the third largest oil palm estate operator in the world and through our associate, Felda Holdings Bhd, we are the world's largest Crude Palm Oil (CPO) producer and the second largest Malaysian palm oil refiner. Besides this, we are also the country's largest refined sugar producer via MSM Malaysia Holdings Bhd, our 51 percent-owned subsidiary. On top of that, we are also involved in soybean and canola oils through our crushing and refining operations in Canada.

Such size and capabilities give us good economies of scale to leverage upon. Additionally, with a net cash and cash equivalent of RM5.6 billion at the end of fiscal 2012, we are in a strong position to capitalise on strategic mergers and acquisitions towards building winning positions in the industry.

2012 MARKET ANALYSIS AND PERFORMANCE

World CPO production dropped to 40 million tonnes in 2012 from 49 million tonnes in 2011. However, the bigger decline in demand from key buying countries resulted in Malaysia carrying a high CPO stock of 2.6 million tonnes compared to 2.1 million tonnes the previous year; causing CPO price to decline by a steep 25 percent to RM2,400 per tonne at 31 December 2012. As a high portion of FGV's group income is attributed to the plantation segment, FGV's earnings were significantly impacted by the opportunity loss of lower CPO price.

Nonetheless, the plantations division still emerged as the largest contributor to the Group's revenue contributing 75.4 percent, while the sugar business contributed 18.2 percent and the downstream division recorded much-welcomed maiden gains to contribute 6.2 percent of revenue.

Visi kami untuk Felda Global Ventures (FGV) bermula sejak tahun 2006 dengan mengguna pakai Lima Teras Strategik untuk mengubah FELDA dan mengembangkan perniagaannya dengan pesat. Penyenaraian FGV serta perubahan model perniagaan adalah sebahagian daripada strategi yang dirangkakan pada tahun 2007 yang merangkumi sistem, proses dan modal insan yang dirombak dalam persediaan ke arah satu evolusi baru. Hari ini, kami berusaha mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Rangka Tindakan Strategik Global yang direka untuk mencapai wawasan FGV untuk menjadi sebuah syarikat asas tani multinasional yang bersepadu dan berkepelbagaian. Hasil yang diperoleh menerusi penyenaraian tersebut akan menjana usaha kami untuk berkembang dalam tempoh masa pelan tindakan iaitu selama lapan tahun.

Kami yakin dengan prospek kami kerana FGV kini sudah menjadi kuasa utama minyak kelapa sawit dengan operasi di lebih sepuluh buah negara. Kami adalah pengendali ladang minyak sawit ketiga terbesar di dunia dan menerusi syarikat bersekutu kami, Felda Holdings Bhd, kami merupakan pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) terbesar di dunia dan syarikat penapis minyak sawit kedua terbesar di Malaysia. Selain itu, kami juga adalah pengeluar gula halus terbesar negara menerusi MSM Malaysia Holdings Bhd, iaitu anak syarikat milik 51 peratus kami. Sementara itu, kami juga terlibat dalam kacang soya dan kanola menerusi operasi penghancuran dan penapisan kami di Kanada.

Saiz dan keupayaan seperti ini memberikan kami skala ekonomi yang baik. Selain itu, dengan tunai dan setara tunai bersih sebanyak RM5.6 bilion pada akhir tahun kewangan 2012, kami berada dalam kedudukan yang kukuh untuk mengambil kesempatan atas penggabungan dan pengambilalihan strategik ke arah membina kedudukan unggul dalam industri.

PRESTASI DAN ANALISIS PASARAN 2012

Pengeluaran MSM dunia menurun kepada 40 juta tan metrik pada tahun 2012 daripada 49 juta tan metrik pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, penurunan yang lebih besar dalam permintaan daripada negara-negara pembeli utama menyebabkan Malaysia mempunyai stok MSM yang tinggi iaitu sebanyak 2.6 juta tan metrik berbanding 2.1 juta tan metrik pada tahun sebelumnya; ini menyebabkan harga MSM merosot mendadak sebanyak 25 peratus kepada RM2,400 satu tan metrik pada 31 Disember 2012. Oleh kerana sebahagian besar pendapatan kumpulan FGV disumbangkan oleh segmen perladangan, pendapatan FGV telah terjejas berikutan kehilangan peluang ekoran harga MSM yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, bahagian perladangan masih muncul sebagai penyumbang terbesar kepada perolehan Kumpulan dengan menyumbang 75.4 peratus, manakala perniagaan gula menyumbang 18.2 peratus dan bahagian hiliran mencatatkan keuntungan buat julung kalinya dengan menyumbang 6.2 peratus daripada perolehan.

TREND IN VEGETABLE OIL PRICES
TREND HARGA MINYAK SAYURAN



MALAYSIA CPO PRODUCTION & STOCKS
PENGELUARAN & STOK MSM MALAYSIA



Though FGV registered a 73 percent increase in revenue, the group gross profit margin for the year declined by 22 percent to RM1.6 billion from RM2.1 billion in fiscal 2011. This is largely due to lower CPO prices as well as higher operational costs and charges relating to the group's Land Lease Agreement (LLA) of RM210.18 million which arose following the group's business model change in early 2012.

However, FGV reduced total borrowings by RM202.8 million or 25.3 percent and net gearing levels remain at a healthy 1.3 times with LLA liability and 0.4 times without LLA liability in 2012. Overall, these contributed to a solid balance sheet for the year under review.

On the market front, the closing price of FGV stock on 31 December 2012 of RM4.61 per share was 6 sen or 1.3 percent and 16 sen or 3.6 percent higher than the IPO's institutional issue price and retail issue price, respectively.

Although the stock performed below the FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) which recorded 5.9 percent growth between the listing date of 28 June 2012 and 31 December 2012, the share price which declined by 14.5 percent was in tandem with the slide in the Plantations Index during the period as a result of falling world CPO prices fuelled by lower commodity demand. Against this backdrop and uncertainties in the global economy, the Group opines that the share price performed relatively well.

In view of our exposure to cyclical market demand factors, FGV is addressing the attractiveness of our stock by enhancing operational efficiencies, diversifying income and achieving horizontal integration as we are intent on unlocking the full might of our businesses.

We have begun to execute the Global Strategic Blueprint. Among others, this mandates us to focus our efforts on improving operating efficiency, optimising earnings from existing landbank, stepping up acquisitions, accelerating the turnaround of downstream operations, expanding downstream capabilities, and applying our research and development expertise across the industry supply chain.

Walaupun FGV mencatatkan peningkatan 73 peratus dalam perolehan, margin keuntungan kasar kumpulan bagi tahun ini menurun sebanyak 22 peratus kepada RM1.6 bilion daripada RM2.1 bilion pada tahun kewangan 2011. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga MSM yang lebih rendah serta kos dan caj operasi yang lebih tinggi berhubung Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) Kumpulan iaitu sebanyak RM210.18 juta yang timbul berikutan perubahan model perniagaan kumpulan pada awal tahun 2012.

Walau bagaimanapun, FGV telah mengurangkan jumlah pinjaman sebanyak RM202.8 juta atau 25.3 peratus dan tahap penggearan bersih kekal pada tahap baik 1.3 kali dengan liabiliti LLA dan 0.4 kali tanpa liabiliti LLA, pada tahun 2012. Secara keseluruhan, kesemua ini telah menyumbang kepada lembaran imbangan yang kukuh bagi tahun di bawah kajian.

Di pasaran, harga penutup saham FGV pada 31 Disember 2012 iaitu RM4.61 sesaham adalah 6 sen atau 1.3 peratus dan 16 sen atau 3.6 peratus lebih tinggi berbanding harga terbitan institusi dan harga terbitan runcit IPO, masing-masing.

Walaupun prestasi saham adalah di bawah FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) yang mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus di antara tarikh penyenaraian 28 Jun 2012 dan 31 Disember 2012, harga saham yang merosot sebanyak 14.5 peratus adalah sejajar dengan penurunan dalam Indeks Perladangan dalam tempoh tersebut berikutan kejatuhan harga MSM dunia yang didorong oleh permintaan komoditi yang lebih rendah. Dengan latar belakang ini serta ketidaktentuan dalam ekonomi global, Kumpulan berpendapat bahawa harga saham telah menunjukkan prestasi yang agak baik.

Berikutan pendedahan kami kepada faktor-faktor kitaran permintaan pasaran, FGV sedang menangani daya tarikan saham kami dengan meningkatkan kecekapan operasi, mempelbagaikan pendapatan dan mencapai integrasi mendatar kerana kami berazam untuk menggunakan kekuatan penuh perniagaan kami.

Kami telah mula melaksanakan Rangka Tindakan Strategik Global. Antara lain, dengan menumpukan usaha kami untuk meningkatkan kecekapan operasi, mengoptimumkan pendapatan daripada simpanan sedia ada, meningkatkan pengambilalihan, mempercepatkan pemulihan operasi hiliran, mengembangkan keupayaan hiliran, dan mengaplikasikan kepakaran penyelidikan dan pembangunan kami di seluruh rantaian bekalan industri.

Plantation
Perladangan

GROWING OUR CORE STRENGTHS

Through our more streamlined business model, and through the LLA, FGV can now directly drive efficiency improvements in plantation operations by having complete control over decision making issues such as fertilising and replanting of estates.

Towards this end, FGV has embarked on an aggressive replanting programme to replace its mature oil palm trees with FELDA's award winning Yangambi material at a rate of approximately 15,000 hectares per annum. Based on this rate of replanting, the age profile is expected to improve by 2015.

With the new trees, FGV can also potentially achieve oil extraction rate (OER) of 24 percent and yield of 30 tonnes per hectare per year compared to the current OER and yield of 20.51 percent and 19.13 tonnes per hectare respectively.

In mature planted areas, although weather induced tree stress reduced Fresh Fruit Bunch (FFB) production to 4.91 million tonnes as opposed to 5.2 million tonnes in 2011, the Group still maintained CPO production at 2011 levels, amounting to 3.29 million tonnes. This was made possible thanks to the purchase of third party crops and crops from 500,000 hectares of settler estates.

FGV has begun a drive to optimise performance of our existing operations and encouraging progress was made in 2012 to enhance efficiency in terms of yield and extraction rates. In this, we are supported strongly by the superior R&D capabilities of the Group which boasts agronomic expertise, superior award-winning oil palm breeding programmes and breakthroughs in oil palm biotechnology.

MEMBANGUNKAN KEKUATAN TERAS

Menerusi model perniagaan kami yang lebih selaras, serta menerusi LLA, FGV kini boleh terus memacu peningkatan kecekapan dalam operasi perladangan dengan kawalan sepenuhnya ke atas pembuatan keputusan bagi isu-isu seperti pembajaan dan penanaman semula ladang.

Bagi tujuan ini, FGV telah memulakan program penanaman semula yang agresif bagi menggantikan pokok-pokok kelapa sawit matang dengan bahan Yangambi FELDA yang diiktiraf pada kadar kira-kira 15,000 hektar setahun. Berdasarkan kadar penanaman semula ini, profil umur dijangka bertambah baik menjelang tahun 2015.

Dengan pokok-pokok baru ini juga, FGV berpotensi mencapai kadar perahan minyak (KPM) sebanyak 24 peratus dan hasil sebanyak 30 tan metrik sehektar setahun berbanding dengan KPM dan hasil semasa iaitu 20.51 peratus dan 19.13 tan metrik sehektar masing-masing menjelang 2015.

Di kawasan-kawasan tanaman matang, walaupun tekanan pokok akibat cuaca telah mengurangkan pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) kepada 4.91 juta tan metrik berbanding 5.2 juta tan metrik pada tahun 2011, Kumpulan masih mengekalkan pengeluaran MSM pada tahap tahun 2011, iaitu berjumlah hingga 3.29 juta tan metrik. Ini terhasil daripada pembelian tanaman pihak ketiga dan tanaman daripada 500,000 hektar ladang peneroka.

FGV telah memulakan usaha untuk mengoptimakan prestasi operasi sedia ada kami dan perkembangan yang menggalakkan telah berlaku pada tahun 2012 dalam meningkatkan kecekapan dari segi hasil dan kadar perahan. Dalam hal ini, kami disokong kuat oleh keunggulan keupayaan R&D Kumpulan yang mempunyai kepakaran agronomi, program-program pembiakan kelapa sawit yang unggul dan kejayaan dalam bioteknologi minyak sawit.

Selain Malaysia, kami sedang mengkaji kemungkinan untuk mengambil alih tanah yang tidak digunakan (brownfield) di Asia Tenggara, malah Papua New Guinea, dengan tujuan untuk menanam bukan sahaja kelapa sawit tetapi juga tanaman berdaya maju lain seperti getah dan tebu. Ini sejajar dengan matlamat kami

Beyond Malaysia's shores, we are exploring possibilities to acquire brownfield estates in Southeast Asia, even Papua New Guinea, with a view to plant not just oil palm but also other viable crops such as rubber and sugarcane. This is in line with our aim to grow our presence in these secondary crops as well as to address our strong dependence on palm oil. Our immediate target is to secure 150,000 hectares of land in the next five years so that by 2020, our operations will encompass one million hectares of plantations, including harvest from the settler estates. The geographical expansion may also include greenfield acquisitions in countries around the African tropical belt where we plan to implement the Felda settler-smallholder model.

Altogether, we expect to spend 50 percent of listing proceeds to pursue strategic and geographical expansions of our upstream business. Bearing in mind that overseas forays present unique risks and may require to be effected through acquisitions and mergers with local partners, we have implemented robust protocols. These are designed to mitigate any risks as well as assess new investments to ensure strategic fit with our vision.

Meanwhile, we are making good progress on the development of 40,000 hectares of land in East and Central Kalimantan through a 50:50 joint-venture with Lembaga Tabung Haji, Trurich Resources Sdn Bhd, where we have planted 24,860 hectares out of 42,000 hectares. Of these, 6,200 hectares are mature. We are also growing oil palm on another 14,385 hectares in West Kalimantan through our 95 percent owned PT Citra Niaga Perkasa which should be fully planted by 2016.

untuk mengembangkan kehadiran kami dalam tanaman sekunder tersebut serta untuk menangani kebergantungan kami kepada minyak sawit. Sasaran segera kami adalah untuk mendapatkan 150,000 hektar tanah dalam tempoh lima tahun akan datang agar menjelang tahun 2020, operasi kami akan merangkumi satu juta hektar ladang, termasuk tuaian daripada ladang peneroka. Pengembangan geografi juga merangkumi pengambilalihan tanah yang belum dibangunkan (greenfield) di negara-negara di sekitar kawasan tropika Afrika di mana kami merancang untuk melaksanakan model peneroka-pekebun kecil Felda.

Secara keseluruhannya, kami menjangka untuk membelanjakan 50 peratus daripada hasil penyenaraian untuk meneruskan pengembangan strategik dan geografi perniagaan huluan kami. Kami sedar bahawa penerokaan ke luar negara mempunyai risiko yang unik dan mungkin perlu dilaksanakan menerusi pengambilalihan dan penggabungan dengan rakan kongsi tempatan, oleh itu, kami telah mewujudkan beberapa protokol yang mantap. Protokol-protokol ini direka untuk mengurangkan sebarang risiko serta menilai pelaburan baru bagi memastikan kesesuaian yang strategik dengan visi kami.

Sementara itu, kami sedang mencapai kemajuan yang baik bagi pembangunan 40,000 hektar tanah di Timur dan Tengah Kalimantan menerusi usahasama 50:50 dengan Lembaga Tabung Haji, Trurich Resources Sdn Bhd, di mana kami telah menanam 24,860 hektar daripada 42,000 hektar. Daripada jumlah ini, 6,200 hektar adalah tanaman matang. Kami juga sedang menanam kelapa sawit di 14,385 hektar di Kalimantan Barat menerusi 95 peratus pemilikan PT Citra Niaga Perkasa yang akan ditanam sepenuhnya menjelang 2016.

Downstream
Hiliran

EXPANDING DOWNSTREAM CAPABILITIES

While we strengthen our upstream activities, FGV strives to diversify further into downstream activities, a move aimed at creating additional revenue streams to ensure adequate uptake of upstream output. Building a complete supply chain also goes to protect the livelihood of Felda settlers, our stakeholders through FELDA, who rely on our sustained operations.

In the last few years, with the support of FGV's Downstream Division, our associate, Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP) has been expanding our range of palm oil derived food products. From just cooking oils and packed products such as industrial and household margarines, the offering now includes instant noodles, mayonnaise, milk creamers and peanut butter spreads. Recently, DOP launched its first non-food products by unveiling a range of

MENGEMBANGKAN KEUPAYAAN HILIRAN

Dalam kami mengukuhkan aktiviti huluan, FGV juga berusaha untuk mempelbagaikan aktiviti hiliran, satu langkah yang bertujuan untuk mewujudkan aliran pendapatan tambahan bagi memastikan hasil daripada aktiviti huluan digunakan dengan secukupnya. Membina rantaian bekalan yang lengkap juga bertujuan untuk melindungi punca pendapatan peneroka Felda, pihak-pihak berkepentingan menerusi FELDA, yang bergantung kepada operasi mampan kami.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dengan sokongan Bahagian Hiliran FGV, syarikat bersekutu kami, Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP) telah mengembangkan rangkaian produk makanan kami yang berasaskan minyak sawit. Daripada hanya minyak masak dan produk seperti marjerin isi rumah dan industri, kami kini turut menawarkan mi segera, mayonis, krimer susu dan mentega kacang. Baru-baru ini, DOP telah melancarkan produk bukan makanan pertama mereka iaitu beberapa rangakaian sabun mandi dan krim mandi. Kami juga telah mula melibatkan diri dalam ekonomi baru muncul khususnya di ASEAN, di mana pertumbuhan pesat 600 juta penduduk menunjukkan satu potensi pasaran pengguna yang besar untuk produk kami.

premier bath soap and shower cream. We have also been initiating forays into new emerging economies especially in ASEAN, where a burgeoning 600 million population represents a huge potential consumer market for our products.

The successful penetration of SAJI cooking oil in Myanmar market augurs well for further expansion in the ASEAN region. SAJI currently enjoys more than 50 percent market share in Yangon and substantial market share in Mandalay and other parts. This points to our entry into the Cambodian and Laos market as a lucrative likelihood. We know this region very well in terms of marketing and consumer requirements and we aim to tap into consumer demands for quality products in the food segment and non-food segment, such as personal care items.

Beyond palm oil and palm kernel oil, FGV has also strategically positioned itself in the competing oils business to safeguard our core interests. At our soybean and canola crushing and refining facility in Quebec, Canada, the strategic collaboration with Bunge Canada in 2011 and better crushing activity in the final quarter contributed to a turnaround in the overseas company.

We are currently focused on optimising our oleo chemical business in Masachusetts, United States which registered growth in its profitability in 2012 supported by strong demand for fatty acids and glycerine from its key customers.

The picture is not as rosy with regard to the profitability of local palm related businesses within Felda Holdings Bhd. Profits were impacted by the disparity in CPO tax duty between Malaysia and Indonesia. However, on 1 January 2013, the Malaysian Government implemented the new CPO export tax structure – reducing CPO export taxes from 23 percent to within a range of 4.5 percent to 8.5 percent depending on market prices. The move was intended to reduce the high stockpile of CPO and help local refiners to recover market share from competitors in Indonesia. Malaysian refiners are expected to record better performance in 2013, benefitting from this new export tax structure and higher CPO supplies.



Kejayaan minyak masak SAJI menembusi pasaran Myanmar merupakan petanda yang baik untuk kami terus berkembang di rantau ASEAN. SAJI kini menguasai lebih daripada 50 peratus bahagian pasaran di Yangon dan bahagian pasaran yang besar di Mandalay serta bahagian-bahagian lain. Ini menunjukkan bahawa kemasukan ke dalam pasaran Kemboja dan Laos meramalkan kemungkinan yang lumayan. Kami mengenali rantau ini dengan baik sekali dari segi pemasaran dan keperluan pengguna dan kami berhasrat untuk meneroka permintaan pengguna untuk produk-produk yang berkualiti dalam segmen makanan dan bukan makanan, seperti barangan penjagaan diri.

Selain minyak sawit dan minyak isirung sawit, FGV juga menempatkannya secara strategik dalam persaingan perniagaan minyak bagi melindungi kepentingan teras kami. Di kilang penghancuran dan penapisan kacang soya dan kanola kami di Quebec, Kanada, kerjasama strategik dengan Bunge Kanada pada 2011 dan aktiviti penghancuran yang lebih baik pada suku akhir telah menyumbang kepada perolehan syarikat-syarikat di luar negara.

Kami kini sedang memberi tumpuan untuk mengoptimumkan perniagaan oleo kimia kami di Masachusetts, Amerika Syarikat yang telah mencatatkan pertumbuhan dalam keuntungannya pada tahun 2012 disokong oleh permintaan yang kukuh untuk asid lelemak dan gliserin daripada pelanggan utamanya.

Keadaan yang kurang memberangsangkan telah berlaku berhubung keuntungan perniagaan sawit tempatan dalam Felda Holdings Bhd yang terjejas ekoran percanggahan duti cukai MSM di antara Malaysia dan Indonesia. Walau bagaimanapun, pada 1 Januari 2013, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan struktur cukai eksport MSM yang baru, yang menurunkan cukai eksport MSM daripada 23 peratus kepada dalam lingkungan 4.5 peratus hingga 8.5 peratus bergantung kepada harga pasaran. Langkah itu bertujuan untuk mengurangkan stok MSM yang tinggi dan membantu syarikat-syarikat penapis tempatan untuk merebut kembali bahagian pasaran daripada para pesaing di Indonesia. Syarikat-syarikat penapis Malaysia dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2013, hasil manfaat struktur cukai eksport baru ini dan bekalan MSM yang lebih tinggi.

Sugar
Gula

RAISING SWEET PROSPECTS

FGV enjoys leading position in the refined sugar business in Malaysia. Our subsidiary, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) produces 57 percent of Malaysia's refined sugar products and supplies these to 260 industrial, wholesale and retail customers. In 2012, MSMH's profit before tax was lower than the previous year mainly due to lower gross margin as a result of increase in costs of raw sugar outpacing the increase in sales prices of refined sugar products. Though revenue equalled 2011's performance due to the increase in retail price of the products, sales volume decreased as a result of increased competition from imported sugar as some local industry players were granted import permits.

MSMH plans to invest RM93.7 million this year to expand its production capacity as part of the company's RM220 million plan to become a leading global player in the sugar industry. The company has been increasing the level of automation at its production facilities to upgrade its existing boilers and processes, particularly at its Kilang Gula Felda Perlis subsidiary, in line with efforts to be more cost-competitive. It has also put into operations two new silos boosting storage capacity at its Sungai Buloh warehouse which features a complete packaging system.

With the expansion, the subsidiary targets to increase its production capacity to 1.5 million tonnes by 2016 from the present 1.1 million tonnes, a jump of 36 percent. Besides the increase in production capacity, the storage capacity for refined sugar at MSMH's warehouses, which has been raised to 27,000 tonnes, would be further expanded to 37,000 tonnes, as MSMH steps up efforts to grow its export markets to more countries, among them South Korea and China.

MENINGKATKAN PROSPEK CERAH

FGV mengungguli perniagaan gula halus di Malaysia. Anak syarikat kami, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) menghasilkan 57 peratus daripada produk-produk gula halus Malaysia dan membekalkannya kepada 260 pelanggan industri, borong dan runcit. Pada tahun 2012, keuntungan sebelum cukai MSMH adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh margin kasar yang lebih rendah berikutan peningkatan kos gula mentah yang mengatasi kenaikan harga jualan produk gula halus. Walaupun hasil perolehan menyamai prestasi pada 2011 disebabkan oleh peningkatan harga runcit produk tersebut, volum jualan menurun ekoran saingan sengit daripada gula import sehubungan pemberian permit import kepada peserta industri tempatan.

MSMH merancang untuk melabur RM93.7 juta tahun ini bagi mengembangkan kapasiti pengeluarannya sebagai sebahagian daripada perancangan syarikat bernilai RM220 juta untuk menjadi pemain global utama dalam industri gula. Ia sedang berusaha meningkatkan tahap automasi di kemudahan-kemudahan pengeluarannya bagi menaik taraf dandang dan proses yang sedia ada, terutamanya di Kilang Gula Felda Perlis, selaras dengan usaha untuk menjadi lebih berdaya saing dari segi kos. Dua silo baru juga telah mula beroperasi bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan di gudang Sungai Buloh yang mempunyai sistem pembungkusan yang lengkap.

Dengan perkembangan itu, anak syarikat tersebut menyasarkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya kepada 1.5 juta tan metrik pada tahun 2016 berbanding 1.1 juta tan metrik sekarang, iaitu peningkatan sebanyak 36 peratus. Selain peningkatan kapasiti pengeluaran, kapasiti penyimpanan gula halus di gudang MSMH, yang telah dinaikkan kepada 27,000 tan metrik, akan ditingkatkan lagi kepada 37,000 tan metrik, sebagai satu langkah dalam usaha MSMH untuk mengembangkan pasaran eksportnya ke lebih banyak negara termasuk Korea Selatan dan China.







Manufacturing, Logistics and Others (MLO)

Pembuatan, Logistik dan Lain-lain (MLO)

LEVERAGING ON DIVERSE EXPERTISE

The Manufacturing, Logistics and Others (MLO) segment are made up of companies under 49 percent-owned associate, Felda Holdings Bhd. Through these companies, FGV has a stable of leading expertise in agriculture and non-agriculture based activities and services, representing a combination of strengths to support and complement FGV's core activities.

This includes, amongst others, the largest and most advanced vegetable oil terminal in Malaysia handling nearly 25 percent to 40 percent of Malaysia's total palm oil exports. Under this segment, we produce up to 30 percent of the nation's natural rubber output from 110,000 hectares of rubber plantations and through ten rubber factories. In addition, we are engaged in downstream activities namely the production of natural rubber gloves. About 76 percent of these gloves are exported to the US, and 24 percent sold to European countries, Australia, Japan and local buyers.

Other MLO companies engage in R&D, engineering, provision of security services, fertiliser manufacturing, transport, hospitality, IT and travel services.

MEMANFAATKAN PELBAGAI KEPAKARAN

Segmen Pembuatan, Logistik dan Lain-lain (MLO) adalah terdiri daripada syarikat-syarikat di bawah syarikat bersekutu pemilikan 49 peratus, Felda Holdings Bhd. Menerusi syarikat-syarikat ini, FGV memiliki kepakaran utama dalam kegiatan-kegiatan dan perkhidmatan pertanian dan bukan pertanian, yang mewakili gabungan kekuatan untuk menyokong dan melengkapkan aktiviti teras FGV.

Ini termasuklah antaranya terminal minyak sayuran terbesar dan paling maju di Malaysia yang mengendalikan hampir 25 peratus hingga 40 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia.

MLO's profit decreased by 7.4 percent to RM342.2 million for the year ended 31 December 2012. This was primarily due to a decrease in income from FFB sales at the R&D subsidiary, underpinned by lower average selling price of FFB, as well as higher manufacturing costs for cocoa and rubber processing. The decrease was offset with the increase in logistics and others segment as a result of higher transportation income and increase in monthly management levy rate in replanting services.

Di bawah segmen ini, kami mengeluarkan sehingga 30 peratus daripada penghasilan getah asli negara menerusi 110,000 hektar ladang getah manakala menerusi sepuluh kilang getah, kami terlibat dalam aktiviti-aktiviti hiliran iaitu pengeluaran sarung tangan getah asli. Lebih kurang 76 peratus daripada sarung tangan ini dieksport ke Amerika Syarikat, dan 24 peratus dijual kepada negara-negara Eropah, Australia, Jepun dan pembeli tempatan.

Syarikat-syarikat MLO lain juga terlibat dalam Penyelidikan & Pembangunan, kejuruteraan, penyediaan perkhidmatan keselamatan, pengilangan baja, pengangkutan, perkhidmatan pelancongan, IT dan hospitaliti.

Keuntungan segmen MLO menurun sebanyak 7.4 peratus kepada RM342.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pendapatan jualan BTS di anak syarikat Penyelidikan & Pembangunan, disokong oleh purata harga jualan BTS yang lebih rendah serta kos pengeluaran koko dan pemprosesan getah yang lebih tinggi. Penurunan ini telah diimbangi dengan peningkatan dalam segmen logistik dan segmen-segmen lain hasil pendapatan pengangkutan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam pengurusan kadar levi bulanan dalam perkhidmatan penanaman semula.

OPTIMISING OPERATIONS

To derive optimum value from our core businesses, in the past year we have revisited our internal structure and implemented several initiatives with a view to reduce costs and support our growth moving ahead.

To this end, a Shared Services Centre (SSC) and Supply Chain Centre of Excellence were established during the year under review.

FGV's Shared Service Centre (SSC), which commenced in April 2012 enhances service efficiencies, reduces operational costs and standardises the systems, processes and procedures within the group, by providing support in Finance and Human Resource functions across all local subsidiaries and associates.

MENGOPTIMUMKAN OPERASI

Bagi mendapatkan nilai optimum daripada perniagaan teras kami, pada tahun lepas kami telah menyemak semula struktur dalaman kami dan melaksanakan beberapa inisiatif dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan menyokong pertumbuhan masa hadapan kami.

Untuk itu, sebuah Pusat Perkongsian Perkhidmatan (SSC) dan Pusat Kecemerlangan Rantaian Bekalan telah ditubuhkan pada tahun ini.

Pusat Perkongsian Perkhidmatan FGV, yang mula beroperasi pada bulan April 2012 meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan kos operasi dan menyeragamkan sistem, proses dan prosedur di dalam kumpulan, dengan menyediakan sokongan ke seluruh fungsi Kewangan dan Sumber Manusia di kesemua anak-anak syarikat dan syarikat sekutu tempatan.

Set up in September 2012, FGV's Supply Chain Centre of Excellence, meanwhile, is an integrated logistics and distribution system for transportation of machinery, raw material and spare parts to our palm oil mills all over the country. Its establishment has increased the Group's supply chain efficiency and reduced costs by more than ten percent through standardised procurement, improved transparency and traceability with KPI measurements in place.

The spare parts management and distribution are professionally managed jointly by Felda Transport Services Sdn Bhd, Felda Prodata Systems Sdn Bhd and DHL using the Warehouse Management System (WMS). Apart from generating additional revenue to the Group in the form of services rendered, there is also a Corporate Social Responsibility (CSR) element in this exercise. It provides job opportunities to younger members of the Felda settler community. Over 60 percent of employees are made up of scions of Felda settlers and they man the six distribution centres throughout the country.

CSR is intrinsic to FGV, and as a company that emerged from socio-economic development roots, we strive to make the benefits of growth inclusive to other external and internal stakeholders; the latter by instituting a gain-sharing mechanism among our plantation employees. This mechanism seeks to incentivise

Sementara itu, Pusat Kecemerlangan Rantaian Bekalan FGV yang ditubuhkan pada September 2012 adalah satu sistem logistik dan pengedaran bersepadu untuk pengangkutan jentera, bahan mentah dan alat-alat ganti kepada kilang-kilang minyak sawit kami di seluruh negara. Penubuhannya telah meningkatkan kecekapan rantaian bekalan Kumpulan dan membantu mengurangkan kos sehingga lebih sepuluh peratus menerusi penyeragaman pemerolehan, peningkatan ketelusan dan pengesanan dengan penyediaan pengukuran KPI.

Pengurusan dan pengedaran alat-alat ganti diuruskan secara profesional bersama Felda Transport Services Sdn Bhd, Felda Prodata Systems Sdn Bhd dan DHL yang menggunakan Sistem Pengurusan Gudang (WMS). Selain daripada menjana pendapatan tambahan kepada Kumpulan dalam bentuk perkhidmatan yang diberikan, terdapat juga elemen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam usaha ini. Ia menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda dalam masyarakat peneroka Felda di mana mereka merupakan lebih 60 peratus daripada pekerja yang mengendalikan enam pusat pengedaran di seluruh negara.

Oleh kerana CSR adalah intrinsik dalam FGV sebagai sebuah Syarikat yang berakar umbi dalam pembangunan sosio ekonomi, kami berusaha merangkumkan pihak berkepentingan luar dan dalaman dalam manfaat pertumbuhan kami; bagi pihak berkepentingan dalaman dengan memulakan satu mekanisme perkongsian keuntungan di kalangan pekerja ladang. Mekanisme ini bertujuan untuk memberi insentif kepada kakitangan kami dengan mengagihkan keuntungan daripada pendapatan tambahan yang tercipta atau simpanan yang terhasil daripada inovasi

FGV's employees by distributing gains from additional revenue created or savings arising from innovations in field and mill operations among deserving employees. This scheme is structured according to a set of Key Performance Indicators and has a robust mechanism for implementation.

PREPARING FOR GREATER THINGS

The years 2013 and beyond will be exciting as we continue to explore joint ventures, acquisitions, collaborations and forays into new potential growth areas. With the Global Strategic Blueprint in place supported by good talents, tightened operations and a strong balance sheet, FGV is on a growth path which should help us navigate external economic shocks sufficiently in order to attain growth targets.

To emerge as market leaders, companies must build the right team with the right execution capabilities. FGV has scoured far and wide to attract the right talents from multifaceted backgrounds. We nurture staff performance abilities in a series of short and long term programmes. We already enjoy high employee loyalty. We are adding to this by emphasising greater diversity in our talent pool. All these contribute to the right environment to transform FGV into a breeding ground for technocrats, managers and leaders who will see us through to 2020.

The desire for growth and the determination to transform emanate from within. I am happy that the exemplary spirit and dedication of the FGV team is such that they readily aligned themselves with the Company's vision. I am sure that in every step of this transformation everyone will pull together just as they had performed relentlessly to help us reach milestone after milestone.

Thank you.

DATO' SABRI AHMAD
Group President and Chief Executive Officer

dalam operasi kilang dan ladang di kalangan kakitangan yang layak. Skim ini disusun mengikut satu set Penunjuk Prestasi Utama dan mempunyai mekanisme yang mantap untuk dilaksanakan.

BERSEDIA UNTUK MENEMPA KEHEBATAN

Tahun 2013 dan seterusnya akan menjadi tahun-tahun yang menarik apabila kami terus meneroka inisiatif usaha sama, pengambilalihan, kerjasama dan penglibatan dalam bidang-bidang pertumbuhan potensi baru. Dengan adanya Rangka Tindakan Global Strategik yang disokong oleh bakat-bakat yang bagus, operasi yang mantap dan lembaran imbangan yang kukuh, FGV kini berada di atas laluan pertumbuhan yang akan membantu kami mengemudi kejutan ekonomi luar dengan secukupnya bagi mencapai sasaran pertumbuhan.

Untuk muncul sebagai peneraju pasaran, syarikat-syarikat perlu membina pasukan yang sesuai dengan keupayaan pelaksanaan yang betul. FGV telah berusaha sedaya upayanya untuk menarik bakat yang sesuai dari latar belakang yang pelbagai. Kami memupuk keupayaan prestasi kakitangan menerusi beberapa siri program-program jangka pendek dan panjang. Kami kini memiliki tahap kesetiaan pekerja yang tinggi. Kami melanjutkan usaha ini dengan menekankan lebih banyak kepelbagaian dalam kumpulan bakat berkemahiran kami. Semua ini menyumbang kepada persekitaran yang sesuai untuk mengubah FGV menjadi tempat di mana para teknokrat, pengurus dan pemimpin dibangunkan yang seterusnya akan mengemudi perniagaan kami sehingga tahun 2020.

Keinginan untuk berkembang dan keazaman untuk berubah adalah lahir dari dalam. Saya gembira bahawa semangat dan sikap dedikasi pasukan FGV adalah dalam keadaan yang selaras dengan visi Syarikat. Saya yakin bahawa dalam setiap langkah transformasi ini semua yang terlibat akan bekerjasama seperti yang telah mereka lakukan dalam membantu kami mencapai satu demi satu kejayaan.

Terima kasih.

DATO' SABRI AHMAD
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

The FGV stable of subsidiaries and associate companies is stocked with leading expertise across several industries. These include MSM Malaysia Holdings Berhad – Malaysia's largest sugar producer, Felda Holdings Bhd – the world's leading CPO producer, Felda Agricultural Services Sdn Bhd – the nation's leading oil palm seeds producer, and Felda-Johore Bulkers Sdn Bhd – possessing the biggest vegetable oil storage bulk operations in the world.

Rangkaian anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu FGV memiliki kepakaran terkemuka merentasi beberapa industri. Ini termasuk MSM Malaysia Holdings Berhad – pengeluar gula terbesar di Malaysia, Felda Holdings Bhd – peneraju pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) dunia, Felda Agricultural Services Sdn Bhd – peneraju pengeluar benih kelapa sawit negara dan Felda-Johore Bulkers Sdn Bhd – penyimpan pukal minyak sayuran terbesar di dunia.

Brimming with Star Power

Bersinar dengan Kuasa Menyerlah

Board of Directors
Lembaga Pengarah

YB Tan Sri Haji Mohd Isa
Dato' Haji Abdul Samad

Chairman, Non-Independent Non-Executive Director
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, aged 63, a Malaysian, was appointed as Chairman and Non-Independent Non-Executive Director of FGV on 1st January 2011. He is also the Chairman of the Nomination Committee.

He graduated with a Bachelor in Arts from the University of Malaya and began his career in politics in 1974 as the Deputy of the United Malays National Organisation (UMNO) Youth of Teluk Kemang. He has held the position of Chief of UMNO Youth Teluk Kemang, Chief of UMNO Teluk Kemang (a position held until now) and State Assemblyman of Linggi. He was previously the Chief Minister of Negeri Sembilan from 1982 to 2004, Member of Parliament for Jempol, Minister of Federal Territories and former Vice President of UMNO.

He is currently the Chairman of Federal Land Development Authority (FELDA), MSM Malaysia Holdings Berhad and Felda Holdings Bhd. He is also a director of Negeri Sembilan Holdings Berhad, Amanah Saham Negeri Sembilan Berhad and several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended 17 out of 24 Board Meetings held during the financial year under review. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, berusia 63 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas FGV pada 1 Januari 2011. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya dalam politik pada 1974 sebagai Timbalan Ketua Pemuda Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Teluk Kemang. Beliau telah memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Teluk Kemang, Ketua UMNO Teluk Kemang (jawatan yang dipegang hingga kini) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Linggi. Beliau sebelum ini merupakan Menteri Besar Negeri Sembilan dari 1982 hingga 2004, Ahli Parlimen Jempol, Menteri Wilayah Persekutuan dan mantan Naib Presiden UMNO.

Terkini, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), MSM Malaysia Holdings Berhad dan Felda Holdings Bhd. Beliau juga merupakan pengarah di Negeri Sembilan Holdings Berhad, Amanah Saham Negeri Sembilan Berhad dan beberapa syarikat lain dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau telah menghadiri 17 daripada 24 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Malaysian, aged 60, was appointed as Independent Non-Executive Director of FGV on 12th August 2012 and was re-designated as Independent Non-Executive Director on 24th April 2013. He is also a Member of the Board Steering Committee.

He holds a Bachelor of Economics (Honours) Degree in Applied Economics from University of Malaya and a Masters of Philosophy in Development Studies from the Institute of Development Studies, University of Sussex, United Kingdom (UK). He obtained a PhD in Economics from School of Business and Economic Studies, University of Leeds, UK. In 2004, he attended the Advanced Management Programme at Harvard Business School, Harvard University.

He began his career in the Administrative and Diplomatic Service as Assistant Director, Economic Planning Unit (EPU) in the Prime Minister's Department in 1975. He was later promoted to the position of Senior Assistant Director, Macro-Economics in 1984, Senior Assistant Director, Human Resource Section and Director, Energy Section in 1988. In the same year, he was seconded to the World Bank Group in Washington DC, United States of America as Alternate Executive Director. He then served the Ministry of Finance (MOF) as Deputy Secretary in the Economics and International Division in 2001. He later returned to EPU in the Prime Minister's Department as Deputy Director General, Macro Planning Division, in 2004. In 2005, he was appointed Deputy Secretary General of Treasury (Policy), Federal Treasury in the MOF and later on as the Secretary General of MOF, a position he held until his retirement in May 2008 and subsequently continued to serve as Secretary General of Treasury until August 2012.

He currently sits on the boards of Malaysia Airports Holdings Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Johor Petroleum Development Corporation Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad and Sime Darby Berhad. He also sits as a Board member of a subsidiary within Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended three out five Board Meetings of the Company during the financial year under review since his appointment as Director. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, warganegara Malaysia, berusia 60 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FGV pada 12 Ogos 2012 dan telah dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 24 April 2013. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Falsafah dalam Pengajian Pembangunan dari Institut Kajian Pembangunan, University of Sussex, United Kingdom (UK). Beliau memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Ekonomi dari Fakulti Perniagaan dan Pengajian Ekonomi, University of Leeds, UK. Pada tahun 2004, beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Universiti Harvard.

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sebagai Penolong Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1975. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pengarah Kanan, Makro-Ekonomi pada tahun 1984, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Sumber Manusia dan Pengarah, Bahagian Tenaga pada tahun 1988. Pada tahun yang sama, beliau telah dipinjamkan kepada Kumpulan Bank Dunia di Washington DC, Amerika Syarikat sebagai Pengarah Eksekutif Pengganti. Beliau kemudian berkhidmat di Kementerian Kewangan (MOF) sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa pada tahun 2001. Beliau kemudian kembali ke EPU di Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Perancangan Makro, pada tahun 2004. Pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Perbendaharaan Persekutuan di MOF dan seterusnya sebagai Ketua Setiausaha MOF, jawatan yang disandang sehingga persaraan beliau pada bulan Mei 2008 dan kemudiannya terus berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan sehingga bulan Ogos 2012.

Terkini, beliau adalah ahli lembaga pengarah di Malaysia Airports Holdings Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Johor Petroleum Development Corporation Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad dan Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah sebuah anak syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau telah menghadiri tiga daripada lima Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah

Non-Independent and Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, Malaysian, aged 56, was appointed as Non-Independent Non-Executive Director of FGV on 29th November 2012.

He holds a PhD in Economics from International Islamic University Malaysia, Masters of Science in Energy, Management and Policy from University of Pennsylvania, United States of America, and Bachelors Degree with Honours in Population Studies from University Malaya.

He also attended the Advanced Management Program at Harvard Business School, Harvard University, United States of America. He has extensive experience working in the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department from 1984 until 2003 and was involved in the preparation of the Fifth Malaysia Plan, Action Plan of the First Industrial Master Plan, and setting up of the Energy Division.

In 2003, he joined the Ministry of Finance (MOF) and held various positions, including Principal Assistant Secretary in the Economics and International Division, Head of Econometrics Section, Head of Multi Lateral Relations, Deputy Under Secretary (Macro) of the Economics and International Division, and Under Secretary of Economics and International Division, before being appointed as Deputy Secretary General (Policy) in 2011. He is currently the Secretary General of MOF.

He is currently the Chairman of Retirement Fund Incorporated and sits on the boards of Federal Land Development Authority (FELDA), International Islamic University Malaysia, Capital Market Development Fund, Malaysian Venture Capital Development Council, Lembaga Tabung Haji, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), Danainfra Nasional Berhad, Malaysia Airline System Berhad (MAS), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) and GovCo Holdings Berhad. He is a nominee director of MOF Incorporated, the holder of the Special Share of FGV under the Memorandum and Articles of Association of FGV.

He attended one out of two Board Meetings of the Company held during the financial year under review since his appointment as Director. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, warganegara Malaysia, berusia 56 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas FGV pada 29 November 2012.

Dato' Khairil Anuar Aziz, 46, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Operasi Perniagaan Dalam Negeri) Felda Global Ventures Holdings Berhad dan Timbalan Pengarah Urusan Felda Holdings Bhd pada 1 November 2012. Beliau berkelulusan dari Coventry University, England pada tahun 1993, dengan memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam jurusan Pengurusan Pemasaran. Beliau memulakan kerjaya sebagai Penganalisis Sistem di Bahagian Pengurusan Sumber di Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS) di Wakefield, Utara England dan memulakan kerjaya beliau di Malaysia pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan Renong dengan Renong Group Berhad. Beliau memegang beberapa jawatan dalam Kumpulan Syarikat Renong iaitu United Engineers Malaysia Berhad (UEM), Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA), Time Engineering Berhad (TEB) dan TIMEDOTCOM Berhad (TDC) yang mana syarikat-syarikatnya terlibat dalam pembinaan, pembuatan, logistik, pengedaran dan pemasaran, pembangunan perniagaan dan industri ICT.

Beliau meninggalkan Renong untuk memegang jawatan Pengurusan Kanan JARING Communications Sdn Bhd (MIMOS Berhad) sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MLABS Systems Berhad, sebuah syarikat bersekutu Universiti Sains Malaysia dan berjaya menyenaraikan syarikat tersebut di Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau kemudiannya telah dilantik oleh SCAN Associates Berhad sebagai Pengarah, Perniagaan Antarabangsa dan Ketua Pegawai Pemasaran, yang bertanggungjawab bagi Penyelesaian Keselamatan ICT dan Perundingan untuk pasaran domestik dan antarabangsa sebelum penyenaraiannya di Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif GSSB Consulting Sdn Bhd yang terlibat khususnya dalam pelbagai pembangunan modal insan, strategi korporat dan pengurusan perubahan, sebelum menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau adalah Panel Penasihat Industri (IAP) Universiti Sains Malaysia dan juga merupakan ahli panel yang dilantik Gabungan Pemikir Profesional Felda (GAPROF), di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri yang secara sukarela menasihatkan tentang halatuju strategik pembangunan sosial dan ekonomi komuniti Felda.

Beliau adalah seorang pengarah Bukan Eksekutif di Sinergi Perdana Sdn Bhd, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan MMU-Cnergy Sdn Bhd, anak syarikat Multimedia University-Telekom Malaysia Berhad. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat dan syarikat bersekutu Felda Global Ventures Holdings Berhad.

DR SUZANA IDAYU WATI OSMAN

Chief Strategy Officer
Ketua Pegawai Strategi

Dr Suzana Idayu Wati Osman, 44, a Malaysian, is the Chief Strategy Officer of Felda Global Ventures Holdings Berhad since 12 January 2010. She is responsible for the Group's overall corporate strategy and business planning.

She holds a Bachelor of Business Administration (Honours) Degree in Business Studies from the University of Huddersfield, England and a Master of Business Administration (Finance) and Doctorate in Finance from Universiti Putra Malaysia. She has also attended the Advanced Management Program at Harvard Business School, Harvard University, United States of America in 2009.

She started her career in 1990, as an Audit and Accounting Assistant for the London Borough of Barking and Dagenham, United Kingdom. In 1993, she worked as Sales Administration Officer with Metroplex Berhad and then as a Finance and Administration Manager in a manufacturing company. She then joined Bank of Tokyo-Mitsubishi in 1994 as an Assistant Vice President in Forex and Fund Department and subsequently she joined Sime Bank in 1998 as a Foreign Exchange Dealer in International Banking Department.

She joined Federal Land Development Authority (FELDA) in 1998 as an Investment Analyst and progressed to the position of Head of Investment. She then joined Felda Global Ventures Holdings Berhad in 2008 as a Deputy Group Chief Executive Officer. In 2010, Felda Global Ventures Group undertook a re-organisation and re-structuring exercise resulting in Felda Global Ventures Holdings Berhad becoming the parent company of certain commercial entities within FELDA Group of companies. In the enlarged entity of Felda Global Ventures Holdings Berhad, she was promoted to be the Executive Vice President and assumed her current position.

She is a Non-Independent Non-Executive director of MSM Malaysia Holdings Berhad and a Board member of several private limited companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Dr Suzana Wati Idayu Osman, 44, warganegara Malaysia, adalah Ketua Pegawai Strategi Felda Global Ventures Holdings Berhad sejak 12 Januari 2010. Beliau bertanggungjawab ke atas strategi korporat dan perancangan perniagaan Kumpulan secara keseluruhan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pengajian Perniagaan dari Universiti Huddersfield, England dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dan Doktor Falsafah dalam Kewangan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat pada tahun 2009.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1990, sebagai Penolong Audit dan Perakaunan bagi London Borough of Barking dan Dagenham, United Kingdom. Pada tahun 1993, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbiran Jualan dengan Metroplex Berhad dan kemudian sebagai Pengurus Kewangan dan Pentadbiran di sebuah syarikat pembuatan. Beliau kemudian menyertai Bank of Tokyo-Mitsubishi pada tahun 1994 sebagai Naib Presiden Penolong di Jabatan Forex dan Dana dan kemudiannya menyertai Sime Bank pada tahun 1998 sebagai Peniaga Pertukaran Asing di Jabatan Perbankan Antarabangsa.

Beliau menyertai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1998 sebagai Penganalisis Pelaburan dan seterusnya ke jawatan Ketua Pelaburan. Beliau kemudian menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad pada tahun 2008 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pada tahun 2010, Kumpulan Felda Global Ventures telah melaksanakan penyusunan semula dan penstrukturan semula yang menjadikan Felda Global Ventures Holdings Berhad sebagai syarikat induk kepada beberapa entiti komersial tertentu dalam Kumpulan Syarikat FELDA. Dalam entiti besar Felda Global Ventures Holdings Berhad, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Eksekutif dan menyandang jawatan terkini beliau.

Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad dan ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

FAIRUZ ISMAIL

Head of Global Plantations
Ketua Perladangan Global

Fairuz Ismail, 49, a Malaysian, is the Head of Global Plantations of Felda Global Ventures Holdings Berhad. He has a Diploma in Planting and Industry Management from Universiti Teknologi MARA (UiTM).

He started his career in 1985 at Golden Hope Plantations Berhad where he served within the group for 22 years. His last position was the Head of Plantation, Indonesia. After the merger between Golden Hope Plantations Berhad, Kumpulan Guthrie Berhad and Sime Darby Berhad in 2007, he was appointed as Region Head of Estates Operations in East Malaysia in the new entity, Sime Darby Plantations Sdn Bhd. He then continued his service as Head of New Projects in Liberia, Sabah and Sarawak. His last position at Sime Darby Plantations Sdn Bhd was as Head of Plantations, Africa. In 2010, he joined Felda Global Ventures Holdings Berhad as Senior Vice President, Head of Transformation and Management Office. He is an Exco member of Malaysian Palm Oil Association (MPOA) and also a member of several professional bodies namely Asian Institute of Management (AIM) and Incorporated Society of Planters (ISP).

He also sits as a Board member of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Fairuz Ismail, 49, warganegara Malaysia, adalah Ketua Perladangan Global di Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau mempunyai Diploma dalam Perladangan dan Pengurusan Industri dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 di Golden Hope Plantations Berhad di mana beliau berkhidmat dalam kumpulan selama 22 tahun. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Perladangan, Indonesia. Selepas penggabungan Golden Hope Plantations Berhad, Kumpulan Guthrie Berhad dan Sime Darby Berhad pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Wilayah Operasi Estet di Malaysia Timur dalam entiti baru, Sime Darby Plantations Sdn Bhd. Beliau kemudiannya meneruskan tugas sebagai Ketua Projek-projek Baru di Liberia, Sabah dan Sarawak. Jawatan terakhir beliau di Sime Darby Plantations Sdn Bhd adalah sebagai Ketua Perladangan, Afrika. Pada tahun 2010, beliau menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad sebagai Naib Presiden Kanan, Ketua Pejabat Transformasi dan Pengurusan. Beliau adalah seorang ahli Exco Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan juga ahli beberapa badan-badan profesional iaitu Institut Pengurusan Asia (AIM) dan Incorporated Society of Planters (ISP).

Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

ABDUL HALIM AHMAD

Executive Vice President, Downstream
Naib Presiden Eksekutif, Hiliran

Abdul Halim Ahmad, 58, a Malaysian, is the Executive Vice President, Downstream of Felda Global Ventures Holdings Berhad. He holds a Diploma in Mechanical Engineering from Universiti Teknologi Malaysia in 1977. He is also a Certified Steam Engineer Grade 2 from Jabatan Kilang & Jentera which he obtained in 1986. He also attended various courses held at the Asian Institute of Management, Manila, Philippines and Harvard University, United States of America.

He began his career with Federal Land Development Authority (FELDA) in 1977 and has held various positions as an Assistant Manager, Manager and General Manager. He also served as Chief Executive Officer in some Felda Holdings Bhd's subsidiaries such as Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd and Felda Palm Industries Sdn Bhd. In 2005, he was promoted to be the Executive Director of Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd and later as Senior Executive Director of Felda Palm Industries Sdn Bhd in 2007.

In 2010, he joined Felda Global Ventures Holdings Berhad as Senior Vice President holding the position of Head of Downstream and Oleochemicals. He is also involved in various committees including the Chairman of Technical Committee of Malaysian Palm Oil Association (MPOA). He is currently a member of Program Advisory Council to the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) and Universiti Putra Malaysia.

He also sits as a Board member of several private limited companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Abdul Halim Ahmad, 58, warganegara Malaysia, adalah Naib Presiden Eksekutif, Hiliran di Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau memiliki Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1977. Beliau juga adalah Jurutera Wap Gred 2 yang Bertauliah dari Jabatan Kilang & Jentera yang diperolehinya pada tahun 1986. Beliau juga telah menghadiri pelbagai kursus-kursus yang diadakan di Asian Institute of Management, Manila, Filipina dan Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1977 dan telah memegang pelbagai jawatan sebagai Penolong Pengurus, Pengurus dan Pengurus Besar. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dalam beberapa anak syarikat Felda Holdings Bhd, seperti Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd dan Felda Palm Industries Sdn Bhd. Pada tahun 2005, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kanan Felda Palm Industries Sdn Bhd pada tahun 2007.

Pada tahun 2010, beliau menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad sebagai Naib Presiden Kanan dengan memegang jawatan Ketua Hiliran dan Oleokimia. Beliau juga terlibat dalam pelbagai jawatankuasa termasuk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA). Beliau kini merupakan ahli Majlis Penasihat Program kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Putra Malaysia.

Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

CHUA SAY SIN

Head of Sugar Cluster
Ketua Kelompok Gula

Chua Say Sin, 66, a Malaysian, is the Head of Sugar Cluster of Felda Global Ventures Holdings Berhad and is responsible for the sugar refining business which includes the refined sugar operations and productions in the two subsidiaries, namely Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd and Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad. He is also the Chief Executive Officer of MSM Malaysia Holdings Berhad.

He holds a Bachelor in Electrical Engineering from the University of New South Wales, Australia and a Master of Engineering Science from the University of Sydney, Australia. He is currently a registered Professional Engineer and also a Member of the Institution of Engineers, Malaysia (MIEM).

He started his career in the container port of the Port of Singapore Authority, Singapore in 1973. He then joined Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd as an Instrument Manager in 1974, where he was primarily responsible for the implementation of automatic/computer control and mechanisation of sugar refinery operations. He rose through the ranks of Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd and was appointed as the Factory Manager in 1988 before he was seconded to another subsidiary of PBB Group, ChemQuest Sdn Bhd, holding the post of the Managing Director. Since 1999 until present, he is the Managing Director of Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd. He has over 30 years of experience in the sugar industry.

He also sits as a Board member of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Chua Say Sin, 66, warganegara Malaysia, adalah Ketua Kelompok Gula Felda Global Ventures Holdings Berhad dan bertanggungjawab ke atas perniagaan penapisan gula yang merangkumi operasi gula halus dan pengeluaran di kedua-dua anak-anak syarikat, iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd dan Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari University of New South Wales, Australia dan Sarjana Sains Kejuruteraan dari University of Sydney, Australia. Beliau kini merupakan seorang Jurutera Profesional yang berdaftar dan juga Ahli Institut Jurutera Malaysia (MIEM).

Beliau memulakan kerjaya di pelabuhan kontena Lembaga Pelabuhan Singapura, Singapura pada tahun 1973. Beliau kemudiannya menyertai Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd sebagai Pengurus Instrumen pada tahun 1974, di mana beliau bertanggungjawab ke atas pelaksanaan kawalan automatik / komputer dan mekanisasi operasi penapisan gula. Beliau telah dinaikkan pangkat di Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd dan dilantik sebagai Pengurus Kilang pada tahun 1988 sebelum beliau dipinjamkan ke sebuah lagi anak syarikat Kumpulan PBB, Chem Quest Sdn Bhd, dengan memegang jawatan Pengarah Urusan. Sejak tahun 1999 hingga sekarang, beliau adalah Pengarah Urusan Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri gula.

Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

AHMAD TIFLI DATO' HJ MOHD TALHA

Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan

Ahmad Tifli Dato' Hj Mohd Talha, 47, a Malaysian, is the Chief Financial Officer of Felda Global Ventures Holdings Berhad. He completed his Foundation Course in Accounting at Trent University, Nottingham, United Kingdom in 1985 after which, he pursued and completed his professional articleship training and became a member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) in 1989. He is also a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

He started his career in 1985 in Hobson Phillips & Sharpe Chartered Accountants, Nottingham, England. In 1991, he joined Price Waterhouse Kuala Lumpur as an Audit Senior. He then moved to Perbadanan Usahawan Nasional Berhad as an Accountant in 1993. He later joined Boustead Trading Sdn Bhd as Financial Controller from 1994 to 1995. From 1995 until 2002, he was the Group Financial Controller as well as the Chief Operating Officer of Kumpulan Mofaz Sdn Bhd.

He joined PROTON Berhad in 2003 until 2007 where he held positions as Deputy General Manager in Strategy, Chief Executive Officer of a subsidiary of PROTON Berhad, and finally as Head of International Sales & Services Division, PROTON Berhad. From 2007 to 2008, he was involved in a motorsports project as Chief Operating Officer of Motorsports Knights (M) Sdn Bhd before he moved to Scomi Group as a Head of Scomi Coach in 2008. In 2011, he joined Felda Global Ventures Holdings Berhad as Senior Vice President and assumed his current position.

He also sits as a Board member of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Ahmad Tifli Dato' Hj Mohd Talha, 47, warganegara Malaysia, adalah Ketua Pegawai Kewangan Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau menamatkan Kursus Asas dalam Perakaunan di Trent University, Nottingham, United Kingdom pada tahun 1985 dan selepas itu menjalani latihan profesional dan menjadi ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales (ICAEW) pada tahun 1989. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 di Hobson Phillips & Sharpe Chartered Accountants, Nottingham, England. Pada tahun 1991, beliau menyertai Price Waterhouse Kuala Lumpur sebagai Juruaudit Kanan. Beliau kemudian berpindah ke Perbadanan Usahawan Nasional Berhad sebagai Akauntan pada tahun 1993. Beliau kemudian menyertai Boustead Trading Sdn Bhd sebagai Pengawal Kewangan dari 1994 hingga 1995. Dari tahun 1995 sehingga 2002, beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan serta Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Mofaz Sdn Bhd.

Beliau menyertai PROTON Berhad pada tahun 2003 sehingga tahun 2007 di mana beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar Strategi, Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah anak syarikat PROTON Berhad, dan akhirnya sebagai Ketua Bahagian Jualan & Perkhidmatan Antarabangsa, PROTON Berhad. Dari tahun 2007 hingga 2008, beliau terlibat dalam satu projek sukan bermotor sebagai Ketua Pegawai Operasi Motorsports Knights (M) Sdn Bhd sebelum beliau berpindah ke Kumpulan Scomi sebagai Ketua Scomi Coach pada tahun 2008. Pada tahun 2011, beliau menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad sebagai Naib Presiden Kanan dan memegang jawatan terkini beliau.

Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

NIK MUSTAPHA NIK MOHAMED

Chief Human Resource and Corporate Services
Ketua Sumber Manusia dan Khidmat Korporat

Nik Mustapha Nik Mohamed, 56, a Malaysian, is the Chief Human Resource and Corporate Services of Felda Global Ventures Holdings Berhad. He is responsible for the overall management of human capital, internal communications, corporate occupational safety and health and corporate services of Felda Global Ventures Group of Companies.

He holds a Bachelor of Science and Master of Science, both from Northern Illinois University Dekalb, Illinois, United States of America. He also obtained a Diploma in Education from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1983. In 1990, he obtained his Master of Business Administration from Cranfield University, United Kingdom.

He started his career in 1978 as a Research Assistant in Northern Illinois University Dekalb, Illinois, United States of America. From 1981 to 1984, he was a Development Officer and Lecturer in Education and Training Division of Majlis Amanah Rakyat (MARA) where he became a lecturer in MARA Junior Science College of Kota Bharu, Kelantan. In 1984, he moved to Rank Xerox Ltd. Malaysia where he worked as Senior Personnel Executive/Human Resource Manager. In 1987, he was appointed as Personnel Manager/Human Resource Director in Sterling Drug Malaysia and Singapore for about seven years before he moved to Permodalan Nasional Berhad as Assistant General Manager/General Manager of Human Resource & Corporate Affairs Division in 1995. Prior to joining Felda Global Ventures Holdings Berhad in 2011, he was with Unilever Malaysia and Singapore since 2000 where he held the position of Human Resource and Corporate Relations Director.

He also sits as a Board member of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Nik Mustapha Nik Mohamed, 56, warganegara Malaysia, adalah Ketua Psumber Manusia dan Khidmat Korporat Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengurusan modal insan, komunikasi dalaman, keselamatan dan kesihatan pekerjaan korporat dan perkhidmatan korporat Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Sains, kedua-duanya dari Universiti Northern Illinois Dekalb, Illinois, Amerika Syarikat. Beliau juga memperoleh Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1983. Pada tahun 1990, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Cranfield University, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1978 sebagai Pembantu Penyelidik di Universiti Northern Illinois Dekalb, Illinois, Amerika Syarikat. Dari tahun 1981 hingga 1984, beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan dan Pensyarah di Bahagian Pendidikan dan Latihan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di mana beliau menjadi pensyarah di Kolej Sains Junior MARA Kota Bharu, Kelantan. Pada tahun 1984, beliau berpindah ke Rank Xerox Ltd Malaysia di mana beliau bekerja sebagai Eksekutif Kanan Kakitangan/Pengarah Sumber Manusia. Pada tahun 1987, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Kakitangan/Pengarah Sumber Manusia di Sterling Drug Malaysia dan Singapura selama kira-kira tujuh tahun sebelum beliau berpindah ke Permodalan Nasional Berhad sebagai Penolong Pengurus Besar/Pengurus Besar Bahagian Sumber Manusia & Hal Ehwal Korporat pada tahun 1995. Sebelum menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad pada tahun 2011, beliau berkhidmat dengan Unilever Malaysia dan Singapura sejak tahun 2000 di mana beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Perhubungan Korporat dan Sumber Manusia.

Beliau juga ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

NORZAIMAH MAAROF

Chief Counsel
Ketua Peguam

Norzaimah Maarof, 43, a Malaysian, is the Chief Counsel of Felda Global Ventures Holdings Berhad since 1 December 2009. She holds a Bachelor of Laws from the University of Southampton, United Kingdom in 1992 and was called to the Bar of England and Wales in 1993.

She started her career in 1994 in the Corporate Department of General Lumber Fabricators & Builders Bhd until 2000. Thereafter she moved to Phillips Malaysia Sdn Bhd as Senior Legal Counsel from 2000 to 2003. She joined Pfizer Malaysia Sdn Bhd in 2003 where she was first appointed as Legal Director for Malaysia, Singapore and Brunei and then seconded to Pfizer Headquarters in New York in 2006. She was later appointed as Legal Director for Asia Research and Development where she provided core research and development, legal support and counsel for Pfizer Global Research and Development organisations in Asia and provided support and counsel for international clinical trials. In 2009, she joined Felda Global Ventures Holdings Berhad as Vice President and assumed her current position.

Norzaimah Maarof, 43, warganegara Malaysia, adalah Ketua Peguam Felda Global Ventures Holdings Berhad sejak 1 Disember 2009. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of Southampton, United Kingdom pada tahun 1992 dan telah dipanggil ke Bar of England dan Wales pada tahun 1993.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1994 di Jabatan Korporat General Lumber Fabricators & Builders Bhd sehingga tahun 2000. Selepas itu, beliau berpindah ke Phillips Malaysia Sdn Bhd dan berkhidmat sebagai Penasihat Perundangan Kanan dari 2000 hingga 2003. Beliau menyertai Pfizer Malaysia Sdn Bhd pada tahun 2003 di mana beliau telah dilantik sebagai Pengarah Undang-undang di Malaysia, Singapura dan Brunei dan kemudian dipinjamkan ke Ibu Pejabat Pfizer di New York pada tahun 2006. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Undang-undang untuk Penyelidikan dan Pembangunan Asia di mana beliau memberikan teras penyelidikan dan pembangunan, sokongan perundangan dan khidmat guaman kepada organisasi-organisasi Penyelidikan dan Pembangunan Global Pfizer di Asia dan menyediakan sokongan dan khidmat guaman bagi perbicaraan klinikal antarabangsa. Pada tahun 2009, beliau menyertai Felda Global Ventures Holdings Berhad sebagai Naib Presiden dan memegang jawatan terkini beliau.

PALANIAPPAN SWAMINATHAN

Head of Research and Development
Ketua Penyelidikan dan Pembangunan

Palaniappan Swaminathan, 58, a Malaysian, is the Head of Research and Development of Felda Global Ventures Holdings Berhad and currently the Chief Executive Officer of Felda Agricultural Services Sdn Bhd. He holds a Bachelor of Science (Honours) and a Master of Science both from Universiti Malaya. In 1993, he obtained his ACCA Certified Diploma in Accounting and Finance and a certificate in plant breeding from the International Agricultural Centre, Wageningen, Netherlands.

He was a Research Officer of Perbadanan Khidmat Pertanian Felda (now known as Felda Agricultural Services Sdn Bhd) in 1978. He was then appointed as the General Manager of Research and Development in 2004 and in 2006 as the Chief Executive Officer of Felda Agricultural Services Sdn Bhd. His research activities covered agronomy, breeding and processing of oil palm, cocoa, coconut, coffee, tropical fruits and tropical herbs crops.

He is involved in various committees including the Main Research and Development Committee of Malaysian Palm Oil Association (MPOA). He was a member of the Advisory Committee for Biotechnology and Molecular Science, Universiti Putra Malaysia and was a member of the board of advisors for the proposed Kulliyyah of Agricultural Science and National Resources, International Islamic University Malaysia.

He also sits as a Board member of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Palaniappan Swaminathan, 58, warganegara Malaysia, adalah Ketua Penyelidikan dan Pembangunan Felda Global Ventures Holdings Berhad dan kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Agricultural Services Sdn Bhd. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dan Sarjana Sains kedua-duanya dari Universiti Malaya. Pada tahun 1993, beliau memperoleh Diploma Pensijilan ACCA dalam Perakaunan dan Kewangan dan sijil dalam pembiakan tumbuhan dari Pusat Pertanian Antarabangsa, Wageningen, Belanda.

Beliau adalah Pegawai Penyelidikan Perbadanan Khidmat Pertanian Felda (kini dikenali sebagai Felda Agricultural Services Sdn Bhd) pada tahun 1978. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan pada tahun 2004 dan pada tahun 2006 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Felda Agricultural Services Sdn Bhd. Aktiviti penyelidikan beliau meliputi agronomi, pembiakan dan pemprosesan minyak sawit, koko, kelapa, kopi, buah-buahan tropika dan herba tanaman tropika.

Beliau terlibat dalam pelbagai jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Utama Penyelidikan dan Pembangunan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA). Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Penasihat Bioteknologi dan Sains Molekul, Universiti Putra Malaysia dan merupakan ahli lembaga penasihat untuk cadangan Kulliyyah Sains Pertanian dan Sumber Negara, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

IDA SURYATI DATUK ABDUL RAHIM

Company Secretary
Setiausaha Syarikat

Ida Suryati Datuk Abdul Rahim, Malaysian, 41, is the Company Secretary of Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) and its Group of Companies. She was appointed as Company Secretary of FGV on 16 December 2011.

She graduated with a Bachelor of Laws from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1996 and Master of Laws from University of Malaya in 2005. She is a qualified advocate and solicitor of the High Court of Malaya since 1997 and is a licensed company secretary by the Companies Commission of Malaysia.

She had held several positions as legal adviser and company secretary to several public listed and private limited companies, including as the company secretary of Tradewinds (M) Berhad (2004 to 2006) and Tradewinds Plantation Berhad (2006 to 2009). She joined FGV in December 2011 and currently serves as Vice President, Secretarial and Group Company Secretary of Felda Global Ventures Group. She is also the Company Secretary of MSM Malaysia Holdings Berhad, a subsidiary company of FGV listed on Bursa Malaysia Securities Berhad and the secretary for all Board Committees of FGV.

Ida Suryati Datuk Abdul Rahim, warganegara Malaysia, 41, adalah Setiausaha Syarikat untuk Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan Kumpulan Syarikatnya. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat FGV pada 16 Disember 2011.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1996 dan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Malaya pada tahun 2005. Beliau adalah seorang peguambela dan peguamcara bertauliah Mahkamah Tinggi Malaya sejak tahun 1997 dan merupakan setiausaha syarikat yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Beliau telah memegang beberapa jawatan sebagai penasihat undang-undang dan setiausaha syarikat kepada beberapa syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, termasuk sebagai setiausaha syarikat Tradewinds (M) Berhad (2004 hingga 2006) dan Tradewinds Plantation Berhad (2006 hingga 2009). Beliau menyertai FGV pada bulan Disember 2011 dan kini berkhidmat sebagai Naib Presiden, Kesetiausahaan dan Setiausaha Syarikat Kumpulan dalam Kumpulan Felda Global Ventures. Beliau juga merupakan Setiausaha Syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat FGV yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad dan setiausaha kepada semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah FGV.

FGV is globally diversified into different commodities with a business footprint extending to ten countries. Beyond its interests in rubber, sugar and cocoa in Malaysia, and oil palm in Indonesia and Malaysia, it has invested in soy and canola, in North America. Its collaboration with Bunge in North America and IFFCO in Turkey strategically links its businesses with leading companies in soft oils globally.

FGV mempunyai kepelbagaian komoditi di peringkat global dengan operasi perniagaan yang menjangkau ke sepuluh buah negara. Selain kepentingannya dalam getah, gula dan koko di Malaysia, dan kelapa sawit di Indonesia dan Malaysia, ia juga telah melabur dalam soya dan kanola di Amerika Utara. Kerjasamanya dengan Bunge di Amerika Utara dan IFFCO di Turki telah menghubungkan perniagaannya secara strategik dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam minyak cairan di peringkat global.

Growing Star Potential

Menghidupkan Potensi Cerah

Media Highlights
Sorotan Media

"Felda's listing will generate wealth for settlers."

Bernama, 28 June 2012

"FVG's Strong Debut Signals Long-term Confidence In Oil Palm Industry."

Bernama, 28 June 2012

"Palm Oil is used to make many things from popcorn to lipstick, now it also makes millionaires."

Reuters Video, 28 June 2012

"Malaysian palm oil firm Felda Global surged 20 percent in its trading debut on Thursday, as investors cheered on the world's second largest IPO after Facebook's botched float and the company pledged stronger profits in the coming months."

Reuters Video, 28 June 2012

"Shares in Malaysian palm oil giant Felda Global jumped 18.46 percent on its stock market debut Thursday, defying global economic doldrum."

AFP, 28 June 2012

"State-backed Felda Global Venture Holdings hit a high of 5.46 ringgit ($1.71) shortly after listing on the main board of Bursa Malaysia, up from its initial public offering price of 4.55 ringgit."

Associated Press, 28 June 2012

"The best first day of all initial public offerings above $500 million globally this year, according to data compiled by Bloomberg."

Bloomberg Businessweek, 28 June 2012

"Defying global market uncertainty for big-ticket listings."

Financial Times, 28 June 2012

"Shares in Felda, which was privatized by the Malaysian government in the world's second biggest I.P.O. of the year behind that of Facebook, rose as high as 5.46 Malaysian ringgit."

New York Times, 28 June 2012

"A solid stock market debut Thurday with fund houses scrambling to buy shares."

Wall Street Journel, 28 June 2012

International Sustainability and Carbon Certification
Pensijilan Karbon dan Kemampanan Antarabangsa

Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) Certification
Pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan

FGV is committed in delivering star performance through adherence to the highest standards of quality in all we do. The awards and accolades we receive attest to our exemplary commitment to excellence.

FGV komited untuk mencapai prestasi cemerlang menerusi pematuhan terhadap piawaian kualiti tertinggi dalam semua perkara yang kami lakukan. Anugerah dan penghargaan yang kami terima membuktikan contoh komitmen kami ke arah mencapai kecemerlangan.

Awards & Accolades

Anugerah & Pengiktirafan

Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) Certification

Pensijilan Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB)

Corporate Social Responsibility
Tanggungjawab Sosial Korporat

A CSR-CENTRIC LEGACY

The evolution of FGV is rooted in one of the world's most unique sustainable development initiatives – the creation of FELDA (Federal Land Development Authority) back in 1956. FELDA was established as a Malaysian government initiative to address rural poverty and empower the poor to contribute to the national economy. It would go on to become one of the world's largest, most successful agricultural development projects, lifting over one million people out of subsistence livelihood, as well as giving birth to FGV – a billion Ringgit business with global footprints – and Felda Holdings Bhd (FHB) which emerged as the world's largest palm oil producer, contributing eight percent of global palm oil production.

In keeping with that legacy, today, it is estimated that FGV's social footprint extends to almost two million people. This comprises not only 112,635 settler families including their children and grandchildren, people associated with the settlements and those living in rural towns and villages who derive their income from the Felda group but also many Malaysians: 60,000 FGV shareholders, 23,000 FELDA and FGV employees, 50,000 workers and thousands of vendors, suppliers, contractors and business partners together with their respective families.

True to its founding mission, FGV continues to uphold sustainability principles in the pursuit of its goals and in the conduct of its business.

SATU WARISAN BERASASKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Evolusi FGV berakar umbi daripada salah satu inisiatif pembangunan mampan paling unik di dunia – penubuhan FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) pada tahun 1956. FELDA telah ditubuhkan sebagai satu inisiatif kerajaan Malaysia untuk menangani kemiskinan luar bandar dan memperkasa golongan miskin untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Ia telah berkembang menjadi salah satu projek pembangunan pertanian terbesar dan paling berjaya di dunia, memberi punca pendapatan berterusan kepada lebih satu juta orang, dan membawa kepada perubahan FGV – sebuah perniagaan bernilai satu bilion Ringgit dengan kehadiran global – dan Felda Holdings Bhd (FHB) yang muncul sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, yang menyumbang lapan peratus daripada pengeluaran minyak sawit dunia.

Selaras dengan warisan ini, pada hari ini, dianggarkan bahawa jejak sosial FGV telah menjangkau kepada hampir dua juta orang. Ini terdiri daripada bukan sahaja 112,635 keluarga peneroka termasuk anak-anak dan cucu-cicit mereka, mereka yang berkaitan dengan tanah peneroka dan mereka yang tinggal di pekan-pekan dan kampung-kampung luar bandar yang memperoleh pendapatan daripada Kumpulan Felda tetapi juga ramai lagi rakyat Malaysia: 60,000 pemegang saham FGV, 23,000 kakitangan FELDA dan FGV, 50,000 pekerja serta ribuan vendor, pembekal, kontraktor dan rakan-rakan niaga berserta keluarga masing-masing.

Selaras dengan misi penubuhannya, FGV terus mendokong prinsip-prinsip kemampanan dalam usaha mencapai matlamatnya dan dalam menjalankan perniagaannya.

PEOPLE

Funding social development

Felda settlers are both an important partner to FGV's business as well as our primary stakeholder. Fresh Fruit Bunches (FFB) from half a million hectares of settler estates comprise a substantial portion of feedstock to FHB mills. Settler support therefore is a critical component of FHB's ability to sustain its position as the world's largest palm oil producer. At the same time, settlers are the largest group of indirect shareholders as the named recipients of a trust fund seeded by 20 percent of FELDA shares in FGV.

It is a mutually supportive and mutually beneficial relationship. FGV had contributed to the well-being of Felda settler communities prior to its listing and continues to do so in four ways.

FGV's milling operations take up the FFB harvested at settler estates. Through the sales of their crop, settlers earn a direct livelihood.

Secondly, FGV pays lease to FELDA amounting to over RM200 million a year in respect of the 355,864 hectares of land leased on long-term basis. Being a self-funded entity, this provides an important and consistent annual income to FELDA which, among others, helps the organisation to meet its overheads.

Thirdly, as the selling shareholder, FELDA received RM6 billion from the FGV listing, which, reinvested in various financial instruments, provides substantial annual returns to fund various FELDA programmes. Given that FELDA's charter is the welfare of the settler community, settlers are the main beneficiaries of these programmes centred on housing, infrastructure, development of facilities in the Felda Schemes, entrepreneurial training and youth development programmes.

Lastly, FGV's dividend payments on 20 percent of FELDA shares are accrued to the Settler Trust Fund which are then distributed, in equal share, to 112,635 settlers. For the 2012 financial year this amounted to RM102.15 million.

Contributing to Yayasan Felda

The FGV Group contributes two percent of net profit to Yayasan Felda (the Felda Foundation), started in 1998 as the Corporate Social Responsibility arm of the Felda Group. Through the foundation, FGV helps to spur a variety of charitable causes and initiatives cantering on education, healthcare, research and philanthropic causes.

Annually, Yayasan Felda disburses close to 80 percent of its total funds on education and healthcare initiatives. In the field of education, the foundation's work is benefitting several target groups across all ages, from primary school children to university students. Preparing school leavers with skills that would make them employable has also been an important priority.

For the children of settlers, for example, skills such as catering, tailoring and Information Technology as well as courses in healthcare and entrepreneurship are taught. These skills are taught at four Kolej Yayasan Felda campuses in Mempaga (Pahang), Trolak (Perak), Raja Alias (Negeri Sembilan) and Kerteh (Terengganu) as well as at the Institut Teknology Utama (ITU) in Kelana Jaya (Selangor). Intensive English courses are also conducted at the FELDA English Language Centre (FELC) in Kelana Jaya to improve the standard of English of school leavers for higher education and employment in the job market.

RAKYAT

Membiayai pembangunan sosial

Peneroka Felda ialah rakan kongsi yang penting dalam perniagaan FGV serta pemegang kepentingan utama kami. Buah Tandan Segar (BTS) daripada setengah juta hektar ladang peneroka mewakili sebahagian besar stok untuk kilang-kilang FHB. Sokongan peneroka adalah satu komponen penting dalam keupayaan FHB untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Pada masa yang sama, para peneroka adalah kumpulan terbesar pemegang saham tidak langsung selaku penerima yang dinamakan dalam tabung amanah hasil daripada 20 peratus saham FELDA dalam FGV.

Ia adalah satu hubungan yang saling menyokong dan saling memberi manfaat. FGV telah menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat peneroka Felda sebelum penyenaraiannya dan ia terus berbuat demikian dalam empat cara.

Operasi pengilangan FGV mengambil BTS yang dituai di ladang-ladang peneroka. Menerusi jualan tanaman mereka, para peneroka memperoleh pendapatan secara langsung.

Kedua, FGV membayar pajakan kepada FELDA berjumlah lebih RM200 juta setahun bagi 355,864 hektar tanah yang dipajak pada asas jangka panjang. Sebagai sebuah entiti biaya-sendiri, ini memberikan pendapatan tahunan yang penting dan konsisten kepada FELDA yang mana, antara lainnya, membantu organisasi untuk membiaya kos overhednya.

Ketiga, sebagai pemegang saham yang menjual, FELDA menerima RM6 bilion hasil daripada penyenaraian FGV, yang mana apabila dilaburkan semula dalam pelbagai instrumen kewangan, memberikan pulangan tahunan yang besar bagi membiayai pelbagai program FELDA. Memandangkan kebajikan masyarakat peneroka adalah piagam FELDA, para peneroka menjadi penerima utama manfaat program-program ini yang tertumpu kepada perumahan, infrastruktur, pembangunan kemudahan di rancangan-rancangan Felda, serta program-program pembangunan belia dan latihan keusahawanan.

Akhir sekali, pembayaran dividen FGV di atas 20 peratus saham FELDA telah diperuntukkan kepada Tabung Amanah Peneroka yang kemudiannya diagihkan, secara setara, kepada 112,635 peneroka. Bagi tahun kewangan 2012, jumlahnya adalah sebanyak RM102.15 juta.

Menyumbang kepada Yayasan Felda

Kumpulan FGV menyumbang dua peratus daripada keuntungan bersih kepada Yayasan Felda, yang ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai jentera Tanggungjawab Sosial Korporat bagi Kumpulan Felda. Menerusi yayasan ini, FGV membantu merangsang pelbagai usaha kebajikan dan inisiatif yang tertumpu kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, penyelidikan dan kemanusiaan.

Setiap tahun, Yayasan Felda mengagihkan hampir 80 peratus daripada jumlah dananya kepada inisiatif-inisiatif pendidikan dan penjagaan kesihatan. Dalam bidang pendidikan, kerja-kerja yayasan ini memberi manfaat kepada beberapa kumpulan sasaran pada semua peringkat umur, daripada kanak-kanak sekolah rendah hinggalah kepada para pelajar universiti. Menyediakan golongan lepasan sekolah dengan kemahiran yang boleh mendapatkan mereka pekerjaan juga menjadi satu keutamaan yang penting.

Anak-anak peneroka, contohnya, diajar mengenai kemahiran-kemahiran dalam bidang seperti katering, jahitan dan Teknologi Maklumat selain kursus-kursus penjagaan kesihatan dan keusahawanan. Kesemua kemahiran ini diajar di empat

Yayasan Felda's healthcare initiatives range from providing individuals financial aid for the purchase of medical equipment such as hearing aid, wheelchair and artificial limbs; to the establishment of a Haemodialysis Centre for low income kidney patients.

Yayasan Felda's Haemodialysis Centre at Anjung Felda, located in Jalan Maktab, Kuala Lumpur, sees a group of patients daily with renal failure awaiting their turn at any one of the 23 dialysis machines. Were it not for the efforts of Yayasan Felda, most of these low-income patients would have had nowhere else to go for this life saving treatment as it costs more than RM30,000 a year for fee-paying patients to use these machines at private hospitals. Thanks to Yayasan Felda, more than 60 patients annually only need to pay a nominal sum for their tri-weekly treatments.

The foundation has also donated 33 dialysis machines, costing close to RM1.5 million, to various government hospitals and Non-Governmental Organisations haemodialysis centres nationwide enabling more patients access to the expensive

kampus Kolej Yayasan Felda iaitu di Mempaga (Pahang), Trolak (Perak), Raja Alias (Negeri Sembilan) dan Kerteh (Terengganu) serta di Institut Teknologi Utama (ITU) di Kelana Jaya (Selangor). Kursus intensif Bahasa Inggeris juga dijalankan di Pusat Bahasa Inggeris FELDA (FELC) di Kelana Jaya bagi meningkatkan tahap Bahasa Inggeris para pelajar lepasan sekolah untuk tujuan pendidikan tinggi dan peluang pekerjaan dalam pasaran kerja.

Inisiatif penjagaan kesihatan Yayasan Felda termasuklah penyediaan bantuan kewangan bagi pembelian alat-alat perubatan seperti bantuan pendengaran, kerusi roda dan anggota palsu, serta penubuhan Pusat Hemodialisis untuk pesakit buah pinggang berpendapatan rendah.

Pusat Hemodialisis Yayasan Felda di Anjung Felda, yang terletak di Jalan Maktab, Kuala Lumpur, setiap hari menerima sekumpulan pesakit buah pinggang untuk menggunakan mana-mana satu daripada 23 buah mesin dialisis yang disediakan. Jika bukan kerana usaha Yayasan Felda, kebanyakan pesakit berpendapatan rendah ini tidak mempunyai tempat lain untuk menjalani rawatan penting ini kerana kosnya

but much needed treatment. In addition, since 2000, it has enabled elderly citizens over the age of 60 to receive free outpatient treatment at selected hospitals.

Yayasan Felda also distributes annual research and development grants to support new discoveries that will benefit society and put Malaysia on the international map of scientific and technological breakthroughs. Since 1999, it has funded 71 grants valued at RM12.2 million. To date, 32 of these were successfully completed with the potential for commercial applications.

In the field of social welfare, the foundation views its role as the helping hand that lessens the burden of unfortunate Malaysians, often working with other organisations to extend its reach. Initiatives provided on an ad-hoc basis, have ranged from free treatment and eye glasses to children from low-income families and contributing to the Natural Disaster Fund, to its RM60 million Kasih Programme to repair houses within traditional villages in the vicinity of Felda settlements.

adalah melebihi RM30,000 setahun untuk pesakit yang menggunakannya di hospital swasta. Atas usaha Yayasan Felda, lebih daripada 60 pesakit hanya perlu membayar jumlah nominal setiap tahun untuk rawatan mereka setiap tiga minggu.

Yayasan ini juga telah menderma 33 mesin dialisis, berharga hampir RM1.5 juta, kepada pelbagai hospital kerajaan dan pusat hemodialisis Organisasi Bukan Kerajaan di seluruh negara yang membolehkan lebih ramai pesakit mendapatkan rawatan yang amat mereka perlukan ini. Sementara itu, sejak tahun 2000, ia telah membolehkan warga emas berusia lebih 60 tahun untuk menerima rawatan pesakit luar secara percuma di hospital-hospital terpilih.

Yayasan Felda juga mengagihkan geran penyelidikan dan pembangunan tahunan bagi menyokong penemuan baru yang akan memberi manfaat kepada masyarakat dan meletakkan Malaysia di peta antarabangsa bagi pencapaian sains dan teknologi. Sejak tahun 1999, ia telah membiaya 71 geran bernilai RM12.2 juta. Sehingga kini, 32 daripadanya telah berjaya disiapkan dengan potensi aplikasi komersial.

Nurturing and retaining our employees

FGV prioritises the nurturing and retaining of quality employees as they play a pivotal role toward our sustainable growth. We invest heavily in our human capital through many technical, leadership development and capacity-building programmes. In addition, FGV encourages participation in external conferences, national and regional events to boost industry experience and knowledge. In 2012, 1,256 employees attended 97 such programmes internally and externally.

Our employees are also encouraged to improve their skills and knowledge through hands-on training and field experience designed to maximise their capabilities. To this end, FELDA and FGV set up Akademi Felda in 2007; conducting programmes internally, and also in collaboration with UiTM and the Incorporated Society of Planters. This certifiable, technical skills training, aims to impart the necessary expertise in plantations, milling and related fields with a view to enhance the capability of employees especially in managing the estates and mills. Both existing employees and new recruits attend Akademi Felda whose teaching panel comprise both internal staff as well as practioners in the industry. The Akademi's year long training modules include classroom instruction, on-the-job training and practical stints at the various operations.

To ensure that FGV has the human capabilities to actualise the Group's forward plans, the Group institutes several pro-active measures to build a sufficient and qualified talent pool. Each year FGV recruits management trainees to give these young graduates first exposure to their potential careers. Each year too, some 200 final year students from various public and private institutions of higher learning undergo training at our various subsidiaries and associate companies. We have an innovative, first-in-Malaysia, study-at-work ACCA/CIMA/ICAEW certification programme to develop accounting professionals for the Group's future needs. Since inception, more than 50 students have been hired for the accounting professional certification programme.

Dalam bidang kebajikan sosial, yayasan melihat peranannya sebagai pihak yang menghulurkan bantuan dalam mengurangkan beban rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik, di mana ia sering bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain untuk meluaskan jangkauannya. Inisiatif yang disediakan secara *ad-hoc* adalah terdiri daripada rawatan percuma dan bantuan cermin mata untuk kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah dan sumbangan kepada Tabung Bencana Alam, sehinggalah kepada Program Kasih yang bernilai RM60 juta untuk membaiki rumah-rumah dalam kampung-kampung tradisi di sekitar penempatan Felda .

Memupuk dan mengekalkan kakitangan kami

FGV mengutamakan usaha memupuk dan mengekalkan kakitangan yang berkualiti kerana mereka memainkan peranan penting ke arah pertumbuhan mampan kami. Kami melabur dalam modal insan menerusi pelbagai program-program teknikal, pembangunan kepimpinan dan program-program pembinaan keupayaan. Di samping itu, FGV juga menggalakkan penyertaan dalam persidangan luar, acara-acara kebangsaan dan serantau bagi meningkatkan pengalaman dan pengetahuan industri. Pada tahun 2012, seramai 1,256 kakitangan telah menghadiri 97 program sepertinya di dalam dan luar negara.

Kakitangan kami juga digalakkan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka menerusi latihan kerja dan pengalaman bidang yang direka untuk memaksimakan keupayaan mereka. Untuk tujuan ini, FELDA dan FGV telah menubuhkan Akademi Felda pada tahun 2007, mengendalikan program dalaman, dan juga kerjasama dengan UiTM dan Persatuan Perbadanan Penanam. Program yang dijalankan di institusi latihan kemahiran teknikal ini bertujuan menyediakan kepakaran yang diperlukan dalam sektor perladangan, pengilangan dan bidang-bidang yang berkaitan; dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan pekerja menguruskan operasi-operasi tersebut. Kakitangan sedia ada dan kakitangan baru menghadiri Akademi ini yang mana panel tenaga pengajarnya terdiri daripada kakitangan dalaman serta pengamal industri. Modul latihan setahun Akademi ini adalah termasuk pengajaran dalam bilik darjah serta penempatan tugasan berpanjangan di pelbagai bahagian operasi.

In line with this aspiration, the FGV/FHB Scholarship was established in 2006 to provide a new generation of high achievers an opportunity to pursue further education in top universities overseas. These focus on courses that yield specific expertise related to the Group's business such as biotechnology, chemical & mechanical engineering, finance, accounting, information technology and international marketing. In the year 2012, a total of eight students received these scholarships and the first batch of recipients have already returned to serve the Group.

As part of succession planning, we are developing second tier leaders by identifying high potential (HIPOs) staff who undergo intensive leadership development programmes. Under the 'Green Talent' effort, two programmes are being offered to identified top performers within FGV. These are Diploma in Management (Front Line Leaders) in collaboration with Australia Institute of Management (AIM) and Executive Masters in Management (People Leadership) in collaboration with Asia e-University (AeU). Both programmes are conducted in six modules with a duration of 15 months and to date a total of 48 Green Talents have been developed.

FGV has also adopted a performance management system to incentivise and drive better productivity among the staff. Key Performance Indicators (KPIs) and targets are set to provide clear goals to every individual. At the same time reward and remunerations are constantly benchmarked against industry best practices and structured to recognise hard work and talent.

PLANET

As a company where our plantation operations extend to 850,000 hectares dotted all over the country, involving many communities and with complete supply chain participation, FGV fittingly intends to continue leading the way in 'green' practices nationwide.

FGV actively participates in the Roundtable in Sustainable Palm Oil (RSPO) together with FELDA, as one of its earliest members. Jointly, it owns the prestige of being the first in the world to obtain RSPO certification which involved smallholder estates. Another world's first complete palm oil supply chain globally to be awarded the International Sustainability and Carbon Certification (ISCC) further cements our position at the head of the industry table when it comes to sustainability.

But we are not stopping there. Via a multi pronged technological, biological and social approach, FGV, through its associate companies, is embarking on a multitude of projects and programmes to get the most from its production by reducing waste and increasing efficiency, while ensuring that environmental sustainability remains at the fore of its operations.

Sustainable palm oil assurance

Having always actively promoted good agricultural practices both in its commercial estates and by extension, to Felda settlers, FELDA and FGV together have set their sights on achieving RSPO certification for all 71 mill complexes by 2017. To date, we have obtained certification for 21 complexes comprising mills and estates which supply feedstock to the mills while more complexes (mills and estates) are being audited as part of the certification process.

Meanwhile, the first groundbreaking ISCC certification impressively makes us the first integrated supply chain in oil palm – and the first supply chain outside of Europe – to receive certification from ISCC, covering palm oil destined for biofuels. Since then, our associate FHB has achieved ISCC certification in eight mills that meet the EU Renewable Energy Directive (RED).

Untuk memastikan bahawa FGV mempunyai modal insan yang mencukupi dan berbakat bagi merealisasikan rancangan masa hadapan, Kumpulan telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk membina kumpulan bakat yang mencukupi dan berkelayakan. Kami mengambil pelatih pengurusan setiap tahun untuk memberi graduan muda pendedahan awal kepada bakal kerjaya mereka. Setiap tahun juga, kira-kira 200 pelajar tahun akhir di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta menjalani latihan di anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu kami. Kami mempunyai program inovatif pensijilan ACCA/CIMA/ICAEW bekerja sambil belajar yang pertama di Malaysia bagi membangunkan golongan profesional perakaunan untuk keperluan masa hadapan Kumpulan.

Selaras dengan hasrat ini juga, Biasiswa FGV/FHB telah diwujudkan pada tahun 2006 untuk menyediakan peluang kepada generasi baru yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka di luar negara. Tumpuan diberikan kepada kursus-kursus yang menghasilkan kepakaran khusus yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan seperti bioteknologi, kejuruteraan kimia & mekanikal, kewangan, perakaunan, teknologi maklumat dan pemasaran antarabangsa. Pada tahun 2012, sejumlah lapan pelajar telah menerima biasiswa ini dan kumpulan pertama penerima telah kembali untuk berkhidmat dengan Kumpulan.

Sebagai sebahagian daripada rancangan penggantian, kami sedang membangunkan pemimpin peringkat kedua dengan memilih pencapai terbaik untuk menjalani program pembangunan kepimpinan intensif. Di bawah usaha 'Bakat Muda', dua program ditawarkan untuk mengenal pasti bakat berprestasi dalam FGV. Ini adalah Diploma Pengurusan (Pemimpin Barisan Hadapan) dengan kerjasama Australia Institute of Management (AIM) dan Sarjana Eksekutif Pengurusan (Kepimpinan Manusia) dengan kerjasama Asia e-University (AeU). Kedua-dua program ini dijalankan dalam enam modul bagi tempoh 15 bulan, dan setakat ini, sejumlah 48 Bakat Muda telah dibangunkan.

FGV juga telah mengguna pakai sistem pengurusan prestasi bagi memberi insentif dan mendorong produktiviti yang lebih tinggi di kalangan kakitangan. Penunjuk Prestasi Utama dan sasaran ditetapkan bagi menyediakan matlamat yang jelas untuk setiap individu. Pada masa yang sama, ganjaran dan imbuhan sentiasa ditanda aras berbanding amalan terbaik industri dan disusun bagi mengiktiraf usaha dan bakat.

PLANET

Sebagai sebuah syarikat di mana operasi perladangannya meliputi 850,000 hektar tanah di seluruh negara, yang melibatkan pelbagai masyarakat dengan penyertaan rantaian bekalan yang lengkap, FGV bercadang untuk terus meneraju industri menerusi amalan 'hijau' di seluruh negara.

FGV mengambil bahagian secara aktif dalam Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) bersama dengan FELDA, sebagai salah satu daripada ahli terawal. Bersama, ia menjadi yang pertama di dunia mendapat pensijilan RSPO yang melibatkan ladang-ladang pekebun kecil. Ia juga merupakan rantaian bekalan minyak sawit global lengkap yang pertama di dunia dianugerahkan Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa (ISCC) yang memperkukuhkan lagi kedudukan kami sebagai peneraju industri berhubung kemampanan.

Tetapi kami tidak berhenti setakat itu. Menerusi pelbagai pendekatan teknologi, biologi dan sosial, FGV menerusi syarikat-syarikat sekutunya, sedang memulakan pelbagai projek dan program untuk memanfaatkan sepenuhnya bahagian pengeluaran dengan mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan, di samping memastikan kemampanan alam sekitar kekal sebagai keutamaan operasinya.

Advancing agriculture through R&D

Through its extensive Research & Development resources, FGV has adopted a proactive approach to countering numerous challenges that have the potential to impact upon the sustainability of oil palm if left unaddressed. These include developing superior clonal materials to ensure higher yield, improving efficiency at harvesting stage and combating diseases such as basal stem rot of the oil palm plant.

Today, our R&D associate, Felda Agricultural Services Sdn Bhd is amongst the world's top three largest producers and planters of non-Genetically Modified Organism clonal palms. The Group's award-winning breeding programmes continue to develop seedlings with potentially higher ratio of harvest and oil yield. Today, our seedlings make up 35 percent of planting material sales. By using clonal techniques and marker assisted selection programmes, we are able to accelerate the production of planting material with the desired traits.

Some of our research breakthroughs already underway, includes a molecular marker that will screen planting material susceptible to basal stem rot disease and a patented screening technology for virescense palms, whose fruit colour visibly turns from green to orange upon ripening, to make manual harvesting more precise and lay the foundations for automatic ripeness scanning and possible mechanisation in the future.

Utilising innovative biocontrols

Another pillar in support of our programme for sustainable oil palm is the use of 'biocontrols' in integrated pest management. Projects in this area are aimed at controlling significant oil palm pests such as rats, bagworm, and oryctes beetle. The integrated approach employs a combination of methods to control pests with minimal use of pesticide – the aim being to use natural or benign methods to reduce any damage caused to the crop by these pests.

Some of the biocontrol methods adopted by FGV include the introduction of barn owls into our plantations to reduce the population of rats that eat the palm fruit, harnessing the services of hymenoptera wasps to keep bagworm under control whilst minimising the use of pesticides; and monitoring the oryctes beetle population through the use of pheromone traps.

Laying sustainable groundworks

Like most plantation companies in Malaysia, FGV employs a number of measures to ensure that the organic content of the soil is preserved.

When old fronds are pruned, they are left to decompose back into the soil. After the fruit is harvested, the fruit bunch stalks are mulched back into the soil, and during replanting the old palm trunks are chipped and fed back into the soil, all to add to soil fertility. An average of 100 tonnes per hectare of dry weight organic matter is returned to the soil through this trunk chipping. Compared with annual crops that give little back to the earth in terms of nutritional content, oil palm actually helps to preserve the organic soil content.

Nutritional content is also fixed in the soil via the planting of leguminous cover crops to fix the nitrogen from the air into the soil, thus reducing the need for nitrogenous inorganic fertiliser. For this reason, blanket spraying of weed killer is not widely practiced on FGV plantations, and spraying, when necessary, is restricted to the immediate circle around the palm tree.

Jaminan kemampanan minyak sawit

Setelah sentiasa aktif menggalakkan amalan pertanian yang baik di ladang-ladang komersialnya dan seterusnya, kepada petani-peneroka, FELDA dan FGV bersama-sama telah menetapkan untuk mencapai pensijilan RSPO bagi kesemua 71 kompleks kilang menjelang 2017. Setakat ini, kami telah mendapat sijil untuk 21 kompleks yang terdiri daripada kilang-kilang dan ladang-ladang yang membekalkan stok ke kilang manakala banyak lagi kompleks (kilang dan ladang) sedang diaudit sebagai sebahagian daripada proses pensijilan.

Sementara itu, pensijilan ISCC yang pertama telah menjadikan kami rantaian bekalan kelapa sawit bersepadu yang pertama – dan rantaian bekalan yang pertama di luar Eropah – untuk menerima pensijilan daripada ISCC, meliputi minyak sawit untuk bahan api bio. Sejak itu, syarikat bersekutu kami Felda Holdings telah mencapai pensijilan ISCC di lapan kilang yang memenuhi Arahan Tenaga Diperbaharui (RED) EU.

Memajukan pertanian menerusi R&D

Menerusi sumber Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang luas, FGV telah mengguna pakai pendekatan proaktif bagi menangani pelbagai cabaran yang berpotensi memberi kesan ke atas kemampanan minyak sawit jika tidak diatasi. Ini termasuk membangunkan bahan klon berkualiti unggul bagi memastikan hasil yang lebih tinggi, meningkatkan kecekapan di peringkat penuaian dan memerangi penyakit seperti reput pangkal batang bagi tanaman kelapa sawit.

Hari ini, rakan R&D kami, Felda Agricultural Services Sdn Bhd adalah antara tiga pengeluar terbesar di dunia dan penanam kelapa sawit klon Organisma yang Tidak Diubah secara Genetik. Program pembiakan Kumpulan yang memenangi anugerah terus membangunkan benih dengan potensi nisbah tuaian dan hasil minyak yang lebih tinggi. Hari ini, anak benih kami membentuk 35 peratus daripada jualan bahan tanaman. Dengan menggunakan teknik klon dan program pemilihan bantuan penanda, kami dapat mempercepatkan pengeluaran bahan tanaman dengan sifat-sifat yang dikehendaki.

Beberapa penemuan penyelidikan kami yang sedang dijalankan, termasuk penanda molekul yang akan menyaring bahan tanaman yang mudah terdedah kepada penyakit reput pangkal batang serta teknologi saringan yang dipatenkan untuk pokok sawit *virescense*, yang mana warna buah-buahan bertukar dari hijau ke jingga apabila masak, untuk menjadikan tuaian manual lebih tepat dan menyediakan asas untuk imbasan kematangan secara automatik dan kemungkinan penjenteraan di masa hadapan.

Menggunakan kawalan bio yang inovatif

Satu lagi tonggak yang menyokong program kelestarian minyak sawit kami adalah penggunaan kawalan bio dalam pengurusan bersepadu perosak. Projek-projek ini bertujuan untuk mengawal perosak utama kelapa sawit seperti tikus, ulat bungkus, dan kumbang *oryctes*. Pendekatan bersepadu menggunakan beberapa gabungan kaedah untuk mengawal perosak dengan penggunaan racun perosak yang minimum dengan matlamat menggunakan kaedah semulajadi atau halus untuk mengurangkan sebarang kerosakan ke atas tanaman yang telah dilakukan oleh haiwan perosak.

Antara kaedah-kaedah kawalan biologi yang diguna pakai oleh FGV termasuk pengenalan burung hantu ke ladang kami untuk mengurangkan populasi tikus yang memakan buah sawit, memanfaatkan penggunaan tebuan *hymenoptera* untuk mengawal populasi ulat bungkus di samping meminimakan penggunaan racun perosak, dan memantau populasi kumbang *oryctes* menerusi penggunaan perangkap feromon.

In addition to these, in order to avoid soil erosion, areas of plantations that are to be replanted, and have a slope of greater than eight degrees, are terraced – and any pruned fronds are laid across the contours. Slopes at greater than 25 degrees are not replanted, and are left for natural forest or planted for timber.

Harnessing the benefits of livestock

FGV also rears some 30,000 free gazing cattle in its plantations. These add to biodiversity in the field, help control weeds, manure the ground, as well as provide a valuable income in the form of meat sales. More importantly the productive value of the land is doubled through its use for both plantation and livestock.

Pioneering renewable energy projects

FGV also advocates sustainability through optimal usage of natural resources and our biomass waste products. To this end, FGV subsidiaries and associate companies have pioneered several renewable energy products, which to date, comprised 12 biogas trapping plants, two power plants, six compost plants, two mini-gasifier plants and one fuel pellet plant – all utilising biomass waste as the feedstock.

Of the 15.3 million tonnes Fresh Fruit Bunches (FFB) which go into Felda mills annually, FGV amasses 3.36 million tonnes of Empty Fruit Bunches (EFB), 1.83 million tonnes of mesocarp and 760,000 tonnes of palm shells. Another 6.1 million tonnes of old palm fronds are amassed from harvesting and 3,000 tonnes of oil palm trunks from replanting activities.

In addition, our mills have palm oil mill effluent (POME) ponds which can be used to capture biogas which is then scrubbed to generate clean methane.

Instead of selling the biomass to generate additional income, FGV associate companies have chosen to pursue renewable energy (RE) projects. The oil palm biomass waste products act as feedstock to set up 'green' projects which are friendly to the environment while creating additional income for the Group.

Menetapkan asas yang mampan

Seperti kebanyakan syarikat-syarikat perladangan di Malaysia, FGV menggunakan beberapa langkah-langkah untuk memastikan bahawa kandungan organik tanah dikekalkan.

Apabila pelepah tua dipangkas, ia dibiarkan mengurai kembali ke tanah. Selepas buah dituai, batang tandan ditanam kembali ke tanah, dan semasa penanaman semula, batang sawit lama dicincang dan dimasukkan kembali ke dalam tanah, bagi menambah kesuburan tanah. Purata 100 tan metrik bahan organik kering setiap hektar dikembalikan ke tanah menerusi batang yang telah dicincang ini. Berbanding dengan tanaman tahunan yang hanya memberi sedikit sumbangan kepada tanah dari segi kandungan nutrisi, minyak sawit sebenarnya membantu mengekalkan kandungan organik tanah.

Kandungan nutirisi juga diterapkan ke dalam tanah menerusi penanaman tanaman tutup bumi bagi menerapkan nitrogen dari udara ke dalam tanah, sekaligus mengurangkan keperluan baja tidak organik bernitrogen. Atas sebab ini, semburan racun rumpai tidak diamalkan secara meluas di ladang FGV, dan apabila perlu, ia dihadkan hanya di kawasan sekeliling pokok sawit.

Di samping itu, bagi mengelakkan hakisan tanah, kawasan-kawasan ladang yang akan ditanam semula, dan yang mempunyai kecerunan lebih daripada lapan darjah, ditereskan – dan sebarang daun yang dipangkas dibentangkan di seluruh kontur tersebut. Cerun yang melebihi 25 darjah tidak ditanam semula, dan dibiarkan untuk hutan semulajadi atau ditanam dengan pokok kayu.

Memanfaatkan faedah ternakan

FGV juga menternak kira-kira 30,000 lembu yang dibiarkan bebas di ladang-ladangnya. Ini menambah kepada biodiversiti ladang, membantu kawalan rumpai, membaja tanah, serta memberikan pendapatan yang berharga dalam bentuk jualan daging. Lebih penting lagi adalah bahawa nilai produktif tanah digandakan menerusi penggunaannya untuk perladangan dan penternakan.

In 2004, we built the Sahabat biomass power plant in Lahad Datu, Sabah, the first EFB-based Clean Development Mechanism (CDM) project in Malaysia and, also, the first in the world that runs on 100%-treated EFB. The plant, which can produce up to 55,000 tonnes of carbon emission credits (CERs) per year, has been selling CERs since 2006.

A second power plant is now under construction in Jengka, Pahang using EFB accumulated from seven out of the eight Felda palm oil mills to feed electricity to the national grid. The RM125 million biomass power plant in Felda Jengka 9 will recycle 320,000 tonnes of biomass annually to produce 12.5 megawatts of electricity, and at the same time provide business opportunities and jobs for local settlers.

FELDA had also commissioned its first composting plant at its Maokil mill near Labis in 2005. This utilises EFB and POME to produce 18,000 tonnes of organic fertiliser for its estates annually. To date, five more such plants have been set up.

Merintis projek tenaga boleh diperbaharui

FGV juga menyokong kemampanan menerusi penggunaan optimum sumber-sumber semulajadi dan bahan buangan biomas. Untuk tujuan ini, anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu FGV telah mempelopori beberapa produk tenaga boleh diperbaharui, yang sehingga kini, terdiri daripada 12 loji memerangkap biogas, dua loji kuasa, enam loji kompos, dua loji penggas mini dan satu loji pelet bahan api – kesemuanya menggunakan sisa biomas sebagai stok suapan.

Daripada 15.3 juta tan Buah Tandan Segar (BTS) yang dihantar ke kilang-kilang Felda setiap tahun, FGV mengumpul 3.36 juta tan Tandan Kosong (TK), 1.83 juta tan mesocarp dan 760,000 tan cangkerang sawit. Sebanyak 6.1 juta tan pelepah kelapa sawit lama dikumpulkan daripada penuaian dan 3,000 tan batang kelapa sawit dikumpulkan daripada aktiviti penanaman semula.

Under the Government's Entry Point Project 5 (for biogas), FGV is also planning an additional 49 biogas capturing plants. Of the 49 biogas plants, 35 have been designated to supply electricity which will be hooked to the national grid, similar to FELDA's pilot green electricity power plant in Serting Hilir where methane gas collected from its plantation is used to drive a gas turbine that feeds 500kW of electrical power into the national grid.

PROFIT

Continuing to care for Malaysia, Malaysians and settlers

FGV's strong participation in Malaysia's palm oil industry ensures the vibrancy of this sector, a key contributor to the nation's Gross National Income, and brings untold economic benefits to the country and its people.

Di samping itu, kilang-kilang kami mempunyai kolam sisa kilang minyak sawit (POME) yang boleh digunakan untuk memerangkap biogas yang kemudiannya digunakan untuk menghasilkan metana bersih.

Biomas tidak dijual untuk menjana pendapatan tambahan, sebaliknya syarikat-syarikat bersekutu FGV telah memilih untuk menggunakannya dalam projek-projek tenaga boleh diperbaharui (RE). Bahan buangan biomas minyak sawit bertindak sebagai stok suapan bagi projek-projek 'hijau' mesra alam di samping menjana pendapatan tambahan bagi Kumpulan.

Pada tahun 2004, kami telah membina loji kuasa biomas Sahabat di Lahad Datu, Sabah, iaitu projek Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM) berasaskan TK yang pertama di Malaysia dan juga yang pertama di dunia yang menggunakan 100 peratus TK-dirawat. Loji tersebut yang boleh menghasilkan sehingga 55,000 tan kredit pelepasan karbon (CER) setiap tahun, telah menjual CER sejak 2006.

Sebuah loji kuasa kedua kini sedang dalam pembinaan di Jengka, Pahang menggunakan TK terkumpul tujuh daripada lapan kilang minyak sawit Felda bagi menjana elektrik kepada grid nasional. Loji kuasa biomas bernilai RM125 juta di Felda Jengka 9 itu akan mengitar semula 320,000 tan biomas setahun bagi menghasilkan

The oil palm industry contributes RM80 billion annually to Malaysia's economy. FELDA and FGV Group combines to make up Malaysia's largest plantation operation. In addition, FGV's associate company is the country's largest palm oil producer. FGV's estates, mills, and various facilities lie all over the country which means spin-off benefits to nearby towns and villages. The FGV Group employs almost 19,000 people some 50,000 (mostly foreign) workers, and includes numerous suppliers, vendors, service providers and business partners. In view of this, FGV's ability to sustain profitability becomes of national and international consequence.

Then, there is the settler dimension where FGV's profitability has direct and indirect impact on Felda settlers. Settlers and staff are members of Koperasi Permodalan Felda, an investment co-operative set up in 1980. They enjoy good annual dividend payments arising from the profits derived from KPF's 51 percent interest in Felda Holdings Bhd as well as other investments. As FGV's largest

shareholder also, FELDA can expect yearly dividend payments to fund its settler-centric activities. Settlers, meanwhile are recipients of a trust fund seeded by 20 percent of FELDA shares in FGV.

Given the extent by which FGV's performance impacts many stakeholders, robust protocols have been put in place to ensure we develop a profit sustaining business model. This is encapsulated in FGV's Global Strategic Blueprint. Chief among them is FGV's upstream expansion to enhance revenue streams as well as expansion into the downstream. The latter is intended to create and sustain demand for oil palm products, enabling FGV to continue purchasing FFB from settlers.

Altogether, through implementing the Blueprint, FGV should be able to secure a strong position in the global oils and fats industry, navigate commodity cycles, stabilise demand and continue to look after many diverse stakeholders whose well-being depends on the financial benefits created by FGV's growth.

12.5 megawatt kuasa elektrik, dan pada masa yang sama menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan.

FELDA juga telah memulakan operasi loji kompos pertamanya di kilang Maokil berhampiran Labis pada tahun 2005. Loji ini menggunakan TK dan POME untuk menghasilkan 18,000 tan baja organik untuk ladangnya setiap tahun. Setakat ini, lima lagi loji seumpamanya telah dibina.

Di bawah Projek Permulaan (EPP) ke-5 (untuk biogas), FGV juga merancang untuk menambah 49 loji memerangkap biogas. Daripada 49 loji tersebut, 35 telah ditetapkan untuk membekalkan tenaga elektrik yang akan dihubungkan dengan grid nasional, sama seperti loji perintis kuasa elektrik hijau FELDA di Serting Hilir di mana gas metana yang dikumpulkan dari ladangnya digunakan untuk memacu turbin gas yang membekalkan 500kW kuasa elektrik kepada grid nasional.

KEUNTUNGAN

Terus menjaga kesejahteraan Malaysia, rakyat Malaysia dan peneroka

Penyertaan kukuh FGV dalam industri minyak sawit Malaysia memastikan kerancakan sektor ini, iaitu penyumbang utama kepada Pendapatan Negara Kasar, dan membawa manfaat ekonomi yang tidak terhingga kepada negara dan rakyatnya.

Industri kelapa sawit menyumbang RM80 bilion setahun kepada ekonomi Malaysia. FELDA dan Kumpulan FGV telah bergabung untuk menghasilkan operasi perladangan terbesar di Malaysia. Di samping itu, syarikat bersekutu FGV adalah pengeluar minyak sawit terbesar di negara ini. Ladang-ladang, kilang-kilang, dan pelbagai kemudahan FGV yang terletak di seluruh negara membawa manfaat sampingan kepada bandar-bandar dan kampung-kampung berdekatan. Kumpulan FGV mengambil hampir 19,000 kakitangan dengan kira-kira 50,000 pekerja (kebanyakannya asing), dan termasuk pembekal, vendor, pembekal perkhidmatan dan rakan kongsi perniagaan. Dalam hal ini, keupayaan FGV untuk mengekalkan keuntungan membawa kesan kebangsaan dan antarabangsa.

Kemudian, terdapat dimensi peneroka di mana keuntungan FGV mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada peneroka Felda. Peneroka dan kakitangan adalah ahli Koperasi Permodalan Felda, sebuah koperasi pelaburan yang ditubuhkan pada tahun 1980. Mereka menikmati pembayaran dividen tahunan yang baik hasil daripada keuntungan yang diperolehi daripada 51 peratus kepentingan KPF dalam Felda Holdings Bhd serta lain-lain pelaburan. Sebagai pemegang saham terbesar FGV, FELDA boleh bergantung kepada pembayaran dividen tahunan untuk membiayai aktiviti-aktiviti peneroka. Peneroka pula adalah penerima dana amanah yang dihasilkan daripada 20 peratus saham FELDA dalam FGV.

Memandangkan prestasi FGV mempunyai kesan ke atas pelbagai pihak, protokol yang mantap telah diwujudkan bagi memastikan kami membangunkan model perniagaan yang mengekalkan keuntungan. Ini terkandung dalam Rangka Tindakan Strategik Global FGV. Paling utama adalah pengembangan aktiviti huluan FGV bagi meningkatkan aliran pendapatan serta pengembangan aktiviti hiliran. Pengembangan hiliran bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan permintaan bagi produk-produk kelapa sawit, yakni membolehkan FGV untuk terus membeli BTS daripada para peneroka.

Secara keseluruhannya, menerusi pelaksanaan Rangka Tindakan tersebut, FGV mampu memperoleh kedudukan yang kukuh dalam industri minyak dan lelemak global, mengemudi kitaran komoditi, menstabilkan permintaan dan terus menjaga pihak berkepentingan yang mana kesejahteraan mereka bergantung kepada manfaat kewangan yang tercipta menerusi pertumbuhan FGV.

Calendar of Events
Kalendar Peristiwa Penting



1 **Women's Day, 21 March 2012 – Dewan Merak Kayangan**
Held in conjunction with International Women's Day, this event celebrated the contributions of female employees of FELDA and FGV Group. It was graced by FELDA and FGV Chairman, YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad.

Hari Wanita, 21 Mac 2012 – Dewan Merak Kayangan
Diadakan sempena Hari Wanita Antarabangsa, acara ini meraikan sumbangan pekerja wanita FELDA dan Kumpulan FGV. Majlis ini telah diserikan oleh Pengerusi FELDA dan FGV, YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad.

2 **Felda Wellness Programme, 26 Mar 2012 – Dewan Merak Kayangan, Balai Felda, Kuala Lumpur**
Organised by FGV's Ocupational Safety and Health team, this event aimed to increase personal health awareness among FGV employees. Activities such as aerobics, health talks, health checks and other health related initiatives ruled the day.

Program Kesejahteraan Felda, 26 Mac 2012 – Dewan Merak Kayangan, Balai Felda, Kuala Lumpur
Acara yang dianjurkan oleh pasukan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FGV ini, telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan peribadi di kalangan kakitangan. Hari tersebut dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti seperti senamrobik, ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan inisiatif kesihatan lain.

3 **Iktiraf Carnival, 31 March - 1 April – Dataran Merdeka**
FGV participated in a weekend rally-cum-arts celebration organised jointly by the Prime Minister's Department, the Ministry of Information Communication and Culture (MICC) and Malaysian Felda Youth Council. The event featured the largest kompang presentation in Malaysia in its aim to give recognition to all artistes who had contributed to kompang and the holistic development of the role of cultural and artistic heritage of the nation.

Karnival Iktiraf, 31 Mac - 1 April – Dataran Merdeka
FGV mengambil bahagian dalam satu perhimpunan hujung minggu dan sambutan kesenian anjuran Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Majlis Belia Felda Malaysia. Acara ini memaparkan persembahan kompang terbesar di Malaysia yang bermatlamat memberi pengiktirafan kepada semua artis yang telah menyumbang kepada seni kompang dan pembangunan holistik peranan warisan seni dan budaya negara ini.

4 **Majlis Sejahtera Peneroka with the Prime Minister, 8 May – Jengka 8, Pahang**
A joyous event attended by some 30,000 settlers, during which Prime Minister Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak announced that RM5,000 each would be given to settlers, their spouses and children as windfall payment in conjunction with FGV's proposed listing.

Majlis Sejahtera Peneroka bersama Perdana Menteri, 8 Mei – Jengka 8, Pahang

Acara meriah yang disertai kira-kira 30,000 peneroka, Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa RM5,000 akan diberikan kepada setiap peneroka, isteri dan anak-anak sebagai sebahagian daripada "durian runtuh" berikutan penyenaraian FGV.

5 **Signing of Corporate Integrity Pledge with MACC, 9 April 2012 – Parliament Building, Kuala Lumpur**

FELDA and FGV signed a Corporate Integrity Pledge (CIP) and an Integrity Pact (IP) with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to uphold anti-corruption principles in the conduct of their business as well as endorse anti-corruption values as defined by MACC. The CIP and IP were signed by FELDA's Acting Director-General, Datuk Suhaimi Zainuddin, FGV's Group President, Dato' Sabri Ahmad, and MACC's Chief Commissioner, Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed; and was witnessed by the Prime Minister, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, FELDA Chairman Tan Sri Haji Isa Abdul Samad and Deputy Minister in The Prime Minister's Department, Datuk Ahmad Maslan.

Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama MACC, 9 April 2012 – Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur

FELDA dan FGV telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan Pakatan Integriti (IP) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menegakkan prinsip-prinsip anti-rasuah dalam tatacara menjalankan perniagaan dan menyokong nilai-nilai anti-rasuah seperti yang ditakrifkan oleh SPRM. CIP dan IP tersebut telah ditandatangani oleh Pemangku Ketua Pengarah FELDA, Datuk Suhaimi Zainuddin, Presiden Kumpulan FGV, Dato' Sabri Ahmad, dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed dan disaksikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Pengerusi FELDA Tan Sri Haji Isa Abdul Samad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan.

6 **FGV Prospectus Launch, 31 May – Dewan Perdana Felda**

Prime Minister Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak unveiled the prospectus of FGV, the world's third largest oil palm operator, to launch its Initial Public Offering (IPO) on Bursa Malaysia Securities Board, in front of a gathering of over 1,500 people.

Pelancaran Prospektus FGV, 31 Mei – Dewan Perdana Felda

Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan prospektus FGV, pengendali minyak sawit ketiga terbesar di dunia, bagi pelancaran Tawaran Awam Permulaannya (IPO) ke papan Bursa Sekuriti Malaysia di hadapan perhimpunan lebih 1,500 orang.

7 **FGV Scholarship Award Ceremony, 18 June – Bilik Perdana 1 & 2**

FGV awarded scholarships valued at RM7.2 million to eight school leavers to pursue their undergraduate studies overseas, as part of its human capital development programme. The scholarship programme aims to provide opportunities to high achievers and equip the organisation with a high caliber professionals. Incepted in 2006, the total sponsorship value in 2012 was RM25 million.

Majlis Penganugerahan Biasiswa FGV,18 Jun @ Bilik Perdana 1 & 2

FGV menganugerahkan RM7.2 juta biasiswa kepada lapan pelajar lepasan sekolah menengah yang akan melanjutkan pengajian ijazah pertama di luar negara, sebagai sebahagian daripada program pembangunan sumber manusianya. Program biasiswa ini bertujuan memberi pelbagai peluang kepada pelajar cemerlang serta melengkapkan organisasi dengan golongan profesional yang berkaliber tinggi. Dimulakan pada tahun 2006, keseluruhan jumlah tajaan pada 2012 adalah RM25 juta.

8 **FGV Listing, 28 June – Bursa Securities Malaysia Berhad, Kuala Lumpur**

FGV opened at RM5.39, or 94 sen above its institutional price of RM4.55 sen, in its much-anticipated debut on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Board on Thursday. The retail price was RM4.45. A total of 21.14 million shares were transacted at the opening bell.

Penyenaraian FGV, 28 Jun – Bursa Securities Malaysia Berhad, Kuala Lumpur

FGV dibuka pada RM5.39, atau 94 sen melebihi harga institusi iaitu RM4.55, dalam penampilan pertamanya yang dinanti-nantikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada Khamis. Harga runcit adalah RM4.45. Terdapat 21.14 juta saham diniagakan pada sesi pembukaan.

9 **Felda Group's Hari Raya Celebration, 28 August – Menara Felda, Kuala Lumpur**

The festive event which attracted 6,000 guests comprising Felda settlers, FELDA and FGV employees, and corporate partners, was graced by Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Sambutan Hari Raya Kumpulan Felda, 28 Ogos – Menara Felda, Kuala Lumpur

Acara perayaan yang telah menarik 6,000 tetamu yang terdiri daripada para peneroka Felda, kakitangan FELDA dan FGV serta rakan-rakan korporat ini telah dihadiri oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

10 **Launch of Saji Products and Signing Ceremony, 28 - 30 September – Parkroyal Hotel, Yangon, Myanmar**

FGV's associate company, Delima Oil Products ventured into another distributorship agreement with Grand Wynn Enterprises, Myanmar, following the successful distribution of ADELA industrial margarine, MARIANA shortening and SAJI cooking oil in Yangon.

Perasmian Produk Saji dan Majlis Menandatangani Perjanjian, 28 - 30 September – Hotel Parkroyal, Yangon, Myanmar

Syarikat bersekutu FGV, Delima Oil Products memeterai satu lagi perjanjian pengedaran dengan Grand Wynn Enterprises, Myanmar sebagai kesinambungan kejayaan pengedaran marjerin perindustrian ADELA, lelemak MARIANA dan minyak masak SAJI di Yangon.

11 **Supply Chain Centre of Excellence Signing Ceremonies, 8 November – Dewan Merak Kayangan**

Two agreements involving Felda Transport Services (FTS), Felda Palm Industries (FPI) and DHL Supply Chain to create a more efficient supply chain management for the Group, were signed.

Majlis Menandatangani Perjanjian Pusat Kecemerlangan Rantaian Bekalan, 8 November – Dewan Merak Kayangan

Dua perjanjian di antara Felda Transport Services (FTS), Felda Palm Industries (FPI) dan DHL Supply Chain telah dimeterai untuk mewujudkan rangkaian pengurusan bekalan lebih cekap bagi Kumpulan.

12 **Gathering of Felda New Generation, 9 - 11 November – Padang Kawad, UiTM Shah Alam**

FGV participated in this mammoth gathering of 10,000 scions of Felda settlers by putting up a corporate booth. The Prime Minister Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak graced the event and disbursed the third and final windfall payment.

Perhimpunan Generasi Baharu Felda, 9 -11 November – Padang Kawad, UiTM Shah Alam

FGV mengambil bahagian dalam perhimpunan besar-besaran seramai 10,000 generasi muda Felda dengan menyediakan gerai korporat. Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak menyerikan upacara tersebut dan menyampaikan pembayaran 'durian runtuh' yang ketiga dan terakhir.

FGV together with FELDA, its biggest shareholder, is pioneering world firsts in sustainable operations. A member of the Roundtable on Sustainable Palm oil (RSPO), it is the first in the world to attain RSPO certification involving smallholder estates and the first company outside Europe to achieve International Sustainablility and Carbon Certification (ISCC). The Group is pursuing numerous biomass projects to convert waste into productive reuse. Notably, its green power plant in Sabah is the world's first utilising 100 percent Empty Fruit Bunches (EFB). FGV also continues to uphold its roots by supporting the well being of over 112,635 Felda settlers and their families, through dividend payments to FELDA which seeds a settler trust fund.

FGV bersama FELDA, pemegang saham terbesarnya, berusaha menjadi perintis dalam operasi-operasi mampan. Sebagai ahli Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO), ia adalah syarikat pertama di dunia mencapai pensijilan RSPO yang melibatkan ladang pekebun kecil dan syarikat pertama di luar Eropah yang mencapai Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa (ISCC). Kumpulan sedang mengusahakan pelbagai projek biomas bagi menggunakan semula sisa buangan secara produktif. Paling menyerlah adalah loji kuasa hijau di Sabah iaitu yang pertama di dunia menggunakan 100 peratus Tandan Kosong. FGV juga terus menyokong kesejahteraan lebih 112,635 peneroka Felda dan keluarga mereka, menerusi pembayaran dividen kepada FELDA yang kemudian disalurkan kepada sebuah tabung amanah peneroka.

A Guiding Star

Pelopor Terulung

Group Human Resource
Sumber Manusia Kumpulan

During the year under review, Group Human Resource continued to focus on talent development and on enhancing its efforts to increase the knowledge, skills and capabilities of the employees at all levels in the organisation. With the aim of ensuring a good leadership pipeline, a systematic assessment based on performance and potential i.e. Leadership Differentiation Tool (LDT) was introduced to identify the organisation's 'green' talents who have the potential to be further developed as future leaders.

Semasa tahun di bawah tinjauan, Sumber Manusia Kumpulan terus memberi tumpuan kepada pembangunan bakat dan usaha berterusan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pekerja di semua peringkat dalam organisasi. Bagi memastikan saluran kepimpinan yang baik, satu penilaian sistematik berdasarkan prestasi dan potensi iaitu 'Leadership Differentiation Tool' (LDT) telah diperkenalkan untuk mengenal pasti bakat muda organisasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai pemimpin masa hadapan.

To support this, Resource Committees were established at company level to ensure that the process of identifying talents is conducted rigorously and objectively. Resource Committees ensure that identified talents are put through development plans that are in line with the Group's strategy and objectives. A leadership program, called the 'First Line Manager Program', targeted for potential 'managers-to-be', was then introduced with the first two batches started in late 2011. The program, conducted in collaboration with Australian Institute of Management and Asia e-University, has a specific aim in mind so as to provide the necessary mindset change in the transition from being an Individual Contributor (managing self) to becoming a First Line Manager (managing others) in respect of skills, time application and work values.

As human capital management is crucial to business success, it is in the best interest of the organisation to attract and retain best equipped employees to drive forward the organisation. Apart from the employer branding initiatives that have and are currently being undertaken, more robust selection and screening processes have been adopted that include using the DDI Targeted Selection® interview method and the SHL personality and ability assessment. In addition, all trainee programs (cadet planter, cadet engineer, cadet supervisor, management trainee and accountant trainee) are further strengthened to ensure sufficient stream of qualified and capable human capital in the organisation.

To cultivate a work culture that is pillared upon result and performance, the Online Performance Management System was introduced during the year under review. The online performance management system will ensure that all the processes involved in the performance management can be completed successfully and effectively. In addition, efforts on human resource cost containment was further enhanced via strict management of human resource costs such as training cost, medical cost and travelling cost. Efforts were also made to streamline the HR processes and policies, where applicable, throughout the Group that include continuous review of job grading and salary structure that supports a performance oriented culture and that are market-based in order to attract and retain key talents over the long term.

In line with the Group Strategic Objective, continuous and systematic efforts to build capable talent pool of future leaders who are knowledgeable, skilled and ready to face challenges will continue to be a top priority.

Bagi menyokong usaha ini, Jawatankuasa Sumber telah ditubuhkan pada peringkat syarikat bagi memastikan bahawa proses mengenal pasti bakat-bakat ini dijalankan secara cermat dan objektif. Jawatankuasa Sumber memastikan bahawa bakat yang dikenal pasti diberi pelan pembangunan yang sejajar dengan strategi dan objektif Kumpulan. Satu program kepimpinan yang dipanggil 'Program Pengurus Barisan Pertama' yang disasarkan untuk 'bakal-bakal pengurus' berpotensi, telah diperkenalkan dengan dua kumpulan pertama bermula pada lewat 2011. Program ini yang dilaksanakan dengan kerjasama Australian Institute of Management dan Asia e-University, mempunyai matlamat khusus untuk mengubah minda agar beralih dari menjadi Penyumbang Individu (menguruskan diri sendiri) menjadi Pengurus Barisan Pertama (menguruskan yang lain) dari segi kemahiran, penggunaan masa dan nilai-nilai kerja.

Oleh kerana pengurusan modal insan adalah penting dalam menentukan kejayaan perniagaan, organisasi mempunyai kepentingan untuk menarik minat dan mengekalkan petugas terbaik dalam usaha memajukan organisasi. Selain daripada inisiatif penjenamaan majikan yang telah dan sedang dijalankan, proses pemilihan dan saringan yang lebih ketat telah diguna pakai termasuk penggunaan kaedah temuduga DDI Targeted Selection® dan penilaian personaliti dan keupayaan SHL. Di samping itu, semua program pelatih (kadet ladang, kadet jurutera, kadet penyelia, pelatih pengurusan dan pelatih akauntan) diperkukuhkan lagi untuk memastikan kecukupan aliran modal insan yang berkelayakan dan berkebolehan dalam organisasi.

Untuk memupuk budaya kerja yang bertonggakkan hasil dan prestasi, Sistem Pengurusan Prestasi Atas Talian telah diperkenalkan semasa tahun tinjauan. Sistem pengurusan prestasi atas talian ini akan memastikan bahawa semua proses yang terlibat dalam pengurusan prestasi boleh dilaksanakan dengan berjaya dan berkesan. Di samping itu, usaha pembendungan kos sumber manusia terus dipertingkatkan menerusi pengurusan kos sumber manusia yang ketat seperti kos latihan, kos perubatan dan kos perjalanan. Usaha penyelarasan proses-proses dan dasar-dasar Sumber Manusia juga dilaksanakan, di mana wajar, di seluruh Kumpulan termasuk penilaian berterusan ke atas penggredan kerja dan struktur gaji yang menyokong budaya berorientasikan prestasi dan berdasarkan pasaran bagi menarik minat dan mengekalkan bakat-bakat utama dalam tempoh jangka panjang.

Selaras dengan Objektif Strategik Kumpulan, usaha berterusan dan sistematik untuk membina kumpulan bakat pemimpin masa hadapan yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersedia untuk menghadapi cabaran akan terus menjadi keutamaan terpenting.

Statement of Corporate Integrity
Penyata Integriti Korporat

FGV places the highest priority on conducting its business with integrity. Being a government-linked company (GLC), it fully supports the National Integrity Plan (NIP), which advocates enhanced corporate governance, business ethics and corporate social responsibility. The NIP was launched on 23rd April 2004 and subsequently, the Ministry of Domestic Trade And Consumer Affairs launched a Code of Business Ethics, Malaysia on 12th November 2007. In 2010, business ethics was identified as a National Key Result Area (NKRA) under the Government Transformation Programme.

Menjalankan perniagaan dengan integriti menjadi keutamaan terpenting FGV. Sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), ia menyokong penuh Pelan Integriti Nasional (PIN), yang mendukung peningkatan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat. PIN telah dilancarkan pada 23 April 2004 yang disusuli dengan pelancaran Kod Etika Perniagaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 12 November 2007. Pada 2010, etika perniagaan telah dikenal pasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan.

FGV are committed to conduct operations in accordance with high ethical standards and in compliance with the law. The establishment of Integrity Management & Compliance Department and FGV's values embody that commitment.

CODE OF BUSINESS ETHICS (CBE)

FGV is guided in its dealings both internally and externally by an extensive Statement of Corporate Governance and Code Of Ethics/Code Of Conduct. These ensure the Company and employees observe the highest principles of integrity in our daily behaviour, and are constantly updated so as to be continuously relevant.

FGV's Code of Ethics embodies the six universal principles from Code of Business Ethics, Malaysia and is integral to ensuring compliance with the myriad rules, regulations and laws that apply to FGV as a GLC and a company listed on Bursa Malaysia. It sets standards to guide the actions within the Company. FGV's CBE forms part of the Company's Corporate Responsibility (CR) in the marketplace and workplace.

The Code reminds employees that violation of the law, the Code or other company policies can result in disciplinary action. With the challenging business operating environment, FGV intends to review and enhance its Code of Ethics in Financial Year 2013.

CORPORATE INTEGRITY PLEDGE AND INTEGRITY PACT

As part of its commitment towards creating a business environment that is fair, transparent and free from corruption, FGV had signed both the Corporate Integrity Pledge and Integrity Pact with Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on 9 April 2012. This serves as a declaration of FGV's support of the national agenda to combat corruption in line with the Government Transformation Programme. The Corporate Integrity Pledge commits a company to uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia. By signing this pledge, FGV has made a unilateral declaration that it will not be involved with corruption, commit any act of corruption, work towards creating a business environment that is free from corruption and will uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia.

In addition, FGV has committed to promote integrity, transparency, fair business dealings and good governance in all aspects of its operations. Effective from 1 July 2012, FGV also implements integrity pact with vendors to refrain from (not offering or giving) corruption and involved in collusion to obtain a contract and speed up a business turnover.

INTEGRITY TALKS FOR FGV LEADERS & MANAGEMENT

To solidify the culture of integrity at FGV, it held an integrity awareness session for its Management Committee members and senior management on 22 June 2012. Among the topics highlighted were issues in integrity, progress of integrity initiative in the company and integrity in the delivery system.

FGV komited untuk menjalankan operasi mengikut standard etika yang tertinggi dan mematuhi undang-undang. Penubuhan Jabatan Pengurusan & Pematuhan Integriti serta nilai-nilai FGV adalah bukti komitmen tersebut.

KOD ETIKA PERNIAGAAN (CBE)

Urusan dalaman dan luaran FGV dipandu oleh Penyata Tadbir Urus Korporat dan Kod Etika/Kod Tatalaku yang menyeluruh. Penyata dan Kod ini memastikan Syarikat dan para pekerjanya mematuhi prinsip-prinsip integriti yang tertinggi dalam tingkah laku harian, dan sentiasa dikemaskini agar terus kekal relevan.

Kod Etika FGV merangkumi enam prinsip sejagat Kod Etika Perniagaan Malaysia dan adalah penting dalam memastikan pematuhan terhadap pelbagai peraturan dan undang-undang yang dikenakan ke atas FGV sebagai sebuah GLC dan syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia menetapkan piawaian yang membimbing tindak tanduk Syarikat. CBE FGV merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Korporat Syarikat (CR) di pasaran dan di tempat kerja.

Kod ini mengingatkan para pekerja bahawa ketidakpatuhan undang-undang, Kod atau polisi syarikat yang lain boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan disiplin. Dengan persekitaran operasi perniagaan yang mencabar, FGV berhasrat mengkaji semula dan memperbaiki Kod Etikanya pada Tahun Kewangan 2013.

IKRAR INTEGRITI KORPORAT DAN PERJANJIAN INTEGRITI

Sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah, FGV telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Perjanjian Integriti dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 April 2012. Ini adalah tanda sokongan FGV kepada agenda nasional untuk memerangi rasuah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan. Ikrar Integriti Korporat mempertanggungjawabkan sesebuah syarikat untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, FGV telah membuat perisytiharan unilateral bahawa ia tidak akan terlibat dengan rasuah, melakukan sebarang kegiatan rasuah, berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas dari rasuah dan akan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia.

Di samping itu, FGV telah memberi komitmen untuk meningkatkan integriti, ketelusan, urusan perniagaan yang adil dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek operasinya. Berkuatkuasa 1 Julai 2012, FGV juga melaksanakan perjanjian integriti dengan vendor untuk menolak (tidak menawarkan atau memberi) rasuah dan tidak terlibat dalam pakatan sulit untuk mendapatkan kontrak dan mempercepatkan perolehan perniagaan.

CERAMAH INTEGRITI UNTUK PEMIMPIN & PENGURUSAN FGV

Untuk mengukuhkan budaya integriti di FGV, ia telah mengadakan sesi kesedaran integriti untuk ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan dan pengurusan kanan pada 22 Jun 2012. Antara perkara yang ditekankan adalah isu-isu berkaitan integriti, kemajuan inisiatif integriti dalam syarikat dan integriti dalam sistem penyampaian.

DISCLOSURES & DECLARATIONS

FGV expects all employees to adhere to the highest standards of ethics by promoting ethical behaviour and avoiding any possible conflicts of interest. All FGV management and senior executive and above are required to declare their assets and interest including their family business(es) to the Chief Human Resource Officer (C-HR) upon acquiring new assets or disposing existing assets whose values are more than three months salary. Similarly, gifts received by general managers and above shall be distributed to the needy and orphanage.

The Company intends to review its existing asset declaration and gift policy in Financial Year 2013 to keep up with the more stringent requirements of the industry practice, higher public expectations and managing public's perception.

WHISTLE BLOWING POLICY

In line with the spirit of good governance to preserve and protect the Group's interests and reputation, FGV has revised its Whistleblowing Policy in December 2012. The Whistleblowing Policy communicates FGV's serious view of any acts of wrongdoing by any of its employees and provides designated avenues for employees to raise their concerns in a confidential manner. The Policy extends to the investigation process and proper closure of all valid reports.

Employees are accorded protection under the Policy for whistleblowing in good faith.

PROCUREMENT ETHICS

In order to build and maintain public trust, promote greater transparency and accountability throughout the Company, FGV revised its Procurement Policy & Procedures (PPP) effective 1 January 2012. As part of enhancement strategy, FGV also embarked on a road show in 2012 explaining its Procurement Code of Ethics for employees and vendors (PCE) which was revised effectively on 15 July 2011. While supporting the Procurement Red Book and complementing its CBE, the rules and regulations cultivate an ethical work environment that reduces graft, enables products to be purchased at competitive market prices and ultimately improves profitability.

In FGV, stakeholders and employees are required to deal only with companies and organisations that uphold the principles of good governance. Active vendors took part in a Procurement & Integrity Survey for feedback. Their inputs were analysed and actions are taken to ensure continuous and effective improvement.

PENDEDAHAN & PENGAKUAN

FGV mengharapkan semua kakitangan mematuhi piawaian etika tertinggi dengan mendorong tatalaku beretika dan mengelakkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Semua pengurusan FGV dan eksekutif kanan ke atas dikehendaki mengisytiharkan aset dan kepentingan mereka termasuk perniagaan keluarga mereka kepada Ketua Pegawai Sumber Manusia (C-HR) apabila mereka memperolehi aset baru atau melupuskan aset sedia ada yang nilainya melebihi jumlah tiga bulan gaji. Hadiah-hadiah yang diterima oleh pengurus besar dan ke atas juga akan diagihkan kepada golongan miskin dan anak yatim.

Syarikat berhasrat untuk mengkaji semula dasar perisytiharan aset dan hadiah yang sedia ada pada Tahun Kewangan 2013 agar dapat memenuhi kehendak yang lebih ketat daripada pengamal industri, jangkaan awam yang lebih tinggi dan menguruskan persepsi awam.

DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik untuk memelihara dan melindungi kepentingan dan reputasi Kumpulan, FGV telah menyemak semula Dasar Pendedahan Maklumat pada Disember 2012. Dasar Pendedahan Maklumat menekankan pandangan serius FGV terhadap sebarang perbuatan salah laku oleh mana-mana kakitangan dan menyediakan saluran yang sepatutnya bagi kakitangan menyuarakan kebimbangan mereka secara sulit. Dasar ini meliputi proses penyiasatan dan penutupan yang sewajarnya bagi semua laporan yang sah.

Kakitangan diberi perlindungan di bawah Polisi ini untuk pendedahan maklumat dengan niat yang baik.

ETIKA PEMEROLEHAN

Dalam usaha untuk membina dan mengekalkan kepercayaan awam, menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi di seluruh Syarikat, FGV telah menyemak semula Dasar & Prosedur Pemerolehan (PPP) berkuatkuasa 1 Januari 2012. Sebagai sebahagian daripada strategi peningkatan, FGV juga telah memulakan jelajah jalanan pada 2012 bagi menerangkan Kod Etika Pemerolehan untuk kakitangan dan vendor (PCE) yang telah disemak semula pada 15 Julai 2011. Sambil menyokong Buku Merah Pemerolehan dan melengkapi CBEnya, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan tersebut memupuk persekitaran kerja beretika yang mengurangkan masalah rasuah, membolehkan produk-produk dibeli pada harga pasaran yang kompetitif dan akhirnya meningkatkan keuntungan.

Dalam FGV, pemegang kepentingan dan kakitangan dikehendaki berurusan hanya dengan syarikat-syarikat dan organisasi yang mendukung prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Vendor-vendor yang aktif telah mengambil bahagian dalam Tinjauan Pemerolehan & Integriti bagi mendapatkan maklumbalas. Input mereka telah dianalisis dan tindakan telah diambil untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan dan berkesan.

To further strengthen FGV's integrity practices, FGV has implemented Integrity Pact with vendors to abstain from bribery, collusion or any other corrupt practice, particularly in the procurement process. The pact outlines the rights and obligations of FGV and its suppliers. With the FGV Integrity Pact, suppliers including bidders of contracts will need to execute a declaration where they represent a pledge not to be involved in any activity related to direct or indirect payment, offering, pressuring or bribing which may affect the final tender decision. FGV Integrity Pact also binds all contract bidders to abstain from corrupt practices before, during and after the contract award. Any violation of the declaration will result in penalties including but not limited to termination of contracts, blacklisting, claims for liquidated damages as well as having the violation reported to the Malaysian Anti-Corruption Commission for legal prosecution.

Through the Integrity Pact, FGV is complementing the Government's initiative under the National Integrity Plan and the National Key Result Area (NKRA) with regards to ensuring integrity and proper compliance in its business operations. The FGV Integrity Pact is aligned with FGV's vision to be the leading, globally integrated and diversified agribusiness Multinational Corporation and its core values of Walk the Talk (result-focused, continuous improvement and consequence management) and Respect for People (friendly, caring and dynamic) by instilling, internalising and upholding integrity and strong work ethics. It is also expected to further solidify FGV's commitment to exemplary corporate citizenry.

CERTIFIED INTEGRITY OFFICERS' PROGRAMME

As part of FGV's commitment to maintaining the highest standard in our Code, FGV sent one officer to attend a six-month certified Integrity Officers' Programme at the Malaysian Anti-Corruption Academy. This programme is the first of its kind introduced by the Government through Malaysian Anti-Corruption Commission in line with the national agenda for companies to have recognized integrity officers to plan, implement and monitor integrity programmes.

Untuk mengukuhkan lagi amalan integriti FGV, FGV telah melaksanakan Perjanjian Integriti dengan para vendor untuk menghindari rasuah, pakatan sulit atau sebarang amalan rasuah yang lain, terutamanya dalam proses pemerolehan. Perjanjian itu menggariskan hak-hak dan kewajipan FGV dan para pembekal. Dengan Perjanjian Integriti FGV, para pembekal termasuk pembida kontrak perlu melakukan pengisytiharan di mana mereka berjanji untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan pembayaran langsung atau tidak langsung, menawarkan, mendesak atau memberi rasuah yang boleh menjejaskan keputusan akhir pemberian tender. Perjanjian Integriti FGV juga mengikat semua pembida kontrak untuk menghindari amalan rasuah sebelum, semasa dan selepas pemberian kontrak. Sebarang pelanggaran perisytiharan akan mengakibatkan penalti termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan kontrak, penyenaraian hitam, tuntutan ganti rugi serta laporan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah untuk pendakwaan undang-undang.

Menerusi Perjanjian Integriti, FGV melengkapi inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Integriti Nasional dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bermatlamat memastikan integriti dan pematuhan sewajarnya dalam operasi perniagaan. Perjanjian Integriti FGV adalah sejajar dengan wawasan FGV untuk menjadi sebuah Syarikat Multinasional yang terkemuka, bersepadu di peringkat global dan berkepelbagaian serta nilai-nilai terasnya iaitu *"Walk the Talk"* (fokus pada hasil, penambahbaikan berterusan dan pengurusan akibat) dan Menghormati Orang (mesra, prihatin dan dinamik) dengan memupuk, mendalami dan mendukung integriti dan etika kerja yang mantap. Ia juga dijangka akan mengukuhkan lagi komitmen FGV untuk menjadi warga korporat yang dicontohi.

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERKELAYAKAN

Sebagai sebahagian daripada komitmen FGV untuk mengekalkan piawaian Kod tertinggi, FGV menghantar seorang pegawai untuk menghadiri Program Pegawai Integriti Berkelayakan selama enam bulan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. Program ini adalah yang pertama seumpamanya yang diperkenalkan oleh Kerajaan menerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selaras dengan agenda nasional agar syarikat-syarikat memiliki pegawai integriti yang diiktiraf untuk merancang, melaksana dan memantau program-program integriti.

Statement on Corporate Governance
Penyata Tadbir Urus Korporat

The Board of Directors of Felda Global Ventures Holdings Berhad (the Board) is committed towards upholding the highest standard of corporate governance throughout Felda Global Ventures Holdings Berhad's (the Company) Group of Companies (FGV Group/the Group) as stipulated in the Principles and Best Practices of the Malaysian Code of Corporate Governance (the Code) and Bursa Malaysia Securities Berhad's (Bursa Securities) Main Market Listing Requirements (LR) as well as the adoption of the recommendations in the Corporate Governance Guide issued by Bursa Securities.

Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad (Lembaga) komited terhadap mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi di seluruh Kumpulan Syarikat (Kumpulan FGV/Kumpulan) Felda Global Ventures Holdings Berhad (Syarikat) seperti yang telah ditetapkan dalam Prinsip-prinsip dan Amalan-amalan Terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod) dan Kehendak Penyenaraian (KP) Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) serta guna pakai cadangan dalam Panduan Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bursa Securities.

The Board acknowledges that high standards of corporate governance plays an important part towards FGV Group's continued growth and success. The Board is committed to managing the Group's businesses ethically and in a transparent manner to ensure equitable long term value for all its shareholders.

The Board is pleased to provide the statement on how the Company has applied the key principles and extent of its compliance with best practices set out in the Code throughout the financial year ended 31 December 2012 (FY12) and up to 24 April 2013, being the date of approval of this Statement on Corporate Governance by the Board.

The Company was listed on the Main Market of Bursa Securities on 28 June 2012 (the Listing Date) and up to the date of this Statement, FGV Group has been actively introducing new policies and procedures and improving the Group's processes and controls in order to ensure that the Group's internal processes, guidelines and systems are reviewed and aligned with sound corporate governance practices.

THE BOARD OF DIRECTORS

Roles and Responsibilities of the Board

The Board is collectively responsible for the overall conduct of FGV Group's business and takes full responsibility for the performance of the Company and the Group. The Board members exercise due diligence and care in discharging their duties and responsibilities to ensure that high ethical standards are applied, through compliance with relevant rules and regulations, directives and guidelines in addition to adopting the best practices in the Code and CG Guide, and act in the best interest of FGV Group and shareholders.

The Board's Terms of Reference

The Board has formally adopted the Board's Terms of Reference, which provides guidance to the Board in the fulfilment of its roles, duties and responsibilities which are in line with the principles of good corporate governance.

The Board's Terms of Reference outlines the roles and responsibilities of the Board, the balance and composition of the Board, the Board's authorities, schedule of matters reserved for the Board, the establishment of the Board Committees, processes and procedures for convening Board meetings, the Board's assessment and review of its performance, compliance with ethical standards, Board's access to information and advice and declarations of conflict of interest. The full details of the Board's Terms of Reference are published in FGV's website.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tinggi memainkan peranan penting ke arah pertumbuhan dan kejayaan berterusan Kumpulan FGV. Lembaga Pengarah komited untuk menguruskan perniagaan Kumpulan secara beretika dan telus bagi memastikan nilai jangka panjang yang saksama untuk semua pemegang sahamnya.

Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan penyata tentang bagaimana Syarikat telah mengamalkan prinsip-prinsip utama dan tahap pematuhannya terhadap amalan terbaik yang dibentangkan dalam Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 (FY12) dan sehingga 24 April 2013, iaitu tarikh kelulusan Penyata Tadbir Urus Korporat ini oleh Lembaga.

Syarikat telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities pada 28 Jun 2012 (Tarikh Penyenaraian) dan sehingga tarikh Penyata ini, Kumpulan FGV secara aktif telah memperkenalkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur baru selain meningkatkan proses dan kawalan Kumpulan bagi memastikan bahawa proses-proses dalaman, garis panduan dan sistem Kumpulan disemak dan diselaraskan dengan amalan tadbir urus korporat yang mantap.

LEMBAGA PENGARAH

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah secara kolektif bertanggungjawab ke atas pelaksanaan keseluruhan perniagaan Kumpulan FGV dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas prestasi Syarikat dan Kumpulan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengambil pendekatan berhemah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka bagi memastikan piawaian etika yang tertinggi digunakan, menerusi pematuhan terhadap peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak, arahan dan garis-garis panduan berkaitan selain menggunapakai amalan terbaik dalam Kod dan Panduan Tadbir Urus Korporat, dan bertindak demi kepentingan pemegang saham dan Kumpulan FGV.

Terma Rujukan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menerimapakai secara rasmi Terma-terma Rujukan Lembaga Pengarah, yang memberi panduan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi peranan, tugas dan tanggungjawabnya yang selaras dengan prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik.

Terma-terma Rujukan Lembaga Pengarah menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, imbangan dan komposisi Lembaga Pengarah, pihak berkuasa Lembaga Pengarah, jadual perkara yang dikhususkan untuk Lembaga Pengarah, penubuhan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, proses dan prosedur untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah, penilaian dan kajian prestasi Lembaga Pengarah, pematuhan terhadap piawaian etika, akses Lembaga Pengarah kepada maklumat dan nasihat serta pengisytiharan konflik kepentingan. Butir-butir lengkap Terma-terma Rujukan Lembaga Pengarah diterbitkan dalam laman web FGV.

The role of the Board in its Terms of Reference includes the following:

- **Reviewing and adopting a strategic plan for the Company**

  Review, challenge and approve the corporate strategic plan for the Group, monitoring the implementation of the strategic plan.

- **Overseeing the conduct of the Company's business**

  Oversee the conduct of the Company's business and evaluate whether the business is properly managed. The Board ensures that there are measures in place to assess the management's performance.

- **Identifying principal risks and ensuring the implementation of appropriate internal controls and mitigation measures**

  Assesses the principal risks of all aspects of the company's business, recognising that business decisions involve taking appropriate risks. The Board ensures that there are systems in place which effectively monitor and manage these risks.

- **Succession planning, self-evaluation and appointments**

  Ensures a succession plan is in place including appointing, training, fixing the compensation of and, where appropriate, replacing senior management. Ensures that all candidates appointed to senior management positions are of sufficient calibre and programmes are in place to provide for the orderly succession of senior management.

- **Overseeing the development and implementation of a shareholder communications policy for the Company**

  Ensures that the Company has in place a policy to enable effective communication with its shareholders and other stakeholders.

- **Reviewing the adequacy and the integrity of the Management Information and Internal Controls System of the Company**

  Ensures that there is a sound framework of reporting on internal controls and regulatory compliance.

The Board's formal schedule of matters reserved for its decision in the Board's Terms of Reference include, amongst others, the review of the annual budgets, acquisitions and disposals of undertakings and properties of substantial value, major investments and financial decisions and changes to the management and control structure within FGV Group including key risk management, treasury, financial and operational policies and delegated authority limits.

The Directors continue to adhere to the ethical standards stated in the Board's Terms of Reference, whereby the Board members are expected to observe the highest standards of ethical behavior. The Board also supports and encourages policies within FGV Group which require Directors and employees to observe high standards of personal integrity and display honesty in their dealings.

Peranan Lembaga Pengarah dalam Terma-terma Rujukannya adalah seperti berikut:

- **Mengkaji dan menerima pakai pelan strategik untuk Syarikat**

  Mengkaji, mencabar dan meluluskan pelan strategik korporat bagi Kumpulan, memantau pelaksanaan pelan strategik tersebut.

- **Mengawasi pengendalian perniagaan Syarikat**

  Mengawasi pengendalian perniagaan Syarikat dan menilai samada perniagaan diuruskan dengan betul. Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat langkah-langkah tertentu untuk menilai prestasi pengurusan.

- **Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah tebatan yang sesuai**

  Menilai risiko utama bagi semua aspek perniagaan Syarikat, dengan mengakui bahawa keputusan perniagaan melibatkan pengambilan risiko yang sesuai. Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat sistem yang berkesan bagi memantau dan menguruskan risiko-risiko ini.

- **Perancangan penggantian, Penilaian Kendiri dan Pelantikan**

  Memastikan terdapat pelan penggantian termasuk dalam melantik, melatih, menetapkan pampasan dan di mana sesuai, menggantikan pengurusan kanan. Memastikan bahawa semua calon-calon yang dilantik ke jawatan pengurusan kanan adalah berkaliber dan terdapat program-program bagi memastikan proses penggantian pengurusan kanan yang tersusun.

- **Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan dasar komunikasi pemegang saham untuk syarikat**

  Memastikan bahawa Syarikat mempunyai satu dasar bagi membolehkan komunikasi yang berkesan dengan para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

- **Mengkaji kecukupan dan integriti maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman Syarikat**

  Memastikan bahawa terdapat rangka kerja yang kukuh bagi melaporkan mengenai kawalan dalaman dan pematuhan kawal selia.

Jadual rasmi Lembaga Pengarah bagi perkara-perkara yang dikhaskan untuk keputusannya dalam Terma-terma Rujukan Lembaga Pengarah adalah termasuk, antara lain, kajian belanjawan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan usahaniaga dan hartanah yang bernilai tinggi, pelaburan utama dan keputusan kewangan serta perubahan pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan FGV termasuk pengurusan risiko utama, perbendaharaan, dasar-dasar kewangan dan operasi dan had kuasa yang ditetapkan.

Para Pengarah terus mematuhi piawaian etika yang dinyatakan dalam Terma-terma Rujukan Lembaga Pengarah, di mana ahli-ahli Lembaga Pengarah dijangka mematuhi piawaian tertinggi tatalaku beretika. Lembaga Pengarah juga menyokong dan menggalakkan dasar-dasar dalam Kumpulan FGV yang memerlukan para Pengarah dan kakitangan mematuhi piawaian tertinggi integriti peribadi dan mengamalkan kejujuran dalam urusan mereka.

The current practice is to appoint Board members to sit on subsidiary boards, in particular the cluster boards being the key subsidiaries of FGV, namely Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd, Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd, Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd and the main associate company, Felda Holdings Bhd, to maintain oversight and ensure the operations of the respective subsidiaries are aligned with the Group's strategies and objectives.

Board Balance and Composition

Under the Company's Articles of Association, the number of Directors shall be not less than two (2) and not more than twelve (12). As at the date of this Statement, there are ten (10) members of the Board (excluding one Alternate Director), comprising five (5) Independent Non-Executive Directors, three (3) Non-Independent Non-Executive Directors and two (2) Non-Independent Executive Directors (one (1) Group President/Chief Executive Officer (CEO) and one (1) CEO Designate), the composition of which is in compliance with paragraph 15.02 of the LR.

The composition of the Board fairly reflects the interest of the significant shareholders, without compromising the interest of the minority shareholders.

The Independent Non-Executive Directors on the Board act as a caretaker of the minority shareholders and their views carry significant weight in the Board's decision-making process. The presence of Independent Non-Executive Directors fulfils a pivotal role in corporate accountability. Although all the Directors have equal responsibility at the Board level, the roles of these Independent Non-Executive Directors are particularly important as they provide unbiased and independent views, advice and judgement to take account of the interests, not only of the Group, but also that of minority shareholders, employees, customers, suppliers and the many communities within which the Group conducts its business. The Board places great importance on the balance of its Independent Non-Executive Directors since they serve as an essential source of impartial and professional guidance to protect the interest of the shareholders.

The Board regularly reviews the composition of the Board and its Committees to ensure appropriate balance and a good mix of skills and experience. The Board members comprise high calibre individuals with diverse professional backgrounds, skills and extensive experience and knowledge in their respective fields. Together, the Directors with their wide range of competencies, capabilities, technical skills and relevant business experience add value in governing the strategic direction of the Group.

The Board encourages female candidates to take up board positions. On 25 July 2012 and 16 January 2013, Datuk Wira Jalilah Baba and Datuk Nozirah Bahari were appointed as Directors respectively. The Board will continue to appoint capable and competent directors as soon as practicable in order to reach at least 30 percent female representation on the Board in the near term.

Amalan semasa adalah untuk melantik ahli-ahli Lembaga Pengarah ke dalam lembaga pengarah anak-anak syarikat, khususnya lembaga pengarah kelompok yakni anak-anak syarikat utama FGV, iaitu Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd, Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd, Felda Global Ventures Gula Sdn Bhd dan syarikat bersekutu utama, Felda Holdings Bhd, untuk mengekalkan pengawasan dan memastikan operasi anak-anak syarikat masing-masing adalah sejajar dengan strategi dan objektif Kumpulan.

Keseimbangan dan Komposisi Lembaga Pengarah

Di bawah Tata Urusan Pertubuhan Syarikat, bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) dan tidak lebih daripada dua belas (12). Pada tarikh Penyata ini, terdapat sepuluh (10) ahli Lembaga Pengarah (tidak termasuk seorang Pengarah Gantian), yang terdiri daripada lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan dua (2) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (satu (1) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan satu (1) Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik), komposisi yang mana adalah selaras dengan perenggan 15.02 dalam KP.

Komposisi Lembaga Pengarah ini mencerminkan kepentingan pemegang saham utama, tanpa menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah bertindak sebagai penjaga kepentingan pemegang saham minoriti dan pandangan mereka membawa kesan penting dalam proses pembuatan keputusan Lembaga Pengarah. Kehadiran Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memenuhi peranan penting dalam kebertanggungjawaban korporat. Walaupun para Pengarah mempunyai tanggungjawab yang setara di peringkat Lembaga Pengarah, peranan para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas adalah sangat penting kerana mereka memberikan pandangan yang tidak berat sebelah dan bebas, nasihat dan penilaian yang mengambilkira kepentingan, yakni bukan sahaja kepentingan Kumpulan, tetapi juga kepentingan pemegang saham minoriti, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya. Lembaga Pengarah meletakkan kepentingan yang tinggi ke atas keseimbangan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kerana mereka bertindak sebagai sumber penting dalam memberi panduan yang adil dan profesional demi melindungi kepentingan para pemegang saham.

Lembaga Pengarah mengkaji komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya secara kerap untuk memastikan keseimbangan yang sesuai dan gabungan kemahiran dan pengalaman yang wajar. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada individu-individu yang berkaliber tinggi dengan latar belakang profesional yang berkepelbagaian, berkemahiran serta berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang masing-masing. Secara bersama, para Pengarah dengan kecekapan, keupayaan, kemahiran teknikal yang pelbagai dan pengalaman perniagaan yang berkaitan memberi nilai tambah dalam tadbir urus halatuju strategik Kumpulan.

Lembaga Pengarah menggalakkan calon-calon wanita untuk menyertai Lembaga Pengarah. Pada 25 Julai 2012 dan 16 Januari 2013, Datuk Wira Jalilah Baba dan Datuk Nozirah Bahari masing-masing telah dilantik sebagai Pengarah. Lembaga Pengarah akan terus untuk melantik pengarah yang berkebolehan dan berwibawa secepat yang mungkin untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah dalam tempoh terdekat.

With its diversity of skills, the Board has been able to provide clear and effective collective leadership to the Group, and has brought informed and independent judgment to the Group's strategy and performance so as to ensure the highest standards of conduct and integrity are always at the core of the Group.

A brief description of the background of each director is contained in the "Board of Directors' Profiles" section set out on pages 44 to 55 of this Annual Report.

Independence of Independent Non-Executive Directors

The Board has undertaken an assessment of all the Independent Non-Executive Directors, and has concluded that each of them continues to demonstrate behaviours that reflect their independence, which are in accordance with the definition under the LR. The Board is satisfied that all the Independent Non-Executive Directors represent the interest of the minority shareholders by virtue of their roles and responsibilities.

The Independent Non-Executive Directors have fulfilled the Independent Non-Executive Directors criteria set out in the LR and all Independent Non-Executive Directors have served less than nine years.

The Board has also conducted an assessment of independence on two directors of FGV, namely Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah and Dato' Paduka Ismee Ismail.

Pursuant to the assessment, the Board has concluded that Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah and Dato' Paduka Ismee Ismail have demonstrated behaviours that reflect their independence and they have met the criteria as set out in the LR. Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah and Dato' Paduka Ismee Ismail do not represent the interests of any major shareholder of FGV. Pursuant thereto, the Board has on 24 April 2013 re-designated Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah and Dato' Paduka Ismee Ismail as Independent Non-Executive Directors.

Division of Roles and Responsibilities between the Chairman and Group President/CEO

The Board appreciates the distinct roles and responsibilities of the Chairman of the Board and the Group President/CEO. This division ensures that there is a clear and proper balance of power and authority. As such, the role of the Chairman and Group President/CEO is separate. The Chairman's main responsibility is to ensure effective conduct of the Board through the execution of the following key roles:

(i) Building a high performance Board by leading the evaluation of the Board's performance and ensuring that succession planning is considered on an on-going basis.

(ii) Managing Board meetings to ensure robust decision making by ensuring the provision of accurate, timely and clear information to all Directors. The Chairman encourages participation and deliberation by Board members to tap the wisdom of all the Board members and to promote consensus building as much as possible.

Dengan kepelbagaian kemahiran, Lembaga Pengarah telah dapat memberikan kepimpinan kolektif yang telus dan berkesan kepada Kumpulan, dan telah membawa pertimbangan yang bijak dan bebas untuk strategi dan prestasi Kumpulan bagi memastikan piawaian tatalaku dan integriti tertinggi sentiasa menjadi teras dalam Kumpulan.

Penerangan ringkas mengenai latar belakang setiap pengarah terkandung di dalam "Profil Lembaga Pengarah" yang dibentangkan pada mukasurat 44 hingga 55 dalam Laporan Tahunan ini.

Kebebasan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Pengarah telah menjalankan penilaian ke atas para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan menyimpulkan bahawa setiap daripada mereka terus menunjukkan tingkah laku yang mencerminkan pendirian bebas mereka, yang sejajar dengan takrif di bawah KP. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa kesemua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas mewakili kepentingan pemegang saham minoriti menerusi peranan dan tanggungjawab mereka.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah memenuhi kriteria Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dinyatakan dalam KP dan semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah berkhidmat kurang daripada sembilan tahun.

Lembaga Pengarah juga telah menjalankan penilaian ke atas kebebasan dua pengarah FGV, iaitu Tan Sri Dato 'Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dan Dato' Paduka Ismee Ismail.

Berdasarkan penilaian itu, Lembaga Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dan Dato' Paduka Ismee Ismail telah menunjukkan tingkah laku yang mencerminkan pendirian bebas mereka dan bahawa mereka telah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam KP. Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dan Dato' Paduka Ismee Ismail tidak mewakili kepentingan mana-mana pemegang saham utama FGV. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah pada 24 April 2013 telah menetapkan semula Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dan Dato' Paduka Ismee Ismail sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Pembahagian Peranan dan Tanggungjawab antara Pengerusi dan Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pengarah menghargai peranan dan tanggungjawab berbeza Pengerusi Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pembahagian ini memastikan bahawa terdapat keseimbangan kuasa yang jelas dan betul. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan adalah berasingan. Tanggungjawab utama Pengerusi adalah untuk memastikan pengendalian berkesan Lembaga Pengarah menerusi pelaksanaan peranan-peranan utama seperti berikut:

(i) Membina Lembaga Pengarah berprestasi tinggi dengan mengetuai penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan memastikan pelan penggantian dipertimbangkan secara berterusan.

(ii) Menguruskan mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memastikan pembuatan keputusan yang mantap dengan memastikan penyediaan maklumat yang tepat, tepat pada masanya dan jelas kepada semua Pengarah. Pengerusi menggalakkan penyertaan dan perbincangan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk memanfaatkan kebijaksanaan semua ahli-ahli Lembaga Pengarah dan untuk menggalakkan pembinaan konsensus sebanyak mungkin.

(iii) Facilitating the Board and Management interface by acting as the conduit between the two parties.

(iv) Facilitating the selection and appointment of a successor to the Group President/CEO.

(v) Acting as a spokesperson for the Board and the Group.

The Chairman has never assumed an executive position in the Company.

The Group President/CEO has overall responsibilities over the Group's operational and business units, organisational effectiveness and implementation of Board policies, directives, strategies and decisions. In addition, the Group President/CEO, by virtue of his position as a Board member, also functions as the intermediary between the Board and management.

Matters which are reserved for the Board's approval and delegation of powers to the Board Committees, the Group President/CEO and Management are expressly set out in an approved framework on limits of authority. Business affairs of the Group are governed by the Group's Delegated Authority Limits Policy. Any non-compliance issues are brought to the attention of management, Audit Committee and/or the Board, for effective supervisory decision-making and proper governance.

Senior Independent Director

The Board has identified Dato' Yahaya Abd Jabar as the Senior Independent Non-Executive Director to whom concerns of shareholders and stakeholders may be conveyed.

Shareholders and other interested parties may contact Dato' Yahaya Abd Jabar to address any concerns in writing or via telephone, facsimile or electronic mail as follows:

Tel : +603 2859 0009

Email : ajyahaya@feldaglobal.com

Postal address : Felda Global Ventures Holdings Berhad
Level 42, Menara Felda, Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia

Board Appointment Process

The nominees to the Board are first considered by the Nomination Committee, taking into consideration the various skills, competencies, experience and other qualities required before they are recommended to the Board. The Nomination Committee assesses the suitability of candidates, taking into account the required mix of skills, knowledge, expertise and experience, professionalism, integrity, competencies and other qualities, before recommending their appointment to the Board for approval.

(iii) Mengurangkan jurang di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan dengan bertindak sebagai penghubung antara kedua-dua pihak.

(iv) Membantu dalam pemilihan dan pelantikan pengganti kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

(v) Bertindak sebagai jurucakap bagi Lembaga Pengarah dan Kumpulan.

Pengerusi tidak pernah memegang jawatan eksekutif di dalam Syarikat.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mempunyai tanggungjawab keseluruhan ke atas unit operasi dan perniagaan Kumpulan, keberkesanan organisasi dan pelaksanaan polisi Lembaga Pengarah, arahan, strategi dan keputusan. Di samping itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, menerusi kedudukannya sebagai seorang ahli Lembaga Pengarah, juga berfungsi sebagai perantara di antara Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Perkara-perkara yang dikhaskan untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan pembahagian kuasa kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengurusan dinyatakan dengan jelas dalam rangka kerja had kuasa yang diluluskan. Hal ehwal perniagaan Kumpulan ditadbir oleh Dasar Had Kuasa yang Ditentukan Kumpulan. Sebarang isu ketidakpatuhan dibawa kepada perhatian pihak pengurusan, Jawatankuasa Audit dan/atau Lembaga Pengarah, bagi penyeliaan pembuatan keputusan yang berkesan dan tadbir urus yang sesuai.

Pengarah Kanan Bebas

Lembaga telah mengenalpasti Dato' Yahaya Abd Jabar sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif di mana sebarang kemusykilan para pemegang saham dan pihak berkepentingan boleh disampaikan.

Pemegang saham dan pihak-pihak lain boleh menghubungi Dato' Yahaya Abd Jabar bagi menyampaikan sebarang kebimbangan secara bertulis atau menerusi telefon, faksimili atau mel elektronik seperti berikut:

Tel : +603 2859 0009

Emel : ajyahaya@feldaglobal.com

Alamat surat-menyurat : Felda Global Ventures Holdings Berhad
Tingkat 42, Menara Felda, Taman Platinum
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia

Proses pelantikan Lembaga Pengarah

Calon-calon kepada Lembaga Pengarah dipertimbangkan dahulu oleh Jawatankuasa Pencalonan, dengan mengambilkira pelbagai kemahiran, kecekapan, pengalaman dan kualiti lain yang diperlukan sebelum ia disyorkan kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan menilai kesesuaian calon, dengan mengambilkira keperluan gabungan kemahiran, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman, profesionalisme, integriti, kecekapan dan kualiti yang lain, sebelum mengesyorkan pelantikan mereka kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Re-election of Directors

In accordance with the Articles of Association of the Company, at each Annual General Meeting, 1/3 of Directors shall be subject to retirement by rotation at Annual General Meeting (AGM) but they shall be eligible for re-election. The Directors to retire in every year shall be those who have been longest in office since their last re-election or appointment and each Director shall retire at least once in every three (3) years. Newly appointed directors during the year must offer themselves to the shareholders for re-election at the first AGM following their appointment.

Directors over the age of seventy years old are also required to submit themselves for re-appointment annually, in accordance with Section 129(6) of the Companies Act, 1965. None of the Company's Director has reached the age of seventy years old.

Induction and Continuous Professional Development

Induction programmes were conducted for all newly appointed Directors which were comprised of briefings by Senior Management to provide the directors with the necessary information to assist them in understanding the operations of the Company, current issues and corporate strategies as well as the structure and management of the Company. Visits to the Group's plantation and mills operation, refineries and research centres and a training for the directors and Senior Management on topics of insider trading were also arranged during the year.

Save for Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, all Directors have attended and successfully completed the Mandatory Accreditation Programme as required by the LR. Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah is scheduled to attend the Mandatory Accreditation Programme on 5th and 6th July 2013. The Directors are encouraged to attend continuous education programmes, talks, seminars, workshops and conferences to enhance their skills and knowledge and to ensure Directors keep abreast with new developments in the business environment and enhance their skills and knowledge.

The Company has on an ongoing basis identified conferences and seminars which will be beneficial to the Directors. The Company provides a dedicated training budget for Directors' continuing development. Relevant training (internal or external) programmes are arranged by the Company for the Directors.

During the financial year 2012, the Directors have attended the following training programmes to further enhance their knowledge to enable them to discharge their duties and responsibilities more effectively:

(a) Mandatory Accreditation Programme (MAP) for Directors of Public Listed Companies (Pursuant to Paragraph 15.09 of Bursa Securities Listing Requirements)

(b) Client Education Series – Insider Trading – Briefing on the various laws and regulations applicable to a listed company by Messrs Kadir Andri & Partners/ Group Legal FGV

Pemilihan Semula Pengarah

Selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, 1/3 daripada Pengarah hendaklah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) tetapi mereka layak untuk pemilihan semula. Para Pengarah yang bersara setiap tahun adalah mereka yang paling lama memegang jawatan sejak kali terakhir mereka dipilih semula atau dilantik dan setiap Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun. Pengarah yang baru dilantik pada tahun ini perlu menawarkan diri mereka kepada para pemegang saham untuk dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan pertama selepas perlantikan mereka.

Pengarah yang berusia tujuh puluh tahun juga dikehendaki menawarkan diri untuk pelantikan semula setiap tahun, selaras dengan Seksyen 129 (6) Akta Syarikat, 1965. Tiada Pengarah Syarikat yang telah mencapai usia tujuh puluh tahun.

Induksi dan Pembangunan Profesional Berterusan

Program induksi telah diadakan untuk semua Pengarah yang baru dilantik yang terdiri daripada taklimat oleh Pengurusan Kanan untuk menyediakan para pengarah dengan maklumat yang diperlukan dalam membantu mereka memahami operasi Syarikat, isu-isu semasa dan strategi-strategi korporat serta struktur dan pengurusan Syarikat. Lawatan ke ladang dan operasi kilang-kilang, kilang penapisan dan pusat penyelidikan Kumpulan serta latihan bagi para pengarah dan Pengurusan Kanan mengenai topik-topik dagangan orang dalam juga telah diatur sepanjang tahun ini.

Kecuali Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, kesemua Pengarah telah menghadiri dan berjaya menamatkan Program Akreditasi Mandatori seperti yang dikehendaki oleh KP. Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dijadual menghadiri Program Akreditasi Mandatori pada 5 dan 6 Julai 2013. Para Pengarah digalakkan untuk menghadiri program pendidikan berterusan, ceramah, seminar, bengkel dan persidangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dan memastikan para Pengarah mengikuti perkembangan-perkembangan terbaru dalam persekitaran perniagaan selain meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Syarikat memberitahu para Pengarah secara berterusan mengenai persidangan-persidangan dan seminar-seminar yang akan memberi manfaat kepada para Pengarah. Syarikat ini menyediakan belanjawan khusus untuk latihan pembangunan berterusan para Pengarah. Program-program latihan yang relevan (dalaman atau luaran) diatur oleh Syarikat untuk para Pengarah.

Pada tahun kewangan 2012, para Pengarah telah menghadiri program-program latihan berikut untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan:

(a) Program Akreditasi Mandatori (MAP) bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam (Menurut Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities)

(b) Siri Pendidikan Pelanggan – Dagangan Dalaman – Taklimat mengenai pelbagai undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai untuk syarikat yang disenaraikan oleh Tetuan Kadir Andri & Partners/Kumpulan Perundangan FGV

(c) Executive Dialogue by Ministry of Finance, Malaysia

(d) *Persidangan INVEST Malaysia* by Bursa Malaysia & Maybank Investment Bank

(e) Board Briefing Sime Darby by Sime Darby

(f) Director Duties, Regulatory Updates and Governance Seminar for Directors of PLCs 2013 by Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG)

(g) Private Equity & Venture Capital by Harvard University, Boston

(h) Board of Directors Workshop by Media Prima Berhad Directors' Workshop

(i) Directors Workshop on The Malaysian Code on Corporate Governance 2012 by Malaysian Alliance of Corporate Directors

(j) Boardroom Essential Soft Skills and Board Simulation Training by Malaysian Alliance of Corporate Directors

(k) Professionalism in Directorship Programme by Malaysian Alliance of Corporate Directors

(l) Financial Institutions Directors' Education Program – The Director's Legal Tool Kit by The ICLIF Leadership and Governance Centre

Board Meetings

During the financial year ended 31 December 2012, the Board met 24 times to deliberate and consider a variety of significant matters that required its guidance and approval. 18 FGV Board meetings were held prior to the date of listing of FGV on 28 June 2012 to discuss matters which were mainly related to the initial public offer of FGV shares.

The Board requires all members to devote sufficient time to the working of the Board, to effectively discharge their duties as the directors of FGV, and to use their best endeavours to attend meetings. Board Meetings and Board Committee meetings are scheduled in advance of the new financial year to enable Directors to plan ahead and fit the year's meetings into their schedules. Special Board meetings are convened between the scheduled meetings to consider urgent proposals or matters that require expeditious decision or deliberation by the Board.

The Board has a regular annual schedule of matters which are tabled to the Board for their approval and/or notation which includes business performance updates, unaudited quarterly results, reports from all operating segments and on strategy, investments, financial and investor relations.

  (a) Pengarah Bukan Eksekutif Kumpulan FGV dan Kumpulan FHB, untuk memastikan bahawa rangka kerja, dasar-dasar dan tahap yuran imbuhan adalah mencukupi untuk menarik, mengekal dan mendorong individu berkaliber tinggi sebagai pengarah;

  (b) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Eksekutif Kanan dan eksekutif lain yang melapor terus kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

(ii) Untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian Polisi Imbuhan pada setiap tahun, serta jika dan apabila diperlukan. Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah berpuas hati bahawa:

  (a) Semua peruntukan berhubung imbuhan dan pendedahannya seperti yang ditetapkan dalam undang-undang dan peraturan berkaitan dicerminkan sewajarnya dalam Polisi Imbuhan.

  (b) Polisi Imbuhan menggalakkan tingkah laku yang menyokong kekukuhan kewangan, pertumbuhan dan kejayaan jangka panjang FGV dalam rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai.

  (c) Dasar Imbuhan menunjukkan hubungan yang jelas di antara prestasi individu dan imbuhan.

  (d) Dasar Imbuhan, di mana sesuai, menentukan gabungan saraan yang sesuai, yang mencerminkan objektif prestasi jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai dengan keadaan dan matlamat FGV.

(iii) Untuk mengkaji semula dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun mengenai rancangan imbuhan dan kontrak khusus bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atau Pengarah Eksekutif dengan mengambilkira Dasar Imbuhan, termasuk:

  (a) Tahap imbuhan tetap;

  (b) Sasaran imbuhan jangka pendek dan jangka panjang serta keputusan akhir (termasuk sasaran prestasi);

  (c) Sebarang bayaran penamatan perkhidmatan yang akan dibuat;

  (d) Imbuhan pengekalan perkhidmatan dan penyertaan;

  (e) Pembangunan mana-mana pelan berasaskan ekuiti yang akan berkaitan dengan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan; dan

  (f) Sebarang bentuk imbuhan lain.

(iv) Menentukan dan mempersetujui satu rangka kerja Prestasi yang sesuai bersama Lembaga Pengarah, mengesahkan permohonannya dalam menetapkan sasaran prestasi bagi imbuhan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Eksekutif, dan menilai prestasi mereka berbanding sasaran tersebut, bagi menentukan tahap imbuhan tahunan yang terhasil;

(v) Untuk menilai dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai prestasi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berdasarkan sasaran dan matlamat beliau.

(vi) To review and make recommendations to the Board annually on the individual remuneration levels and arrangements for Senior Executives and other executives who are direct reports of the Group President/CEO and any other person the Board determines having regard to the Remuneration Policies; including:

(a) Fixed remuneration levels;

(b) Short and long term remuneration targets and outcomes;

(c) Any termination payments to be made;

(d) Retention and sign-on rewards;

(e) All incentive awards to be made to each individual; and

(f) Any other forms of remuneration.

(vii) To approve the specific individual contractual arrangements for Group Executives and other executives who are direct reports of the Group President/CEO.

(viii) To review and recommend to the Board the size of variable reward pools as part of the Group's annual plan based on consideration of pre-determined business performance indicators and the financial soundness of FGV.

(ix) To review and note annually the remuneration trends across the FGV Group and FHB Group.

(x) To be aware of and advise the Board on any major changes in employee benefit structures throughout the FGV Group and FHB Group.

The full details of the Remuneration Committee's Terms of Reference are published in FGV's website.

Investment Committee

The Investment Committee was established on 5 August 2010 to assist the Board of Directors in performing its duties and discharging its responsibilities in evaluating the Company's investment proposals.

Under its Terms of Reference, the Investment Committee shall consist of five (5) members comprising a Chairman, three (3) independent members and one (1) non-independent member, all of whom shall be duly appointed by the Board. The Chairman must be the representative of the Board of Directors of the Company.

(vi) Untuk mengkaji dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun berhubung tahap ganjaran individu dan perancangan bagi Eksekutif Kanan dan eksekutif lain yang melapor terus kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan mana-mana individu lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan mengambilkira Dasar Imbuhan, termasuk:

(a) Tahap imbuhan tetap;

(b) Sasaran imbuhan jangka pendek dan jangka panjang serta keputusan akhirnya;

(c) Sebarang bayaran penamatan perkhidmatan yang akan dibuat;

(d) Imbuhan pengekalan perkhidmatan dan penyertaan;

(e) Semua pemberian insentif yang akan dibuat kepada setiap individu; dan

(f) Sebarang bentuk imbuhan lain.

(vii) Untuk meluluskan rancangan kontrak individu yang khusus untuk Eksekutif Kumpulan dan eksekutif lain yang melapor terus kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

(viii) Untuk mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah saiz kolam imbuhan tidak tetap sebagai sebahagian daripada rancangan tahunan Kumpulan berdasarkan pertimbangan penunjuk prestasi perniagaan yang telah ditetapkan dan kekukuhan kewangan FGV.

(ix) Untuk mengkaji semula dan memerhatikan setiap tahun trend imbuhan di seluruh Kumpulan FGV dan Kumpulan FHB.

(x) Untuk menyedari dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai sebarang perubahan besar dalam struktur manfaat pekerja di seluruh Kumpulan FGV dan Kumpulan FHB.

Butiran lengkap Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Imbuhan boleh didapati di laman web FGV.

Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan telah ditubuhkan pada 5 Ogos 2010 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugasnya dan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menilai cadangan pelaburan Syarikat.

Di bawah Terma-terma Rujukannya, Jawatankuasa Pelaburan hendaklah terdiri daripada lima (5) ahli yang terdiri daripada seorang Pengerusi, tiga (3) orang ahli bebas dan satu (1) ahli bukan bebas, yang mana semuanya hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah. Pengerusinya adalah wakil Lembaga Pengarah Syarikat.

The Board Directors of FGV may also appoint any other persons with relevant qualifications and experience as the Board thinks appropriate to be a member(s) of the Committee. The Investment Committee is comprised of the following members:

1. Datuk Dr Omar Salim
   Chairman of Investment Committee
   (Non-Independent Non-Executive Director)
2. Datuk Wira Jalilah Baba
   Member
   (Independent Non-Executive Director)
3. Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
   Independent Member
4. Dato' Zakaria Nordin
   Independent Member
5. Datuk Lim Thean Shiang
   Independent Member
   (Appointed on 1 March 2013)
6. Dr Mohd Emir Mavani Abdullah
   Non-Independent Non-Executive Director in 2012, redesignated as Non-Independent Executive Director on 1st January 2013.
   (Resigned as a member of the Investment Committee with effect from 1st January 2013)

The Independent Members of the Investment Committee are bound by confidentiality obligations and contractual obligations under the Confidentiality and Responsibility Statement signed with FGV.

The scope and functions of the Investment Committee are as set out below.

(i) To evaluate proposals on new investments and disposals of significant value to ensure consistency with the Global Strategy Blueprint and returns in excess of a hurdle rate adjusted for risk and performance premium;

(ii) To recommend investments of a prescribed amount as determined by the Board from time to time under the Delegated Authority Limit Policy and Procedures;

(iii) To review financial investment portfolios of the Company. This includes and is not limited to existing and new merger and acquisitions, new partnerships, divestments and large capital expenditure projects which are not within the ordinary course of business;

(iv) To oversee current and future capital and financial resource requirements;

(v) To monitor the fund raising activities of FGV Group; and

(vi) To conduct the annual performance evaluation of FGV Group's investment activities.

The full details of the Investment Committee's Terms of Reference are published in FGV's website.

Lembaga Pengarah FGV juga boleh melantik mana-mana individu lain yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah untuk menjadi ahli Jawatankuasa ini. Jawatankuasa Pelaburan adalah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

1. Datuk Dr Omar Salim
   Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
2. Datuk Wira Jalilah Baba
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
3. Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
   Ahli Bebas
4. Dato' Zakaria Nordin
   Ahli Bebas
5. Datuk Lim Thean Shiang
   Ahli Bebas
   (Dilantik pada 1 Mac 2013)
6. Dr Mohd Emir Mavani Abdullah
   Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada tahun 2012, dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada 1 Januari 2013.
   (Meletak jawatan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan berkuatkuasa 1 Januari 2013)

Ahli Bebas Jawatankuasa Pelaburan adalah terikat dengan obligasi kerahsiaan dan obligasi kontrak di bawah Penyata Kerahsiaan dan Tanggungjawab dengan FGV.

Skop dan fungsi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

(i) Untuk menilai cadangan pelaburan baru dan pelupusan bernilai besar untuk memastikan keselarasan dengan Rangka Tindakan Strategi Global dan pulangan yang melebihi kadar rintangan yang diselaraskan untuk risiko dan premium prestasi;

(ii) Untuk mencadangkan pelaburan dengan jumlah yang yelah ditetapkan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa di bawah Dasar dan Prosedur Had Kuasa yang Ditetapkan;

(iii) Untuk mengkaji semula portfolio pelaburan kewangan Syarikat. Ini termasuk dan tidak terhad kepada penggabungan dan pengambilalihan sedia ada dan baru, kongsi niaga baru, pelupusan dan projek perbelanjaan bermodal besar yang bukan terangkum dalam perjalanan lazim perniagaan;

(iv) Untuk mengawasi modal semasa dan modal masa hadapan serta keperluan sumber kewangan;

(v) Untuk memantau aktiviti-aktiviti pengumpulan dana Kumpulan FGV; dan

(vi) Untuk menjalankan penilaian prestasi tahunan ke atas aktiviti pelaburan Kumpulan FGV.

Butiran penuh Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Pelaburan boleh didapati di laman web FGV.

The Investment Committee held four meetings during the financial year ended 31 December 2012. The details of the attendance are as follows:

MEMBERS	NUMBER OF MEETINGS ATTENDED IN 2012
Datuk Dr Omar Salim	4 out of 4
Datuk Wira Jalilah Baba	3 out of 4
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	4 out of 4
Dato' Zakaria Nordin	4 out of 4
Dr Mohd Emir Mavani Abdullah (Resigned as a member of the Investment Committee with effect from 1 January 2013)	3 out of 4
Datuk Lim Thean Shiang (Appointed on 1 March 2013)	Not applicable

Board Steering Committee

The Board Steering Committee was formed by the Board of Directors on 30 November 2012 to assist the Board of Directors in performing its duties and discharging its responsibilities in evaluating the Company's plan and strategy.

The Board Steering Committee members shall be appointed by the Board of Directors of FGV, and shall comprise of not less than five (5) members and not more than seven (7) members, including the Chairman. The Chairman of the Board Steering Committee must be the representative of the Board of Directors of FGV. The Board of Directors of FGV may also appoint any other person, up to a maximum of two (2) persons, who have relevant qualifications and experience as the Board thinks appropriate to be a member of the Board Steering Committee.

The Board Steering Committee is comprised of the following members:

1. Datuk Dr Omar Salim
   Chairman of the Board Steering Committee
   (Non-Independent Non-Executive Director)
2. Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Member
   (Non-Independent Non-Executive Director)
3. Dato' Yahaya Abd Jabar
   Member
   (Independent Non-Executive Director)
4. Dato' Sabri Ahmad
   Member
   (Non-Independent Executive Director)
5. Dr Mohd Emir Mavani Abdullah
   Member
   (Non-Independent Executive Director)
6. Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
   Independent Member

Jawatankuasa Pelaburan telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Butiran kehadiran adalah seperti berikut:

AHLI	JUMLAH MESYUARAT YANG DIHADIRI PADA TAHUN 2012
Datuk Dr Omar Salim	4 daripada 4
Datuk Wira Jalilah Baba	3 daripada 4
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	4 daripada 4
Dato' Zakaria Nordin	4 daripada 4
Dr Mohd Emir Mavani Abdullah (Meletak jawatan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan berkuatkuasa 1 Januari 2013)	3 daripada 4
Datuk Lim Thean Shiang (Dilantik pada 1 Mac 2013)	Tidak berkenaan

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah pada 30 November 2012 bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugasnya dan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menilai rancangan dan strategi Syarikat.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah adalah dilantik oleh Lembaga Pengarah FGV, dan terdiri daripada tidak kurang lima (5) ahli dan tidak melebihi tujuh (7) ahli, termasuk Pengerusi. Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah harus menjadi wakil Lembaga Pengarah FGV. Lembaga Pengarah FGV juga boleh melantik mana-mana individu lain, sehingga maksimum dua (2) orang, yang mana mempunyai kelayakan dan pengalaman berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah untuk menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

1. Datuk Dr Omar Salim
   Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
2. Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
3. Dato' Yahaya Abd Jabar
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
4. Dato' Sabri Ahmad
   Ahli
   (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)
5. Dr Mohd Emir Mavani Abdullah
   Ahli
   (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)
6. Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
   Ahli Bebas

The primary functions of the Board Steering Committee are to ensure that the Global Strategic Blueprint and its initiatives are properly implemented. Given that the formation of the Board Steering Committee took place in late 2012, no meeting was held during the financial year ended 31 December 2012.

The full details of the Board Steering Committee's Terms of Reference are published in FGV's website.

COMPANY SECRETARY

The Company Secretary is responsible for advising the Board on issues relating to corporate compliance with the relevant laws, rules, procedures and regulations affecting the Board and the Group, as well as best practices of governance. She is also responsible for advising the Directors of their obligations and duties to disclose their interest in securities, disclosure of any conflict of interest in a transaction involving the Bank, prohibition on dealing in securities and restrictions on disclosure of price-sensitive information. All Directors have access to the advice and services of the Company Secretary and the Board evaluated the support and services provided by the Company Secretary to the Board during the financial year through a Board evaluation questionnaire.

INSIDER TRADING

In line with the Listing Requirements and the relevant provisions of the Capital Markets & Services Act 2007, Directors, key management personnel and principal officers of Felda Global Group are prohibited from trading in securities or any kind of property based on price sensitive information and knowledge, which have not been publicly announced. Notices on the closed period for trading in FGV's shares are circulated to Directors, key management personnel and principal officers who are deemed to be privy to any price sensitive information and knowledge, in advance of whenever the closed period is applicable.

CONFLICT OF INTEREST

It has been the practice of FGV to require that members of the Board make a declaration to that effect at the Board meeting in the event that they have interests in proposals being considered by the Board, including where such interest arises through close family members, in line with various statutory requirements on the disclosure of Director's interest.

Any interested Directors would then abstain from deliberations and decisions of the Board on the subject proposal and, where appropriate, excuse themselves from being present in the deliberations.

Fungsi utama Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah adalah untuk memastikan bahawa Rangka Tindakan Strategik Global dan inisiatif-inisiatifnya dilaksanakan dengan betul. Memandangkan pembentukan Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah berlaku pada akhir 2012, tiada mesyuarat diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Butiran lengkap Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah boleh didapati di laman web FGV.

SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu berkaitan pematuhan korporat terhadap undang-undang, peraturan, prosedur dan peraturan-peraturan yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan, serta amalan-amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada Pengarah mengenai tanggungjawab dan tugas mereka dalam mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti, pendedahan sebarang konflik kepentingan dalam urusniaga yang melibatkan Bank, larangan menjalankan urusniaga dalam sekuriti dan halangan pendedahan maklumat peka harga. Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat dan Lembaga Pengarah menilai sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan menerusi soal selidik penilaian Lembaga Pengarah.

PERDAGANGAN DALAMAN

Selaras dengan Kehendak Penyenaraian dan peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai utama Kumpulan Felda Global adalah dilarang daripada menjalankan urusniaga perdagangan dalam sekuriti atau apa-apa jenis hartanah yang adalah berdasarkan maklumat dan pengetahuan peka harga, yang belum diumumkan kepada orang ramai. Notis tempoh tutup urusniaga saham FGV diedarkan kepada para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai utama yang disifatkan sebagai mengambil bahagian dalam apa-apa maklumat dan pengetahuan peka harga, terdahulu sebelum tempoh tutup berkenaan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Adalah menjadi amalan FGV untuk meminta ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk membuat perisytiharan yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah, termasuk apabila kepentingan tersebut timbul menerusi ahli keluarga terdekat, selaras dengan kehendak berkanun berkaitan pendedahan kepentingan Pengarah.

Mana-mana Pengarah yang mempunyai konflik kepentingan akan mengecualikan diri daripada perbincangan dan pembuatan keputusan Lembaga Pengarah mengenai cadangan terbabit dan, di mana wajar, mengecualikan diri daripada hadir dalam perbincangan tersebut.

INVESTOR RELATIONS AND SHAREHOLDER COMMUNICATION

The Board recognises the importance of an effective communications channel between the Board, stakeholders, institutional investors and the investing public at large, both in Malaysia and internationally, with the objective of providing a clear and complete picture of the Group's performance and position as much as possible.

In this respect, the Company is fully committed in maintaining a high standard for the dissemination of relevant and material information on the development of the Group. The Group Corporate Disclosure Policy provides the proper framework and guidelines to govern the release of material and sensitive information so as not to mislead the public and shareholders. Information that is price sensitive or may be regarded as undisclosed material information about the Group is not disclosed to any party until it is already in the public domain through proper disclosure.

FGV's Investor Relations programme ensures a planned sequence of activities is conducted throughout the year to communicate its strategy, operational performance, financial results and other material developments to Bursa Malaysia, analysts, investors, shareholders and other stakeholders in a timely, open and comprehensive manner.

Quarterly Results Analyst Briefings

FGV holds media and analyst results briefings and/or conference calls chaired by the Group President/Chief Executive Officer immediately after each announcement of quarterly results to Bursa Malaysia. The briefings provide a platform for analysts to receive a balanced and complete view of FGV Group's performance and the issues faced.

Conferences and Roadshows

Stakeholder engagements are also conducted through conferences and roadshows organised locally or overseas whereby senior management will communicate the Group's strategy, and the progress of various initiatives and updates to enable stakeholders to understand FGV's operations better.

Investor Meetings

The Investor Relations (IR) unit has frequent one-on-one and group meetings with analysts, investors and potential investors throughout the year to provide constant communications with the investment community. Reasonable access to senior management is also provided to ensure analysts and important investors are able to meet with key executives within the Group.

Site visits

In an effort to create awareness and deeper understanding of the palm oil business and its value chain, the IR unit organises and hosts site visits to various facilities within the group such as palm oil plantations, palm oil mills, plants, refineries as well as the group's research and development centers at which visitors are able to gain knowledge on the palm breeding process.

HUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan saluran komunikasi yang berkesan di antara Lembaga Pengarah, pemegang kepentingan, pelabur institusi dan pelabur umum, di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, dengan matlamat menyediakan gambaran yang jelas dan lengkap mengenai prestasi dan kedudukan Kumpulan dengan sebanyak mungkin.

Dalam hal ini, Syarikat komited dalam mengekalkan piawaian yang tinggi bagi penyebaran maklumat yang penting dan relevan mengenai pertumbuhan Kumpulan. Dasar Pendedahan Korporat Kumpulan menyediakan rangka kerja dan garis panduan yang sesuai untuk mentadbir urus pengeluaran maklumat yang penting dan sensitif agar tidak mengelirukan orang awam dan pemegang saham. Maklumat peka harga atau yang boleh dianggap sebagai maklumat yang tidak boleh didedahkan mengenai Kumpulan adalah tidak didedahkan kepada mana-mana pihak sehingga ia sudah berada dalam domain awam menerusi pendedahan yang betul.

Program Perhubungan Pelabur FGV memastikan satu urutan rancangan aktiviti dijalankan sepanjang tahun bagi menyampaikan maklumat mengenai strategi, prestasi operasi, keputusan kewangan dan lain-lain perkembangan penting kepada Bursa Malaysia, penganalisis, pelabur, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain dalam cara yang tepat pada masanya, terbuka dan menyeluruh.

Taklimat Penganalisis mengenai Keputusan Sukuan Tahun

FGV mengadakan taklimat dan/atau persidangan media dan keputusan penganalisis yang dipengerusikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan sejurus selepas setiap pengumuman keputusan suku tahun kepada Bursa Malaysia. Taklimat tersebut menyediakan platform bagi penganalisis untuk menerima pandangan yang seimbang dan lengkap mengenai prestasi Kumpulan FGV dan isu-isu yang dihadapinya.

Persidangan dan Jelajah Jalanan

Penglibatan pihak berkepentingan juga dijalankan menerusi persidangan dan jelajah jalanan yang dianjurkan di dalam atau luar negara di mana pengurusan kanan akan menyampaikan strategi Kumpulan, serta perkembangan pelbagai inisiatif dan maklumat terkini bagi membolehkan pihak berkepentingan memahami operasi FGV dengan lebih baik.

Mesyuarat Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur (IR) secara kerap mengadakan mesyuarat mata-ke-mata dan berkumpulan dengan para penganalisis, pelabur dan bakal pelabur sepanjang tahun bagi menyediakan komunikasi yang berterusan dengan komuniti pelaburan. Akses yang munasabah kepada pengurusan kanan juga disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur penting dapat bertemu dengan eksekutif utama dalam Kumpulan.

Lawatan tapak

Dalam usaha mewujudkan kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai perniagaan minyak sawit dan rantaian nilai, unit IR menganjurkan dan menjadi hos kepada lawatan tapak ke pelbagai kemudahan dalam kumpulan seperti ladang-ladang kelapa sawit, kilang-kilang minyak sawit, loji-loji, loji penapisan serta pusat penyelidikan dan pembangunan kumpulan di mana para pengunjung dapat menimba ilmu mengenai proses pembiakan sawit.

Summary of Investor Relations Activities

	2012
Results Announcement: Analyst Briefing via Teleconferencing	2
Site visits conducted	4
Number of meetings (1-to-1 Meetings and in-house meetings at conferences)	89
Number of analysts/fund managers met during in house meetings and conferences	234

Conferences Attended

VENUE	EVENT	DATE	ORGANISER
London	Asia Pacific Leader's Conference	1-2 November 2012	CIMB
Singapore	Nomura Agri & Food Conference	8-9 November 2012	Nomura
Kuala Lumpur	CIMB Plantation Day	4 November 2012	CIMB
Hong Kong	Invest Malaysia Hong Kong	8 November 2012	OSK Bursa

Key Events

EVENTS	DATE
Results Announcement and Analyst Briefing	
First Quarter 2012	25 June 2012
Second Quarter 2012	28 August 2012
Third Quarter 2012	30 November 2012

Investor queries may be addressed to the unit through the following contact:

Zaida Alia Shaari
Head of Investor Relations

Tel : +603 2692 8355
Email : zaida.s@feldaglobal.com

Corporate Website

FGV's corporate website at www.feldaglobal.com provides quick access to information about the Group. The information on the website includes corporate profile, board and key management profiles, announcements to Bursa Malaysia, press releases, share and dividend information, investor presentations, financial results, and corporate news. The Company's website is updated periodically to provide current and comprehensive information about FGV Group.

Ringkasan Aktiviti Hubungan Pelabur

	2012
Pengumuman Keputusan: Taklimat Penganalisis menerusi Telekonferensi	2
Lawatan tapak dijalankan	4
Bilangan mesyuarat (Mesyuarat mata-ke-mata dan mesyuarat dalaman pada persidangan)	89
Bilangan penganalisis/pengurus dana yang ditemui semasa mesyuarat dalaman dan persidangan	234

Persidangan yang Dihadiri

TEMPAT	ACARA	TARIKH	PENGANJUR
London	Persidangan Pemimpin Asia Pasifik	1-2 November 2012	CIMB
Singapura	Persidangan Pertanian & Makanan Nomura	8-9 November 2012	Nomura
Kuala Lumpur	Hari Perladangan CIMB	4 November 2012	CIMB
Hong Kong	Invest Malaysia Hong Kong	8 November 2012	OSK Bursa

Acara-acara Utama

PERISTIWA	TARIKH
Pengumuman Keputusan dan Taklimat Penganalisis	
Suku Pertama 2012	25 Jun 2012
Suku Kedua 2012	28 Ogos 2012
Suku Ketiga 2012	30 November 2012

Pertanyaan pelabur boleh ditujukan kepada unit ini menerusi maklumat hubungan berikut:

Zaida Alia Shaari
Ketua Perhubungan Pelabur

Tel : +603 2692 8355
Emel : zaida.s@feldaglobal.com

Laman Web Korporat

Laman web korporat FGV di www.feldaglobal.com memberikan akses pantas kepada maklumat mengenai Kumpulan. Maklumat di laman web ini termasuk profil korporat, profil lembaga pengarah dan pengurusan utama, pengumuman kepada Bursa Malaysia, siaran akhbar, maklumat saham dan dividen, pembentangan pelabur, keputusan kewangan, dan berita korporat. Laman web Syarikat dikemaskini secara berkala bagi memberikan maklumat terkini dan komprehensif mengenai Kumpulan FGV.

Annual Report

FGV's Annual Report 2012 is its first annual report produced since its listing on Bursa Malaysia on 28 June 2012. The Annual Report provides a comprehensive report on the Group's operations and financial performance. The annual reports are also printed in summary form together with a digital version of the annual report in CD-ROM format. An online version of the Annual Report is also available on FGV's corporate website.

Media Coverage

Media coverage on the Group and senior management, either through print media or television coverage, is also initiated proactively at regular intervals to provide wider publicity and improve the general understanding of the Group's business among investors and the public.

GENERAL MEETINGS

The Group's Extraordinary General Meetings (EGM) and Annual General Meetings (AGM) represent the primary platforms for direct two-way interaction between the shareholders, Board and management of the Group. FGV's first AGM since its listing date to be held on 26th June 2013 will act as a principal forum for dialogue with all shareholders. They are encouraged and will be given sufficient opportunity to enquire about the Group's activities and prospects as well as to communicate their expectations and concerns. Shareholders are encouraged to participate in the Question and Answer session on the resolutions to be proposed or about the Group's operations in general. Shareholders who are unable to attend are allowed to appoint proxies in accordance with the Company's Articles to attend and vote on their behalf. The Chairman and the Board members are in attendance to provide clarification on shareholders' queries.

DIVIDEND POLICY

The Company presently adopts a dividend pay-out ratio of at least 50 percent of its profit after tax (PAT) attributable to shareholders excluding non-recurring income. The dividend policy also takes into consideration the level of cash, gearing, return on equity and retained earnings, expected financial performance, projected levels of capital expenditure and other investment plans and working capital requirements, general financial condition, contractual obligations and other factors considered relevant by the Board.

As the Company is an investment holding company, its income and therefore its ability to pay dividends is dependent upon the dividends received from its subsidiaries, which in turn would depend on the subsidiaries' distributable profits, operating results, financial condition, capital expenditureplans and other factors deemed relevant.

Whilst the dividend policy reflects the Board's current views on FGV Group's financial and cash flow position, the dividend policy will be reviewed from time to time. It is the policy of the Board, in recommending dividends, to allow shareholders to participate in the Company's profit, as well as to retain adequate reserves for future growth.

Laporan Tahunan

Laporan Tahunan 2012 FGV adalah laporan tahunan yang pertama dihasilkan sejak penyenaraiannya di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012. Laporan Tahunan ini menyediakan laporan komprehensif mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan. Laporan tahunan ini juga dicetak dalam bentuk ringkas berserta versi digital dalam bentuk CD-ROM. Versi dalam talian juga boleh didapati di laman web korporat FGV.

Liputan Media

Liputan media untuk Kumpulan dan pengurusan kanan, samada menerusi media cetak atau liputan televisyen, juga telah dilaksanakan secara proaktif dalam sela masa yang tetap untuk memberi publisiti yang lebih luas dan meningkatkan pemahaman am mengenai perniagaan Kumpulan di kalangan pelabur dan orang ramai.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Luar Biasa Kumpulan (EGM) dan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) merupakan platform utama untuk interaksi dua hala secara langsung antara pemegang saham, Lembaga Pengarah dan pengurusan Kumpulan. AGM pertama FGV sejak tarikh penyenaraiannya yang akan diadakan pada 26 Jun 2013 akan bertindak sebagai forum utama bagi dialog dengan semua pemegang saham. Mereka digalakkan dan akan diberi peluang yang mencukupi untuk bertanya mengenai aktiviti dan prospek Kumpulan selain menyampaikan harapan dan kebimbangan mereka. Pemegang saham digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi Soal Jawab mengenai resolusi yang akan dicadangkan atau mengenai operasi Kumpulan secara umum. Pemegang saham yang tidak dapat hadir dibenarkan melantik proksi menurut Tataurusan Syarikat untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak mereka. Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah hadir untuk memberikan penjelasan terhadap pertanyaan para pemegang saham.

DASAR DIVIDEN

Syarikat kini menggunapakai nisbah dividen pembayaran pada sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keuntungan selepas cukai (PAT) milik para pemegang saham tidak termasuk pendapatan tidak berulang. Dasar dividen juga mengambilkira tahap tunai, penggearan, pulangan ke atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, prestasi kewangan yang dijangkakan, unjuran tahap perbelanjaan modal serta lain-lain rancangan pelaburan dan keperluan modal kerja, keadaan kewangan umum, obligasi kontrak dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

Oleh kerana Syarikat adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan, pendapatan dan keupayaannya untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen yang diterima daripada anak-anak syarikat, yang mana pula bergantung kepada keuntungan boleh diagihkan, keputusan operasi, keadaan kewangan, pelan perbelanjaan modal anak-anak syarikat terbabit dan faktor-faktor lain yang difikirkan berkaitan.

Walaupun dasar dividen mencerminkan pandangan terkini Lembaga Pengarah mengenai kedudukan kewangan dan aliran tunai Kumpulan FGV, dasar dividen itu akan dikaji semula dari masa ke semasa. Adalah menjadi amalan Lembaga Pengarah, dalam mengesyorkan dividen, untuk membenarkan pemegang saham mengambil bahagian dalam keuntungan Syarikat, selain mengekalkan rizab yang mencukupi untuk pertumbuhan masa hadapan.

ACCOUNTABILITY AND AUDIT
FINANCIAL REPORTING AND DISCLOSURE

The Board ensures that shareholders are presented with a clear, balanced and comprehensive view of FGV Group's financial performance and prospects through the audited financial statements, quarterly announcement of results, the Chairman's Statement, the Group President/Chief Executive Officer's Business Review in the Annual Report as well as corporate announcements on significant developments affecting the Company in accordance with the LR.

INTERNAL CONTROLS

The Board recognises that the ultimate responsibility for ensuring FGV Group's sound internal control system and reviewing its effectiveness lies with the Board. The Statement on Risk Management and Internal Control which provides an overview of the states of internal control within FGV Group is set out in pages 126 to 133 of this Annual Report.

WHISTLE BLOWING POLICY

The Board had established, on 7 December 2012, a Whistle Blowing Policy to encourage transparent and ethical conduct within the Group.The main objectives of this Whistle blowing Policy are :

(i) To provide avenues for employees to disclose any acts of wrongdoing.

(ii) To assure the employees that they will be protected from reprisals, discrimination or victimization for whistle blowing in good faith.

(iii) To provide a formal mechanism for action on all reports made.

This policy allows individuals to report on alleged acts of wrong doing within the Group such as, but not exhaustive to, the following:

1. Malpractice, impropriety, fraud and embezzlements.
2. Misappropriation of assets and funds.
3. Criminal breach of trust.
4. Illicit and corrupt practices.
5. Questionable or improper accounting.
6. Misuse of confidential information.
7. Acts or omissions, which are deemed to be against the interest of the Group, laws, regulations or public policies.
8. Breaches of any Group policies or Code of Ethics and Employee Conduct.
9. Attempts to deliberately conceal any of the above or other acts of wrongdoing.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT
LAPORAN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN

Lembaga Pengarah memastikan bahawa pemegang saham disediakan dengan pandangan yang jelas, seimbang dan komprehensif mengenai prestasi kewangan dan prospek Kumpulan FGV menerusi penyata kewangan yang telah diaudit, pengumuman keputusan sukuan tahun, Penyata Pengerusi, Ulasan Perniagaan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam Laporan Tahunan serta pengumuman korporat mengenai perkembangan penting yang mempengaruhi Syarikat selaras dengan KP.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui bahawa tanggungjawab utama untuk memastikan sistem kawalan dalaman Kumpulan FGV yang kukuh dan kajian keberkesanannya terletak pada Lembaga Pengarah. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberi gambaran mengenai keadaan kawalan dalaman Kumpulan FGV dibentangkan di mukasurat 126 hingga 133 dalam Laporan Tahunan ini.

DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Pada 7 Disember 2012, Lembaga Pengarah telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat bagi menggalakkan tatalaku yang telus dan beretika dalam Kumpulan. Matlamat utama Dasar Pendedahan Maklumat ini adalah seperti berikut:

(i) Untuk memberikan saluran kepada kakitangan untuk mendedahkan sebarang tindakan salahlaku.

(ii) Untuk meyakinkan kakitangan bahawa mereka akan dilindungi daripada serangan balas, diskriminasi atau penganiayaan untuk pendedahan maklumat berdasarkan niat yang baik.

(iii) Untuk menyediakan satu mekanisma rasmi untuk tindakan ke atas semua laporan yang dibuat.

Dasar ini membolehkan individu melaporkan dakwaan perbuatan salah laku dalam Kumpulan seperti, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

1. Penyelewengan, salah laku, penipuan dan penggelapan wang.
2. Penyalahgunaan aset dan dana.
3. Jenayah pecah amanah.
4. Amalan haram dan rasuah.
5. Perakaunan tidak wajar atau boleh dipersoalkan.
6. Penyalahgunaan maklumat sulit.
7. Perbuatan atau pengecualian, yang dianggap sebagai bertentangan dengan kepentingan Kumpulan, undang-undang, peraturan atau dasar-dasar awam.
8. Pelanggaran mana-mana dasar Kumpulan atau Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan.
9. Percubaan untuk sengaja menyembunyikan mana-mana perbuatan di atas atau lain-lain tindakan salah laku.

Dedicated channels of reporting have been set-up as follows as secure mechanisms to report any concerns:

- Hotlines administered directly by the Head of Investigation from the Group's internal audit function through:
  - (i) Email to alert@feldaglobal.com.
  - (ii) Posting through e-Alert form on the Group's portal.
  - (iii) Call to hotline number 1-800-888-717.
- In writing or via email to specific key management identified in the Whistle blowing Policy.

All reports or complaints received will be treated with strict confidentiality and the reporting individual will not be at risk of victimisation or retaliation for reporting in good faith. All reports made will be investigated by the Group's internal audit function. Updates and the conclusions of the investigations will be provided to the Audit Committee on a quarterly basis.

RELATED PARTY TRANSACTIONS AND RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS POLICY

The Company had established its Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions Policy on 7 December 2012.

The objectives of this policy and procedures are as follows:

1. To set out the framework for the identification, monitoring, evaluation, reporting and approval of Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions of FGV Group.
2. To put in place the guidelines and processes to ensure that Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions are undertaken on terms not more favourable to the Related Parties than generally available to the public, and are not detrimental to the minority shareholders and in the best interest of FGV Group.

RELATIONSHIP WITH EXTERNAL AUDITORS

The Company's transparent and professional relationship with the external auditors is primarily maintained through the Audit Committee and the Board. The key features underlying the Audit Committee's relationship with both internal auditors and the external auditors are detailed in the Report on the Audit Committee of this Annual Report at pages 134 to 145. The Audit Committee is of the opinion that the external auditors are independent with respect to the Group, within the meaning of the provisions of the Bye-Laws on Professional Independence of the Malaysian Institute of Accountants. In addition, to the best of the Audit Committee's knowledge, the Audit Committee is not aware of any non-audit services that had compromised the external auditors' independence.

Saluran laporan yang berdedikasi telah ditubuhkan seperti berikut sebagai mekanisma selamat untuk melaporkan sebarang kebimbangan:

- Talian bantuan yang ditadbir secara langsung oleh Ketua Siasatan daripada fungsi audit dalaman Kumpulan menerusi:
  - (i) E-mel kepada alert@feldaglobal.com.
  - (ii) Makluman menerusi borang e-Alert di portal Kumpulan.
  - (iii) Panggilan ke nombor hotline 1-800-888-717.
- Dalam bentuk bertulis atau menerusi e-mel kepada pengurusan utama khusus yang dikenal pasti dalam Dasar Pendedahan Maklumat.

Semua laporan atau aduan yang diterima akan ditangani dengan penuh kerahsiaan dan individu yang membuat laporan tidak akan menghadapi risiko penganiayaan atau serangan balas terhadap laporan yang dibuat. Semua laporan yang dibuat akan disiasat oleh fungsi audit dalaman Kumpulan. Maklumat terkini dan kesimpulan penyiasatan akan disediakan kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.

DASAR URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN DAN URUSNIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN

Syarikat telah mewujudkan Dasar Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan pada 7 Disember 2012.

Matlamat dasar dan prosedur ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menetapkan rangka kerja bagi mengenalpasti, memantau, menilai, melapor dan meluluskan Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan Kumpulan FGV.
2. Untuk menyediakan garis panduan dan proses untuk memastikan bahawa Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dijalankan atas terma yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang ditawarkan kepada umum, dan tidak menjejaskan pemegang saham minoriti serta memelihara kepentingan Kumpulan FGV.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Hubungan telus dan profesional diantara Syarikat dan juruaudit luar dikekalkan menerusi Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ciri-ciri utama yang mendasari hubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit dalaman dan juruaudit luar diperincikan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini di mukasurat 134 hingga 145. Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa juruaudit luar adalah berpendirian bebas berkenaan kepada Kumpulan, mengikut pengertian peruntukan Undang-Undang Kecil Kebebasan Profesional Institut Akauntan Malaysia. Di samping itu, berdasarkan pengetahuan terbaik Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Audit tidak menyedari tentang sebarang perkhidmatan bukan audit yang telah menjejaskan pendirian bebas juruaudit luar.

CORPORATE INTEGRITY PLEDGE

The FGV Group reinforces its commitment to a high level of governance and transparency by signing the Malaysian Corporate Integrity Pledge on 9 April 2012. This declaration signifies to the public that the Group supports and upholds Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia as well as working towards creating a business environment that is free from corruption in the conduct of its business and in its interactions with its business partners and the Government.

This report is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 24 April 2013.

On behalf of the Board

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Chairman

IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Kumpulan FGV memperkukuhkan komitmennya terhadap tahap tadbir urus dan ketelusan yang tinggi dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada 9 April 2012. Ini menunjukkan kepada orang ramai bahawa Kumpulan menyokong dan berpegang kepada Prinsip-prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia serta berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dalam pengendalian perniagaannya dan dalam interaksinya dengan rakan-rakan niaga dan pihak Kerajaan.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 24 April 2013.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

Statement on Risk Management and Internal Control
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pursuant to Paragraph 15.26 (b) of Bursa Malaysia Securities Berhad's Main Market Listing Requirements, the Board of Directors of listed companies is required to include in their annual report, a 'statement about the state of internal controls of the listed issuer as a group'. Accordingly, the Board is pleased to provide the following statement that is prepared in accordance with the 'Statement on Risk Management and Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Issuers' as endorsed by Bursa Malaysia Securities Berhad which outlines the risk management and internal control system of the Group during the financial year under review.

Menurut Perenggan 15.26 (b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat tersenarai dikehendaki untuk menyertakan ke dalam laporan tahunan mereka, 'penyata mengenai keadaan kawalan dalaman syarikat tersebut sebagai sebuah kumpulan'. Oleh itu, Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan penyata berikut yang disediakan selaras dengan 'Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai Awam' yang disahkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad yang menggariskan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan sepanjang tempoh kewangan di bawah tinjauan.

BOARD'S RESPONSIBILITY

The Board is fully responsible and accountable for the governance of the Group's risks managements and internal controls. It acknowledges that a control environment and a framework that is conducive are necessary to achieve a sound system of risk management and internal control.

The Board is assisted by the Audit Committee to oversee the implementation of a system of risk management and internal controls. The Investment Committee assists the Board in ensuring investments undertaken is aligned to the Group's vision and overall risk appetite.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

The Group has a Risk Management Framework in place to continuously identify, assess and monitor risks. The Framework enables the identification, assessment and management of key business risks protecting the interests of various stakeholders.

Under the Risk Management Framework, the Group Risk Management Committee (GRMC) meets regularly to identify, assess and monitor risks related to the operations. The GRMC is comprised of all members of Management Committee of the Group, except for MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and submits its report on the key risks facing the Group to the Audit Committee quarterly. The GRMC is supported by a Risk Management Unit and Risk Champions who are the representatives from respective business clusters and support units, which facilitates in identifying, evaluating, managing and monitoring key risks. The Risk Champions are specifically tasked with ensuring the implementation of risk action plans to effectively mitigate the risks.

MSMH, as a listed company, reports its risk management activities to its own Audit Committee. Any significant risks identified are reported back to GRMC and the Group's Audit Committee.

AUDIT COMMITTEE

The Audit Committee supports the Board's oversight function on risk management and internal control through the following:

- Ensuring an effective risk management process and management of key business risks in accordance with the Group's tolerance of risks.
- Assessing the effectiveness of the Group's system of internal control vis-a-vis the risks, control environment and compliance requirements.
- Ensuring an appropriate Whistle blowing process is in place.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tadbir urus pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Ia mengiktiraf bahawa persekitaran kawalan dan rangka kerja yang kondusif adalah perlu untuk mencapai satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam menyelia pelaksanaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Jawatankuasa Pelaburan membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan pelaburan yang dilakukan adalah sejajar dengan wawasan Kumpulan dan selera risiko keseluruhan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang tersedia untuk terus mengenalpasti, menilai dan memantau risiko. Rangka Kerja tersebut membolehkan pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko perniagaan utama bagi melindungi kepentingan para pemegang berkepentingan.

